



DR. 3 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**BERHUBUNG PERKHIDMATAN RANGKAIAN
TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN (MYGOV*NET)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- | | | |
|-----|--|---|
| 1. | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | - Pengerusi |
| 2. | YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] | - Naib Pengerusi |
| 3. | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] | |
| 4. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] | |
| 5. | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| 6. | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam] | |
| 7. | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] | |
| 8. | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut] | |
| 9. | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] | |
| 10. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] | |
| 11. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] | |
| 12. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] | |
| 13. | YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] | |
| 14. | YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] | |
| 15. | YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN (MYGOV*NET)	1 - 29
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN	30 - 31
3	AGENDA MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN	-
4	LAPORAN PROSIDING	-
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	-

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA

WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU
KERAJAAN (MYGOV*NET)
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN
MALAYSIA (MAMPU)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 28 September 2021.
- 1.2. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini dalam prosiding seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	23 November 2021/ 10:30 pagi	Bil. 10/ 2021	i. YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]

BIL.	TARIKH/MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
2.	23 November 2021/ 11.30 pagi	Bil. 10(a)/2021	i. YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail, [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri] ii. YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, [Ketua Pengarah, MAMPU]

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(c) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304(a), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) mengenai Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaannya.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- (a) memanggil pihak yang berkepentingan dalam pengurusan terhadap Perkhidmatan Rangkaian MyGov*Net iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Ketua Pengarah (KP), MAMPU untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan; dan


- (b) menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM, JAN, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan diuruskan secara berpusat dengan disokong melalui satu (1) platform Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (*Government Integrated Telecommunication Network*) dikenali sebagai perkhidmatan MyGov*Net. Perkhidmatan MyGov*Net ialah infrastruktur khusus yang menghubungkan agensi-agensi Kerajaan bagi capaian perkhidmatan dalam talian. Perkhidmatan MyGov*Net telah dilaksanakan pada bulan Januari 2013 sebagai kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net yang bermula sejak tahun 1999.
- 4.2. Perkhidmatan EG*Net adalah perkhidmatan berteraskan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) yang disediakan kepada agensi Kerajaan di seluruh negara bagi tujuan capaian kepada aplikasi Kerajaan elektronik seperti dalam **Rajah 1**.

Rajah 1

Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik



Sumber: LKAN Tahun 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan

- 4.3. Perkhidmatan MyGov*Net dibangunkan bagi mewujudkan satu (1) infrastruktur rangkaian teknologi telekomunikasi (ICT) bersepadu Kerajaan yang selamat khusus untuk sektor awam dan diuruskan secara berpusat. MyGov*Net menyediakan tiga jenis perkhidmatan rangkaian iaitu WAN, Perkhidmatan Pilihan dan Rangkaian Kampus Putrajaya [Putrajaya Campus Network (PCN)]. Perkhidmatan ini membolehkan agensi Kerajaan membuat capaian ke aplikasi-aplikasi Kerajaan yang dibangunkan secara elektronik, aplikasi dalaman agensi (intranet) dan capaian internet.
- 4.4. Kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan secara rundingan terus sebagai penyedia perkhidmatan ialah syarikat GITN Sdn. Bhd. (379558-V) melalui kaedah penswastaan, iaitu *Build-Operate-Own* (BOO). Tempoh konsesi perkhidmatan MyGov*Net adalah selama 10 tahun bermula 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2022 dengan nilai siling kontrak berjumlah RM4.368 bilion. Sehingga 31 Disember 2020 sebanyak empat (4) kontrak tambahan telah ditandatangani dengan

melibatkan pertambahan siling berjumlah RM1.940 bilion menjadikan jumlah keseluruhan siling yang diluluskan RM6.308 bilion.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Ketua Audit Negara (KAN) kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu TKSU (Pengurusan) JPM dan KP MAMPU dipanggil untuk memberikan keterangan.

5.1. Penjelasan Awal Oleh Ketua Audit Negara

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid (KAN) dalam Prosiding Bilangan 10/2021 bertarikh 23 November 2021 memaklumkan penemuan audit pihak JAN seperti berikut:

(a) *Service Level Guarantee (SLG) Gagal Dicapai Kontraktor*

Kriteria menyatakan bahawa kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan SLG dan Kerajaan berhak menuntut rebat sekiranya kontraktor gagal mencapai *downtime* dan SLG tersebut. Tempoh *downtime* yang dibenarkan ialah dua (2) jam 17 minit. Terdapat dua (2) aduan yang tidak mencapai SLG kerana telah melebihi tempoh *downtime* yang dibenarkan dan pihak Kerajaan tidak menerima rebat seperti yang telah ditetapkan.

(b) *Mekanisme Pemantauan Penyenggaraan Pencegahan Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak*

Penyenggaraan pencegahan merupakan salah satu kaedah bagi memastikan peralatan dan kelengkapan sentiasa dalam keadaan yang

baik supaya perkhidmatan tidak terjejas. Namun begitu, JAN mendapati pemantauan penyenggaraan pencegahan tidak dinyatakan dalam kontrak dan penyenggaraan dibuat apabila aduan diterima daripada pihak Kementerian. Laporan secara berkala juga tidak disediakan menyebabkan status pemantauan penyenggaraan pencegahan bagi tahun 2014 hingga 2016 tidak dapat disahkan.

(c) Penamatan Perkhidmatan Pilihan Dibuat Tanpa Menjalankan Lawatan Tapak

Semakan audit mendapati Kawal Selia Padi dan Beras Cawangan Kota Kinabalu dijangka berpindah ke lokasi baharu pada 1 Februari 2019 dan telah membuat permohonan perpindahan peralatan pada 16 Januari 2019 melalui Sistem MyGov*OSF. Berikutan itu, arahan kerja bagi penamatan talian telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 28 Januari 2019 dan kontraktor telah menamatkan perkhidmatan pada 4 Februari 2019. Walaubagaimanpun, perpindahan tersebut ditangguhkan dan ini menyebabkan perkhidmatan MyGov*Net terputus selama 44 hari.

“Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dalam tempoh itu tak ada perkhidmatanlah. Kesilapan daripada segi ini. Dia sudah bagi notis untuk pindah tetapi tak jadi pindah tapi dia tak maklumkan kemudian. Jadi, kontraktor di sini pun ada juga kesilapan kontraktor. Sepatutnya kontraktor pergi ke lokasi baharu dan semak. Dia tak semak dia terus potong perkhidmatan itu. Ini pun melanggar kriteria ya. Jadi, agensi tidak mendapat perkhidmatan MyGov*Net selama 44 hari. Jadi, berdasarkan maklum balas yang kita terima daripada MAMPU, pihak kontraktor telah membuat penamatan tujuh hari selepas tarikh *notice to commence* penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan dilaksanakan secara automatik melalui sistem.

Agensi memaklumkan perpindahan ditangguhkan setelah talian ditamatkan. Agensi pun lewat jugalah. Silap agensi juga dalam kes ini.

Cuma kontraktor pun bertanggungjawab sepatutnya seperti saya katakan tadi. Patutnya dia pergi semak dulu. Kalau ikut kriteria kontrak itu, dia perlu membuat lawatan. Dia tidak membuat lawatanlah.”.

[Muka surat 7 – 8 Laporan Prosiding Bil. 10/2021 bertarikh 23 November 2021]

(d) Kelewatan Pemasangan Perkhidmatan Berwayar PCN

Berdasarkan kontrak perancangan pemasangan dan perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network* (PCN) dijadualkan pada bulan Januari sehingga September 2019. Namun, semakan audit mendapati perancangan telah dijadualkan semula antara bulan Oktober 2019 sehingga November 2020 kerana kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.

(e) Kelewatan Pemasangan Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN

Berdasarkan kontrak perancangan pemasangan dan perkhidmatan berwayar PCN dijadualkan pada bulan Jun 2018 sehingga Mac 2019. Namun, semakan audit mendapati perancangan telah dijadualkan semula antara bulan April sehingga September 2019 kerana kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.

(f) Keperluan Pelaksanaan *Due Diligence* Terhadap Pelantikan Pihak Ketiga Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak

Semakan audit mendapati infrastruktur untuk keselamatan rangkaian dan sistem sokongan PCN telah dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak. Semakan audit selanjutnya mendapati kontraktor telah melantik pihak ketiga dan telah dipersetujui oleh MAMPU bagi melaksanakan penilaian hak keselamatan ICT, *Security Posture Assessment* ke atas rangkaian MyGov*Net pada tahun 2021. Bagaimanapun, tiada klausa kontrak berkenaan dengan pelaksanaan *due diligence* kepada pihak

ketiga sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net.

(g) Pembayaran Perkhidmatan *Local Area Network (LAN)* – *Managed Switch Services* Dicaj Dua (2) Kali

Hasil analisis audit terhadap data bayaran bagi tahun 2014 hingga 2020 mendapati pembayaran bagi perkhidmatan LAN – *managed switch services* di Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah bagi bulan Januari hingga Mac 2015 telah dicaj sebanyak dua kali. Pihak audit mendapati kontraktor telah mengeluarkan bil yang berbeza namun mempunyai tarikh perkhidmatan yang sama mengakibatkan bayaran lebih sebanyak RM2,816.

(h) Caj Cukai Perkhidmatan *Sales and Services Tax (SST)* dan *Goods and Services Tax (GST)* Dikenakan Sebanyak Dua (2) Kali

Semakan audit mendapati caj cukai perkhidmatan SST dan GST sebanyak enam peratus (6%) telah dikenakan sebanyak dua (2) kali bagi tempoh September 2017 hingga Disember 2020 untuk perkhidmatan *point to point*. Perkara ini berlaku kerana pengebilan oleh kontraktor mengambil kira cukai GST dan SST dalam tempoh masa yang sama. Ini menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM26,537.00.

(i) Kesilapan Pelarasan Tuntutan Bayaran

Pihak audit mendapati terdapat kesilapan terhadap pelarasan tuntutan bayaran berjumlah RM38,244. Kesilapan penyelarasan mengakibatkan pihak MAMPU untuk membayar semula kepada kontraktor sejumlah RM3,569. Ini disebabkan terdapat kesilapan dalam kaedah pengiraan dan penyelarasan bagi tuntutan bayaran bulan September 2016.

(j) Talian dan Rangkaian MyGov*Net Tidak Digunakan Melebihi Tiga (3) Bulan

Mengikut Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Kerajaan, penamatan atau turun taraf perkhidmatan MyGov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah. Penemuan audit terhadap data penggunaan rangkaian bagi tempoh Oktober 2017 sehingga Disember 2020 mendapati rangkaian MyGov*Net tidak digunakan melebihi tiga (3) bulan berturut-turut di 61 lokasi. Namun, pembayaran tetap juga dilakukan kepada kontraktor berjumlah RM1.78 juta walaupun rangkaian tidak digunakan oleh pengguna.

(k) Penggunaan Talian dan Rangkaian MyGov*Net Yang Rendah Melebihi Tiga (3) Bulan

Analisis audit bagi tempoh antara bulan Oktober 2017 hingga Disember 2020 mendapati penggunaan talian yang rendah melebihi tiga (3) bulan berturut-turut iaitu antara 0.01 peratus hingga 20 peratus melibatkan 11 lokasi. Semakan audit mendapati MAMPU hanya menjalankan pemantauan terhadap talian oleh agensi melalui *service assurance management system* (SAMS) dan perbincangan dengan kontraktor dalam mesyuarat operasi. Laporan pemantauan penggunaan rangkaian disediakan, namun tiada tindakan yang diambil untuk menurun taraf saiz lebar jalur talian berkenaan. Pembayaran kepada kontraktor dalam tempoh tersebut berjumlah RM653,117.00. Pihak audit mendapati pembayaran tersebut tetap dilakukan mengikut kadar kontrak walaupun penggunaan adalah rendah bagi tiga (3) bulan berturut-turut.

**(I) Tempoh Proses Yang Lama Bagi Permohonan Talian Baharu,
Naik Atau Turun Taraf Talian Sehingga *Notice to Commence
(NTC)* Dikeluarkan**

Tempoh keseluruhan proses permohonan talian baharu, naik atau turun taraf talian sehingga dikeluarkan NTC oleh MAMPU adalah 30 hari. Semakan audit mendapati bahawa permohonan untuk talian baharu, naik atau turun taraf talian melebihi tempoh 30 hari iaitu antara 31 hari hingga 2,160 hari. Semakan audit turut mendapati tempoh proses penamatan dan perpindahan talian mengalami kelewatan antara dua (2) hari hingga 358 hari.

**(m) Kelewatan Penamatan Perkhidmatan Lama Menyebabkan
Penggunaan Dua (2) Jenis Teknologi Rangkaian Pada Masa
Yang Sama**

Kelewatan penamatan perkhidmatan lama menyebabkan 122 lokasi yang terlibat dengan penukaran teknologi rangkaian menggunakan pakai dua (2) teknologi rangkaian pada masa yang sama. Kelewatan ini menyebabkan berlakunya pembayaran sejumlah RM2.46 juta ke atas penggunaan dua (2) sistem rangkaian tersebut.

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid (KAN) merumuskan secara keseluruhannya, perkhidmatan MyGov*Net adalah memuaskan daripada aspek capaian kepada aplikasi Kerajaan dan dalaman agensi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan dan kontrak secara keseluruhan serta pemantauan dan kawalan daripada pihak MAMPU dan agensi. JAN telah mencadangkan syor-syor seperti berikut:

- i. memastikan pengurusan kontrak memihak kepada Kerajaan dengan menyatakan klausa berkenaan bilangan lokasi bagi pemasangan rangkaian, kekerapan pelaksanaan penyenggaraan pencegahan dan

had minimum saiz jalur bagi semua teknologi yang diterima oleh agensi;

- ii. memastikan pengurusan kewangan, termasuk pemantauan rangkaian adalah efektif, pembayaran selaras dengan penggunaan, mengenakan LAD bagi perkhidmatan yang lewat disediakan dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian di bawah kawalan MAMPU; dan
- iii. melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketiga sebelum diterima/*sign off* bagi setiap aktiviti yang berimpak tinggi atau yang melibatkan keselamatan rangkaian.

5.2. Keterangan TKSU (Pengurusan) JPM dan KP MAMPU

YBhg. TKSU (Pengurusan) JPM, KP MAMPU dan En. Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT), MAMPU] dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 telah memaklumkan bahawa perbincangan telah dibuat bersama YB Menteri Kewangan berkenaan hala tuju kontrak MyGov*Net. Berdasarkan perbincangan tersebut, MAMPU mengambil keputusan untuk melantik kontraktor secara tender terbuka bagi perkhidmatan bekalan rangkaian dan servis telekomunikasi Kerajaan setelah kontrak semasa bersama GITN Sdn. Bhd. tamat.

Maklum balas terhadap penemuan-penemuan audit adalah seperti berikut:

(a) *Service Level Guarantee (SLG) Gagal Dicapai Kontraktor*

Berdasarkan analisis audit, terdapat dua aduan yang tidak mencapai SLG dan melebihi *downtime* tetapi rebat sejumlah RM254 tidak diterima. Ini berlaku disebabkan kesilapan semasa mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019 yang mana terdapat tiket aduan yang

berstatus selesai dan ditutup pada bulan berikutnya. Tindakan telah diambil dan pelarasan rebat telah selesai dilaksanakan bagi mengelak isu ini berulang. Pihak kontraktor turut melaksanakan penambahbaikan kepada konfigurasi dan skrip pada sistem pemantauan MyGov*Net.

Selain itu, penambahbaikan turut dibuat terhadap skrip sistem dan telah berjaya mengelakkan kesilapan yang sama berulang. Pemantauan berterusan turut dilaksanakan setiap bulan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian sejak 2013. Isu ini adalah isu yang terpencil dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, JAN.

(b) Mekanisme Pemantauan Penyenggaraan Pencegahan Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak

Perkhidmatan MyGov*Net merupakan perkhidmatan terurus (*managed services*) di mana semua peralatan MyGov*Net di lokasi adalah hak milik kontraktor. Oleh yang demikian, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan ketersediaan peralatan untuk menjamin perkhidmatan yang diberi mencapai SLG yang ditetapkan. Sekiranya berlaku kerosakan, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menggantikan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Penyenggaraan pencegahan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 dibuat secara manual dan laporan pemantauan disediakan dalam bentuk salinan borang pengesahan kerja. Namun, penyenggaraan pencegahan untuk kesemua lokasi telah dilaksanakan secara berfasa iaitu pada fasa pertama pada tahun 2014 sehingga 2016, fasa kedua pada tahun 2017 hingga 2018 dan fasa ketiga pada tahun 2019 hingga 2021.

Bermula pada tahun 2016, pemantauan dan pelaporan aktiviti penyenggaraan pencegahan telah ditambah baik dengan penggunaan sistem. Sebagai penambahbaikan, klausa berkaitan kekerapan dan

jadual penyenggaraan pencegahan akan dimasukkan dalam kontrak yang akan datang. Bagaimanapun, cadangan ini akan diteliti supaya tidak memberi implikasi kos kewangan kepada Kerajaan.

(c) Penamatan Perkhidmatan Pilihan Dibuat Tanpa Menjalankan Lawatan Tapak

Berdasarkan semakan, penamatan talian dibuat berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) di mana kontraktor membuat penamatan talian tujuh (7) hari selepas tarikh arahan penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan penamatan tersebut dilaksanakan secara automatik melalui sistem. Penamatan ini mengambil kira tarikh jangkaan perpindahan yang telah dimaklumkan semasa permohonan direkodkan oleh pihak agensi. Bagaimanapun, hanya setelah talian ditamatkan barulah pihak agensi memaklumkan perpindahan lokasi pejabat ditangguhkan. Namun, talian telah dipasang semula setelah makluman tersebut diterima.

Perkara ini berlaku disebabkan agensi tidak jelas mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan. Bagi memastikan agensi memahami peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan, pihak MAMPU menggiatkan program pengurusan perubahan di mana pihak agensi dimaklumkan mengenai proses dan tatacara perkhidmatan MyGov*Net melalui hebahan e-mel, portal MyGov*Net dan forum pengguna yang diadakan di setiap zon utara, selatan, timur, barat, tengah, Sabah dan Sarawak. Isu ini juga adalah satu isu terpencil dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, JAN.

(d) Kelewatan Pemasangan Perkhidmatan Berwayar PCN

Semakan audit mendapati kelewatan pemasangan perkhidmatan berwayar PCN adalah antara 38 hingga 267 hari. Bagaimanapun, ganti

rugi tertentu yang ditetapkan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) belum dikenakan kepada kontraktor. LAD bagi perkhidmatan berwayar masih dalam semakan dan akan diselesaikan pada Disember 2021. Semakan terperinci perlu dilaksanakan kepada semua peralatan berwayar bagi mengelakkan sebarang kesilapan pengiraan LAD. Anggaran jumlah keseluruhan LAD adalah sebanyak RM44,880.45.

Sebagai penambahbaikan, pengiraan LAD secara automatik akan dilaksanakan dalam kontrak akan datang. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui mesyuarat status pelaksanaan dan mesyuarat status pengoperasian. Pengesahan LAD menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam Jawatankuasa Teknikal dan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net.

(e) Kelewatan Pemasangan Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN

Semakan audit terhadap *User Acceptance Testing* (UAT) bagi perkhidmatan tanpa wayar, *wireless PCN* mendapati 10 buah bangunan di Putrajaya mengalami kelewatan pemasangan antara 183 hingga 244 hari. Bagaimanapun, LAD belum dikenakan kepada kontraktor.

Pelaksanaan perkhidmatan tanpa wayar dilaksanakan secara berperingkat mengikut bangunan. Kelewatan pemasangan berlaku sekitar bulan Julai 2019 dan selesai sepenuhnya pada April 2021. Walaupun berlaku kelewatan, pengguna PCN masih dapat membuat capaian internet dan lain-lain aplikasi Kerajaan menggunakan infrastruktur dan rangkaian sedia ada. LAD sejumlah RM75,342.32 bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN telah diperakui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 9 Jun 2021 dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 10 Jun 2021.

Sebagai penambahbaikan, pengiraan LAD secara automatik akan dilaksanakan dalam kontrak akan datang. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui mesyuarat status pelaksanaan dan mesyuarat status pengoperasian. Pengesahan LAD adalah menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam Jawatankuasa Teknikal dan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net.

(f) Keperluan Pelaksanaan *Due Diligence* Terhadap Pelantikan Pihak Ketiga Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak

Pelaksanaan perkhidmatan MyGov*Net dipantau melalui struktur tadbir urus iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu projek terdiri daripada MAMPU, MOF, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan juga daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan ahli mesyuarat Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada agensi pengguna MyGov*Net iaitu Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Pejabat Ketua Pendaftar Persekutuan.

Pelantikan pihak ketiga telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada pihak Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu. *Due Diligence* telah pun dilaksanakan melalui perakuan dan kelulusan mesyuarat tersebut. Sehubungan itu, isu ini telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, JAN.

**(g) Pembayaran Perkhidmatan *Local Area Network (LAN)* –
Managed Switch Services Dicaj Dua (2) Kali**

Bayaran balik berjumlah RM2,816 telah dibuat pada 4 Disember 2020 dan tindakan penambahbaikan kepada pengebilan MyGov*Net telah dibuat dengan mewujudkan sistem pengebilan dalam sistem MyGov*OSF pada tahun 2018. Bagi mengelakkan isu seperti ini daripada berulang, kontraktor membuat semakan silang setiap bulan dengan data daripada sistem pemantauan pengoperasian MyGov*Net.

Sehubungan itu, pihak MAMPU telah mewujudkan pasukan semakan pengebilan (*billing*) yang akan menyemak butiran perkhidmatan setiap bulan dengan memastikan pengebilan teratur mengikut SOP yang telah ditambah baik. Selain itu, pengauditan *quality assurance* secara berkala setiap bulan turut dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

**(h) Caj Cukai Perkhidmatan *Sales and Services Tax (SST)* dan
Goods and Services Tax (GST) Dikenakan Sebanyak Dua (2)
Kali**

Bayaran balik bagi pertindihan caj cukai perkhidmatan SST atau GST berjumlah RM26,537 telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020. Sebagai penambahbaikan, pihak kontraktor hanya perlu mengemukakan surat kadar harga tanpa menyatakan cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan tersebut akan dikira secara automatik melalui sistem pengebilan.

(i) Kesilapan Pelarasan Tuntutan Bayaran

Semakan terhadap data bayaran tahun 2015, 2016 dan 2019 mendapati terdapat kesilapan kaedah pengiraan pengebilan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor berjumlah RM3,569. Isu ini disebabkan kesilapan kaedah pengiraan pengebilan yang

melibatkan bilangan pengiraan hari. MAMPU telah menambah baik kaedah pengiraan pengebilan bagi mengelakkan isu ini berulang. Pelarasan pembayaran telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020.

Pihak MAMPU turut menambah baik SOP dengan menggunakan kaedah pengiraan baharu yang sesuai dan mengambil kira semua situasi pelaksanaan pemasangan talian. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.

(j) Talian dan Rangkaian MyGov*Net Tidak Digunakan Melebihi Tiga (3) Bulan

Berdasarkan klausa perjanjian konsesi, pihak MAMPU boleh membuat penamatan atau turun taraf talian dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan dan permohonan dari agensi. Aktiviti ini dilaksanakan secara berterusan seperti mana bermula pada tahun 2013 sehingga November 2021, dan sebanyak 5,009 lokasi ditamatkan perkhidmatan serta 1,792 lokasi talian telah diturun taraf kelajuan. Sekiranya tidak ditamatkan dan diturun taraf, perbelanjaan perkhidmatan tersebut dianggarkan berjumlah RM20 juta.

Sehubungan itu, pihak MAMPU akan meneliti dan mengkaji kesesuaian caj bayaran berdasarkan model penggunaan *Pay-Per-Use* dalam kontrak yang akan datang dan pada masa hadapan. Model ini masih di peringkat kajian oleh pihak MAMPU bagi menentukan kesesuaian dan tahap praktikal penggunaan model tersebut di Malaysia.

(k) Penggunaan Talian dan Rangkaian MyGov*Net Yang Rendah Melebihi Tiga (3) Bulan

MAMPU telah mengeluarkan e-mel notifikasi pengguna rendah dan mendapatkan justifikasi daripada agensi berkenaan. Antara justifikasi

yang diterima daripada agensi berkenaan penggunaan talian dan rangkaian yang rendah disebabkan cara norma kerja agensi yang menggunakan talian apabila perlu sahaja. Berdasarkan hasil pemantauan dan semakan yang dilakukan, tindakan menurun taraf talian dan kelajuan internet dilaksanakan oleh pihak MAMPU mengikut keperluan.

Pihak MAMPU akan turut meneliti dan mengkaji kesesuaian caj bayaran berdasarkan model penggunaan *Pay-Per-Use* dalam kontrak yang akan datang. Selain itu, bagi menaikkan penggunaan talian yang dibekalkan, agensi digalakkan untuk membangunkan aplikasi atau kandungan dan tidak hanya fokus kepada aplikasi utama Kerajaan sahaja, seperti ePerolehan, iGFMAS, HRMIS dan lain-lain.

(I) Tempoh Proses Yang Lama Bagi Permohonan Talian Baharu, Naik Atau Turun Taraf Talian Sehingga *Notice to Commence (NTC)* Dikeluarkan

Berdasarkan semakan audit, tempoh proses kelulusan permohonan tidak dinyatakan di dalam SOP yang menyebabkan proses bagi permohonan talian baharu mengambil tempoh masa yang lama. Pihak MAMPU tidak menetapkan tempoh masa pengeluaran NTC di atas faktor seperti berikut:

- i) agensi dibenarkan untuk membuat permohonan awal sekiranya maklumat telah tersedia. Namun permohonan bergantung kepada ketersediaan lokasi (*site preparation*) dari segi ketersediaan ruang peralatan, bekalan kuasa elektrik dan lain-lain;
- ii) permohonan yang diluluskan dan NTC yang dikeluarkan akan disesuaikan dengan situasi sebenar; dan
- iii) permohonan yang dikemukakan oleh agensi tidak lengkap yang menyebabkan pasukan projek perlu mendapatkan maklumat

lanjut daripada kontraktor serta juga agensi sebelum permohonan diluluskan dan NTC dikeluarkan.

Bagaimanapun, SOP permohonan telah ditambah baik dengan memasukkan bilangan hari bagi proses kelulusan dan pengeluaran NTC. Dengan adanya penambahbaikan ini, kawalan terhadap tempoh kelulusan dapat dilakukan oleh pihak MAMPU. Agensi akan diberi tempoh bagi membuat persediaan yang sewajarnya terhadap permohonan masing-masing dan sekiranya tiada tindakan yang diambil oleh agensi, pihak MAMPU akan menolak permohonan tersebut.

Selain itu, pemantauan berterusan setiap bulan turut dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.

(m) Kelewatan Penamatan Perkhidmatan Lama Menyebabkan Penggunaan Dua (2) Jenis Teknologi Rangkaian Pada Masa Yang Sama

Pihak MAMPU telah membangunkan SOP pertukaran teknologi pada Januari 2021 supaya tiada pertindihan dalam caj berlaku di masa akan datang. Seterusnya, pihak MAMPU telah mengambil tindakan pelarasan keseluruhan sebanyak RM2.49 juta termasuk cukai perkhidmatan kerana telah dibayar balik oleh pihak kontraktor untuk semua 122 lokasi yang telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2020 dan 31 Mei 2021. Dengan adanya SOP ini pertindihan dalam caj untuk dua (2) teknologi berbeza bagi lokasi yang sama telah dapat dielakkan. Pemantauan berterusan setiap bulan turut dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) merumuskan bahawa banyak yang telah dipelajari daripada pengendalian kontrak MyGov*Net dan MAMPU mengambil langkah yang lebih proaktif bagi

memastikan rangkaian telekomunikasi bersepadu Kerajaan sentiasa ditambah baik daripada segi penyampaian perkhidmatan serta pengurusan kontrak.

5.3. PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

5.3.1. Keberkesanan Pemantauan Oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Berkaitan

YBrs. En. Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT) MAMPU, JPM] dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 menyatakan keberkesanan jawatankuasa bagi memantau perjalanan kontrak adalah terhad daripada segi kepakaran dan prosedur yang dijalankan secara manual. Pihak MAMPU telah mengambil langkah untuk melihat semula jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat dan mengambil inisiatif untuk mengautomasikan beberapa proses yang berkaitan agar lebih efisien dan tindakan segera dapat diambil.

“Tuan Pengerusi: Okey, so soalan lanjut saya. Untuk jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini bermesyuarat sebulan sekali tetapi kita masih nampak ada banyak isulah. Katakan isu kecil pun bukan kecil. Bagi audit ia merupakan pencapaian dan juga pematuhan. Kenapa isu sebegini masih berlaku? Katakan ada LAD isu yang tidak *claim* walaupun amaun dia kecil. So, jawatankuasa kecil itu sepatutnya mempunyai satu tanggungjawab memainkan peranan untuk memastikan kelancaran kontrak ini. So, apa pandangan daripada saksi?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Pertama ialah segi pasukan projek itu sendiri. Sebagai contoh ialah dari segi pengiraan caj itu memang kita pada awalnya kita membuat secara manual. So, dari segi kepakaran—

kebanyakan pasukan projek ialah terdiri daripada pasukan IT. So, kita memang kena belajar tentang kewangan juga di situ. So, mungkin ada sedikit kelemahan dekat situ tetapi sebabkan manual masa dahulu tetapi sekarang bila kita dah masuk dalam sistem, benda itu sudah *insya-Allah* sudah dapat diselesaikan. Kita *improve*-kan sedikit demi sedikit proses kerja kita. So, bila kita menghadapi masalah dan kita akan *improve*-kan lagi. So, sentiasa *improve*. Memang sentiasa berlaku dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi: Boleh saksi memberikan— lepas ini. Selepas prosiding ini, berikan kepada sekretariat satu carta organisasi berkenaan dengan semua jawatankuasa yang ada. Kita hendak *check*. Kita hendak semak di manakah berlakunya masalah. Ini kerana 13 isu yang dibangkitkan oleh audit— bagi kamilah, pengalaman kami 13 isu dalam satu kes adalah banyak tahu. Banyak. So, *normally audit will pick up like five to six isu*. Akan tetapi sini untuk projek ini 13 dan apa yang kami nampak *of course* belum nampak lagi ada apa-apa *punitive issue*. Akan tetapi adalah bagaimana kita hendak memastikan kontrak apabila— masa perjalanan kontrak itu adalah lancar dan tidak ada isu-isu audit yang dibangkit. So, itu pandangan daripada saya. Mungkin saya jemput saksi untuk teruskan.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Tuan Pengerusi, pasukan-pasukan yang kita tubuhkan ini sebenarnya memang kita akan *revisit* sebenarnya. Kita memang buat *review* dan perbincangan dengan pihak kontraktor. Sebenarnya isu-isu dan masalah sentiasa *in our radar*. Sebenarnya dalam radar kita. Kalau ada, kita atasi dan juga kita *improve*-kan sistem-sistem yang diperlukan. Sebagai contoh katakan dahulu secara manual, kita akan *automate*-kan dia. Semua benda akan kita *automate*-kan dan kita letak jangka masa di situ.

So, pada contohnya tentang pemantauan dahulu secara manual, kita ambil masa untuk sistem itu dibangunkan dan kita pantau, kita pastikan

sistem itu dibangunkanlah. Jadi, pasukan projek memang *detail* benda itu semua. Jadi, kalau ada isu-isu begini, kita yang— diambil oleh pihak audit ini atau *findings* oleh audit ini, kita akan lihat supaya perkara-perkara ini tidak akan berulang lagi. Itu yang kita usahakan supaya semua akan jadi *automate*. Pemantauan adalah secara *automate* dan juga kita akan respon segera. Itu tindakan yang dibuat oleh pihak pasukan projek dan perkara ini dimaklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan juga dimaklumkan dalam Jawatankuasa Pemandu. *The way forward* apa yang kita telah laksanakan.

So, penambahbaikan sentiasa berlakulah Tuan Pengerusi.”.

[Muka Surat 16 – 17 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

5.3.2. Perancangan MyDIGITAL dan Peranan MAMPU Sebagai Jabatan Teknikal ICT

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 menyatakan bahawa di bawah pelan MyDIGITAL, pihak MAMPU akan dijadikan jabatan teknikal kepada Kerajaan bagi perkara berkaitan ICT. Dalam pelan tersebut, MAMPU akan dijadikan pusat tumpuan dan rujukan bagi semua projek Kerajaan berkenaan ICT dan akan menyelaraskan keperluan kementerian dan jabatan Kerajaan. Ini adalah satu inisiatif untuk mengurangkan kontrak yang bersifat *vendor driven* dan pertindihan fungsi aplikasi yang dibangunkan oleh kementerian dan jabatan.

“Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Seri satu lagi. Now, kita memang faham peranan yang dimainkan oleh MAMPU sebagai satu *expert ICT* bagi Kerajaan. So, kita pun nampak ada banyak kes perolehan daripada Kerajaan yang melibatkan ICT yang ada masalah. Apa pandangan daripada Datuk Seri dan sama ada pihak MAMPU bersedia sekiranya pada masa depan kesemua perolehan daripada

Kerajaan khasnya berkenaan dengan isu ICT ataupun perolehan ICT ini haruslah mendapat *clearance* ataupun sijil daripada MAMPU terlebih dahulu ataupun MAMPU perlulah untuk membuat kajian *at least* benda itu *feasible* dan sebagainya baru agensi-agensi lain boleh masuk untuk membuat perolehan tersebut. Apakah pandangan daripada Datuk Seri?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat di bawah MyDIGITAL juga Yang Berhormat ada satu inisiatif yang MAMPU jadi *champion* di bawah kluster *government* yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN untuk menjadikan MAMPU jabatan teknik kepada Kerajaan untuk ICT.

Macam juga JKR. JKR jabatan teknik kepada Kerajaan untuk pembinaan struktur bangunan dan jalan. JPS untuk sistem air. MAMPU, Kerajaan telah bersetuju untuk jadikan jabatan teknik Kerajaan. Sebab sebelum ini Yang Berhormat, kami di MAMPU masa kementerian *submit budget* kepada EPU, *submit budget* kepada MOF, kami tidak terlibat. Dari segi keperluan sistem yang hendak dibangunkan oleh kementerian kami tidak terlibat. Kami terlibat bila sistem itu hendak ditender, baru MAMPU dipanggil untuk melihat dari segi sistem.

Akan tetapi dari segi keperluan sistem, ada *duplication* dengan jabatan lain, kami tidak terlibat. Akan tetapi dalam di bawah jabatan teknik yang kami sedang buat *preparation* sekarang ini untuk kami bentangkan kepada *high level government officer* ini, kami minta kuasa itu diberi kepada MAMPU. Masa di peringkat *initiation order project* itu MAMPU sudah terlibat Yang Berhormat. Sebab kita tidak hendak projek yang dibina nanti ada *vendor driven*. Ia tidak ada *value for money* kepada rakyat. Kita ada *duplication* antara kementerian-kementerian. Jadi, MAMPU akan jadi *focal point* untuk semua projek ICT Kerajaan lepas ini, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ini merupakan status terkini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya.”.

[Muka Surat 28 – 29 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

5.3.3. Hala Tuju MyGov*Net

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 memaklumkan status terkini serta rancangan pihak MAMPU dalam mengendalikan kontrak MyGov*Net serta kontrak-kontrak yang akan dibuat pada masa hadapan. Makluman status dan hala tuju pihak MAMPU adalah seperti berikut:

i. Aset dan Infrastruktur Rangkaian

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 menyatakan bahawa kontrak MyGov*Net antara Kerajaan dan GITN Sdn. Bhd. adalah berbentuk sewaan. Oleh itu, aset serta peralatan yang dibekalkan adalah hak milik GITN Sdn. Bhd. dan bukan hak milik Kerajaan.

“Tuan Pengerusi: ... Keseluruhan projek ini memakan satu kos RM6 bilion. Itu satu kos yang amat besar dan digunakan kontraknya dari tahun 2013 sampai 2021 untuk lapan tahun sahaja. Tahun 2022 untuk sembilan tahun— 10 tahunlah. RM6 bilion dan selepas itu jika ada lantikan baharu untuk mana-mana syarikat, *what happened to this RM6 billion investment* yang telah pun kita belanja dalam 10 tahun ini. *That is my concern* iaitu berkenaan dengan *software, hardware*. Sekiranya syarikat konsesi ini masih memegang di bawah konsep BOO, kesemua milikan *software, hardware* itu, *at the end of the day* syarikat baharu yang mendapat tender, mereka terpaksalah untuk mengambil alih dengan satu kos yang tinggi *and that would actually*

double the price of— I mean ia akan menambah kepada harga yang akan dibayar oleh Kerajaan nanti.

So, itulah kemasukan dan kebimbangan yang saya ada. Apa yang akan berlaku *after 2022?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelaksanaan MyGov*Net ini adalah secara sewaan. Maknanya *equipment* disediakan oleh pihak GITN dan *government* membayar sewa mengikut penggunaan. Itu sahaja konsepnya, Yang Berhormat.

Jadi, daripada segi— bagi sayalah dengan RM6 bilion bayaran dibuat oleh Kerajaan dan pihak syarikat pun sudah *recoup* balik dia punya *investment and based on my engagement* dengan syarikat semasa kita hendak tambah bajet dia tidak cukup RM1.9 bilion itu, *I* sudah go *through cash flow* dia Yang Berhormat, memang *I* nampak *double charge* kepada *government*. Sebab apa *I* kata *double charge* Yang Berhormat, *because GITN is 100 percent owned by Telekom*. GITN dia *leverage on* Telekom punya *infra and di situ* Telekom sudah dapat *profit.. Then GITN charge another margin lagi kepada government and then on top of that* Telekom dapat dividen lagi daripada GITN. Jadi saya nampak di situ memang *very lucrative business* lah *for Telekom* dengan projek ini.

Cuma tinggal lagi soalan *concern* Yang Berhormat tadi daripada segi *hardware* yang telah dibelanjakan oleh pihak Telekom. Itu sudah bagi konsep BOO ini Yang Berhormat, itu adalah aset GITN dan bagi kami, itu terpulang kepada mereka dan mereka berhak untuk masuk tender selepas ini Yang Berhormat.”.

[Muka Surat 30 – 31 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) turut memaklumkan bahawa pengurusan aset-aset MyGov*Net adalah tertakluk kepada kontrak serta pihak kontraktor, sama ada aset-aset tersebut masih boleh diguna pakai dan dipindah milik atau perlu digantikan dengan aset baharu yang lebih sesuai dengan perkembangan teknologi semasa.

“Tuan Pengerusi: Okey, soalan saya sekiranya kita hendak lantik satu kontraktor baharu pada tahun depan selepas projek ini siap. Apa yang terjadi dengan kesemua *software* dan *hardware* yang telah pun dibina dalam...

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Obsolete?

Tuan Pengerusi: ...Dalam projek ini? *This project costs around RM6 billion so I am sure they will have the system. The software is there, the hardware is there* dan dengan konsep BOO tadi, *so the new company may not be able to take over* bukan. So, apakah pandangan Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail dalam isu ini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ia tengok nanti, Tuan Pengerusi. Kalau *the new party* masuk nanti, mungkin ia boleh *discuss* dengan GITN sama ada ia hendak *leverage on the existing asset* ataupun ia hendak *purchase new asset, new technology*. Itu terpulang kepada *business consideration* dia Tuan Pengerusi. Apa yang penting untuk Kerajaan kita tidak hendak sistem *internet* di *office* Kerajaan terganggu. Terganggu dan terputus. Itu sahaja.”.

[Muka Surat 6 – 7 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

ii. Pengurusan Kontrak

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) dalam prosiding Bil.10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021 menyatakan bahawa sebagai penambahbaikan dan meningkatkan *value for money on investment made*, kontrak perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bersepadu Kerajaan akan dibuat secara tender terbuka di mana kontrak tersebut akan dipelawa kepada pemain-pemain industri, agar mendapat harga serta perkhidmatan yang paling optimum dan sesuai dengan norma kerja sektor Kerajaan.

“Tuan Pengerusi: Di bawah perjanjian, sama ada ia ada menyatakan apa-apa klausa berkenaan dengan lanjutan kontrak tersebut?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak ada *but— so, maybe later* saksi kena berikan keterangan kepada pihak PAC. *What is next?* Jika tidak ada lanjutan, *so what is next for this project?*

...

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Saya sudah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz isu kontrak MyGov*Net ini, Tuan Pengerusi. Oleh sebab dulu isu yang *concern* daripada pihak sayalah. Saya pun bekas pegawai Kementerian Kewangan Yang Berhormat. Saya melihat di situ cara *governance tadbir urus* projek ini, dia dilantik secara *direct negotiation*, rundingan terus. Makna, masa dilantik dahulu kita tidak ada *price competition* jadi kita melihat di situ— kita sudah tahu, *what is the right price for government* untuk projek ini. Jadi, saya bekas Pegawai MOF, Yang Berhormat saya bukan *champion direct negotiation*. *Discuss* dengan Yang Berhormat Datuk Seri Utama

Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, bincang dengan dia, kita *open tender*. Ramai lagi *players* di luar sana yang boleh buat servis macam ini.

Macam Telekom Malaysia, ia tidak rugi Tuan Pengerusi sebab infra telekomunikasi negara ini *belongs to Telekom Malaysia*. Siapa yang dapat pun projek itu nanti, Telekom Malaysia *still* dapat *business*. Jadi, kami sedang *prepare* sekarang ini daripada segi kontrak, *bill of quantity*, kita akan tengok *the best business model, the best technical model* untuk *government*-lah. *Lesson learnt*, kita belajar daripada projek ini Tuan Pengerusi banyak membantu *government* untuk kita *move forward*, kita buat yang terbaik untuk ada *value for money for the government*.”.

[Muka Surat 5 – 6 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (KP MAMPU) turut memaklumkan bahawa penambahbaikan turut dibuat terhadap kontrak. Pembayaran terhadap servis yang diberi akan menggunakan model *Pay-Per-Use* dan beberapa proses pengurusan dan pengebilan juga akan diautomasikan.

“Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk hala tuju Yang Berhormat, kalau kita *lesson learnt* daripada pengalaman sembilan tahun kita *through Gov*Net* dengan GITN ini. Satunya untuk LAD tadi kita akan *go for automation*. Makna tidak ada manual lagi dan juga isu-isu yang lain.

Kedua, memang kita akan tambah baik lagi kontrak ini yang 2.0 nanti, *especially* dari segi *mode of payment*, Yang Berhormat. Macam sekarang ini kita *fixed*. Macam kita bayar internet kita dekat rumah, Yang Berhormat. *You guna kah, you tidak guna kah, you bayar RM200 per month*. Akan tetapi untuk Gov*Net yang 2.0 nanti, kita akan

mencadangkan kepada *government* kita pakai *new model Pay-Per-Use*. Macam bila kita guna air dan *electricity* dekat rumah kita ada meter Yang Berhormat. Jadi, kita akan bayar dia berdasarkan penggunaan dia. Jadi, tidak timbul teguran audit yang mana kita membazir. Jabatan kita guna untuk jabatan 100 Mbps, dia guna *only 50 Mbps*. Tidak timbul dah isu itu nanti. Dengan *Pay-Per-Use* nanti kita akan laksanakan macam bayaran berdasarkan penggunaan dan kita akan tambah baik dari segi *business*, teknikal nanti Yang Berhormat untuk Gov*Net 2.0 nanti. *Insya-Allah.*".

[Muka Surat 35 Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2021 bertarikh 23 November 2021]

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 6.1. Jawatankuasa-jawatankuasa pemantau kontrak adalah kurang berkesan dalam memastikan pengurusan kontrak MyGov*Net berjalan dengan lancar. Bidang kepakaran keahlian jawatankuasa-jawatankuasa pemantau kontrak yang tidak menyeluruh serta kekurangan penyelarasan antara jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat menyebabkan pemantauan kontrak tidak efisien.
- 6.2. Aset-aset rangkaian MyGov*Net tidak menjadi aset Kerajaan apabila kontrak tamat pada tahun 2022 disebabkan kontrak berkonsep *Build-Operate-Own* (BOO). Konsep ini adalah tidak memihak kepada Kerajaan.
- 6.3. Tindakan MAMPU untuk mengautomasikan proses pengurusan kontrak adalah sejajar dengan perubahan persekitaran teknologi dan bersesuaian dengan penggunaan sistem berkapasiti dan berteknologi tinggi. MAMPU masih dalam proses kajian untuk memperkenalkan konsep *Pay-Per-Use*.
- 6.4. Cadangan untuk menjadikan MAMPU sebagai Jabatan Teknikal ICT Kerajaan dapat membantu proses integrasi sistem serta mengurangkan pertindihan fungsi aplikasi-aplikasi yang dibangunkan oleh kementerian dan jabatan. Ini secara tidak langsung akan mendatangkan penjimatan serta penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien, holistik dan mesra pengguna.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parliment mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 7.1. Kerajaan perlu menilai keberkesanan MyGov*Net dalam sistem penyampaian Kerajaan sebelum membuat keputusan sama ada hendak menaiktaraf sistem sedia ada atau digantikan dengan satu sistem baharu setelah pengakhiran kontrak pada tahun 2022.
- 7.2. Kerajaan hendaklah memastikan konsep *Pay-Per-Use*, sekiranya diperkenalkan, akan memanfaatkan Kerajaan daripada segi penjimatan kos.
- 7.3. MAMPU haruslah diperkasakan daripada segi fungsi, peranan dan kepakaran sebagai satu Jabatan Teknikal ICT Kerajaan berpusat.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



GLOSARI

GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
BOO	<i>Build-Operate-Own</i>
EPU	Unit Perancang Ekonomi
GST	<i>Goods and Services Tax</i>
ICT	Rangkaian Teknologi Telekomunikasi
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran
KAN	Ketua Audit Negara
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KLN	Kementerian Luar Negeri
KP	Ketua Pengarah
KSN	Ketua Setiausaha Negara
LAD	<i>Liquidated Ascertained Damages</i>
LAN	<i>Local Area Network</i>
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan
MyGov*Net	Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan
MyGov*OSF	<i>MyGov*Net Online Service Fulfilment</i>
NTC	<i>Notice to Commence</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PCN	<i>Putrajaya Campus Network</i>
PM	Peraturan Mesyuarat
SAMS	<i>Service Assurance Management System</i>
SLG	<i>Service Level Guarantee</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SST	<i>Sales and Services Tax</i>

TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
UAT	<i>User Acceptance Testing</i>
UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta
WAN	Rangkaian Kawasan Luas
YBhg	Yang Berbahagia
YBrs	Yang Berusaha

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

- ❖ Bil. 10/2021 pada Selasa, 23 November 2021
- ❖ Bil. 10(a)/2021 pada Selasa, 23 November 2021

LAMPIRAN A

**MESYUARAT PRA PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC)**
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 10 TAHUN 2021
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
23 November 2021 (Selasa) 10.30 pagi	Prosiding Bil. 10 Tahun 2021: "Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan" (LKAN 2019 Siri 2- Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)	JABATAN AUDIT NEGARA (JAN): (i) YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara

LAMPIRAN A

**MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 10(A) TAHUN 2021
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
23 November 2021 (Selasa) 11.30 pagi	Prosiding Bil. 10(a) Tahun 2021: "Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan" (LKAN 2019 Siri 2- Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)	JABATAN PERDANA MENTERI (JPM): (i) Yang Berbahagia Dato' Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU): (i) Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Bil. 10/2021 pada Selasa, 23 November 2021**
- ❖ **Bil. 10(a)/2021 pada Selasa, 23 November 2021**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 23 November 2021

Bil. 10/2021

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:
**Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi
Bersepadu Kerajaan**

- 1. Jabatan Audit Negara (JAN)**
YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhlil bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parliment Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkifli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parliment Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parliment Malaysia]

HADIR BERSAMA (samb/-)**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Hamizah Abd. Manaf [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan (MOF)

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]

YBrs. Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Puan Nor Hanani binti Lias [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Mohamad Khairol Mohamad [Penolong Kanan Rasuah]

SAKSI**Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Audit 7 (Bahagian Audit Dalam)]

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),
Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]

Encik Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT)]

Puan Zaiha binti Mat Nor [Timbalan Pengarah (Bahagian Perundingan ICT)]

Encik Aimi Fadzi bin Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]

Encik Mahathir bin Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]

LAPORAN PRA PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 23 November 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.34 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Jam 10.34 pagi saya memanggil mesyuarat ini. Salam sejahtera dan selamat pagi. Selamat datang saya ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Juga saya ucapan terima kasih kepada *ex-officio* yang hadir AGC, JPA, MOF, JAN, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dan juga Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada pagi ini PAC Parlimen akan memulakan prosiding baharu berhubung Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (*MyGov*Net*) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2.

Seperti biasa sebelum kita memanggil saksi-saksi dari JPM dan MAMPU masuk untuk memberikan penjelasan, jawatankuasa ini terlebih dahulu akan mengadakan mesyuarat pra prosiding dengan mendengar taklimat dan penjelasan daripada Ketua Audit Negara berhubung isu ini. Seperti biasa yang hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara. Terima kasih kerana hadir sekali lagi di hadapan PAC. Yang Berusaha Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman, Pengarah JAN serta barisan pegawai-pegawai daripada JAN.

Seperti yang kita telah mula pada minggu lepas, bagi *ex-officio*, saya ingin menjemput *ex-officio* untuk memberikan sedikit pandangan berkenaan dengan kes yang akan disiasat pada pagi ini dan pandangan tersebut sama ada membabitkan perolehan kah, peruntukan kewangan atau sebarang kesalahan dalam isu *MyGov*Net* ini. Jadi, kita akan mulakan dengan AGC diikuti dengan JPA dan selanjutnya. Dipersilakan, AGC.

Puan Hamizah Abd. Manaf [Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara (AGC)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya wakil daripada AGC. Okey, setelah meneliti kertas yang dibentangkan sebelum ini di dalam LKAN, kita dapat bahawa kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan ini adalah lebih kepada isu-isu pemantauan dan pengurusan kontrak. *It's up* kepada Jawatankuasa PAC untuk menentukan sama ada perkara ini perlu— sebab...

Tuan Pengerusi: Any element yang berkaitan dengan tafsiran kontrak tak?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Saya nampak macam tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Ya, kita sambung ke JPA.

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)]: Bagi JPA, tiada jawatankuasa siasatan ditubuhkan kerana kami tidak menerima sebarang teguran punitif dari Jabatan Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Jabatan Akauntan Negara.

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan), Jabatan Akauntan Negara]: Ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Sila.

Encik Mohd Sabree bin Yaakub: Jadi, apa yang kita lihat di sini adalah lebih kepada yang isu berkaitan dengan pemantauan perkhidmatan yang diberikan, Tuan Pengerusi. So, jadi selain itu kita tidak nampak yang— inilah. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih. SPRM.

Encik Mohamad Khairol Mohamad [Penolong Kanan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]: Tuan Pengerusi, selamat pagi. Ikutkan kita lihat dari segi governance sahajalah di isu ini. Itu sahaja. Governance.

Tuan Pengerusi: Okey, so far belum ada apa-apa isu punitiflah?

Encik Mohamad Khairol Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, kita akan teruskan dan *last* EPU. EPU ada? Oh, belum? Okey. MOF perlu tidak? MOF? Ya.

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat), Kementerian Kewangan (MOF)]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Saya wakil dari MOF untuk prosiding kali ini. Secara *general*, saya tengok ada terdapat pembaziran wang kerajaanlah dalam isu yang terlibat dalam teguran LKAN kali ini. Kemungkinan boleh— mungkin perlu panjangkanlah untuk tindakan pegawai-pegawai yang terlibat. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, maka dengan itu— *so very quick one*. So, terima kasih kepada semua *ex-officio* atas input tambahan dan jadi tanpa membuang masa saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara untuk memberikan penjelasan dan penjelasan terkini daripada JAN untuk isu ini termasuk status setiap isu dalam *AG Dashboard* dan sebagainya. Jika ada apa-apa persoalan bolehlah bangkit kepada Ketua Audit Negara dan dengan itu saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara. *I think* masa diperuntukkan sejam atau kurang daripada itu. Terima kasih.

■1040

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengurus. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, pegawai-pegawai daripada *ex-officio* dan juga rakan-rakan saya dari Jabatan Audit Negara.

Pembentangan kali ini adalah berkenaan dengan perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) yang ditadbirkan oleh MAMPU. Dari segi isi kandungan pembentangan hari ini, kita akan menumpu kepada 13 isu audit daripada yang kita sebutkan di bawah daripada (a) sehingga (m) itu ya, 13 isu audit. Kebanyakannya adalah berkaitan dengan kelemahan pengurusan kontraklah antaranya dan kita dapatti tiada isu punitif, kebanyakannya korektif. Saya akan huraikan selepas ini.

Seterusnya, sebagai latar belakang. Perkhidmatan MyGov*Net ini ialah perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan iaitu *Government Integrated Telecommunication Network* yang diurus secara berpusat. Ia merupakan infrastruktur khusus yang menghubungkan agensi-agensi kerajaan bagi mencapai perkhidmatan dalam talian. Perkhidmatan MyGov*Net telah dilaksanakan pada bulan Januari 2013 sebagai kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net yang bermula tahun 1999. Kontraktor yg dilantik secara rundingan terus ialah syarikat GITN Sdn. Bhd. melalui kaedah penswastaan, BOO (*Build-Operate-Own*). Projek dilaksanakan selama 10 tahun bermula 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2022, makna hujung tahun hadapanlah dengan nilai kontrak asal sebanyak RM4.368 bilion. Ada terdapat empat kontrak tambahan yang telah ditandatangani melibatkan kos tambahan sebanyak RM1.94 bilion, menjadikan kos keseluruhan MyGov*Net adalah RM6.3 bilion. Sehingga Disember 2020, sebanyak RM4.758 bilion telah dibuat pembayaran.

Dua objektif utama pelaksanaan MyGov*Net ialah mewujudkan satu infrastruktur Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang selamat khususnya untuk sektor awam dan diurus secara berpusat. Kedua, menyediakan satu platform kepada agensi-agensi kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi kerajaan yang dibangunkan secara elektronik, aplikasi dalaman agensi, intranet dan capaian Internet.

Seterusnya, ini skop perkhidmatan. Ia ada tiga skop iaitu pertama, rangkaian kawasan luas atau *wide area network* (WAN). Kedua, Rangkaian Kampus Putrajaya atau *Putrajaya Campus Network* (PCN). Ketiga, perkhidmatan pilihan. Perkhidmatan rangkaian kawasan luas menggunakan teknologi yang bersesuaian mengikut lokasi agensi. Teknologi yang digunakan terbahagi kepada empat jenis iaitu *Internet protocol*

virtual, private network, mobile, asymmetric digital subscriber line dan very small aperture terminal. Ini istilah-istilah teknikal Yang Berhormat. Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya menyediakan operasi mengurus, melaksana dan memantau operasi harian rangkaian kepada agensi kerajaan di Putrajaya dan di Cyberjaya. Perkhidmatan pilihan pula disediakan oleh kontraktor meliputi 16 jenis pilihan yang boleh digunakan oleh agensi yang menggunakan perkhidmatan MyGov*Net. Itu secara umumnya projek ini.

Seterusnya kepada objektif dan skop pengauditan. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net ini dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaan. Skop audit meliputi dua bidang utama iaitu prestasi perkhidmatan dan pengurusan perkhidmatan. Dari segi prestasi perkhidmatan, kita melihat kepada dua aspek utama iaitu pencapaian *output* iaitu dari segi pencapaian *deliverables* dan pencapaian keberhasilan ataupun *outcome*. Tadi ada dari segi *outcome* kan, dengan membuat penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan. Dari segi pengurusan perkhidmatan, kita melihat juga dari segi pengurusan kewangan dan pemantauan perkhidmatan. Bagaimana perkhidmatan itu dilaksanakan dari segi pengurusan.

Seterusnya, seperti yang saya katakan tadi ada 13 isu audit yang kita temui dan isu pertama dari segi pencapaian *output, service level guarantee*. Kriteria menyebut bahawa pihak kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan *service level guarantee* (SLG) yang ditetapkan. Pihak kerajaan berhak menuntut *rebate* sekiranya kontraktor gagal mencapai *downtime* dan *service level guarantee* yang telah ditetapkan. Dari segi penemuan audit, kita dapat bahawa dua aduan tidak mencapai *service level guarantee* iaitu melebihi *downtime* dan *rebate* tidak diterima sebanyak RM254. Tempoh *downtime* yang dibenarkan ialah 2 jam 17 minit. Walau bagaimanapun, *downtime* yang sebenar telah mencapai 7 jam 53 minit dan 11 jam 16 minit. Jadi, berdasarkan kepada maklum balas yang kita terima daripada pihak MAMPU pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, terdapat kesilapan masa mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019, di mana terdapat tiket berstatus selesai dan ditutup pada bulan berikut. Permohonan bayaran balik bagi dua lokasi yang dikenakan *rebate* telah diluluskan dan bayaran balik telah pun diperbuat pada 4 Disember 2020.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Datuk, assalamualaikum. Saya nak tanya, apa bayaran balik ini? Untuk tujuan apa itu?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Bayaran balik itu bila sebab dia lebih daripada *downtime* yang dibenarkan adalah 2 jam 17 minit sahaja, tetapi yang berlaku 7 jam *downtime*, dengan 11 jam. Jadi, dia kena dendalah. Jadi, patut dia kena kan. Bila

audit tegur, baru dia semak balik dan baru dia kutip baliklah dan dah dikutiplah. Oleh sebab itu kita anggap sebagai bukan tindakan punitif. Memang ada kesilapan di situ, tetapi kita anggap sebagai kesilapan yang tidak disengajakan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Saya...

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bertanya ini, *rebate* yang tidak diterima RM254 ini adakah ini satu jamkah, dua jamkah atau tujuh jamkah atau macam mana? Kalau kita tengok daripada *the amount of investment* yang kita bagi berbilion ringgit dan *rebate* RM254 ini macam *very insignificant* kalau kira— *I mean*, biasalah kan kalau kita dalam audit ini, *anything significant* barulah kita buat apa kata orang, *di-highlight*.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Audit ini dari segi ketidakpatuhan, satu sen pun dia *report*. [Ketawa]

■1050

Jadi maknanya kecil pun kita *report* jugalah. Dipersilakan Dr. Aida *next*.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Papar. Sila ya Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Datuk, minta tanya yang *downtime* ini adalah *downtime* untuk apa? Servis?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Maknanya perkhidmatanlah. Kalau perkhidmatan itu tak dilaksanakan katalah internet tak ada, talian putus, maknanya hanya dua jam sahaja untuk *repair* dan sebagainya. Itu kita terimalah tapi lebih daripada itu kita anggap kita denda, kita *rebate*-lah.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Terima kasih. Isu yang kedua juga pencapaian output daripada segi penyelenggaraan pencegahan. Daripada segi kriteria menyebut pihak kontraktor perlu melaksanakan aktiviti penyelenggaraan pencegahan bagi mengelak berlakunya gangguan sumber tenaga yang melibatkan *IP network* serta perolehan peralatan rangkaian.

Penemuan audit kita dapat bahawa mekanisme pemantauan penyelenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak. Jadi, kontrak itu tidak sebut daripada segi itulah. Jadi itu kelemahan-kelemahan kontraklah juga, Tuan Pengerusi. Sebab itu *again* kita kata tidak ada isu punitif. Mungkin kecuaian semasa melaksanakan itu juga kita hendak *narrow down* kepada siapa pun susah juga daripada segi itulah. Laporan secara berkala tidak disediakan, status pemantauan penyelenggaraan pencegahan tahun 2014 hingga 2016 tidak dapat disahkan.

Tuan Pengerusi: Apakah maksud penyelenggaraan pencegahan Datuk?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: *Preventive maintenance.*

Tuan Pengerusi: *Preventive maintenance.*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Maknanya dia kena *maintain* supaya pastikan alat-alat itu sentiasa *up to standard* supaya perkhidmatan itu tidak terjejas. Pihak audit tidak dapat mengesahkan status pemantauan kerana borang tidak dikemukakan untuk tujuan semakan. Jadi kita tidak dapat sahkanlah penyelenggaraan pemantauan itu daripada segi pemantauan itu.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ini apa Yang Berhormat Datuk, mekanisme pemantauan penyelenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak. Adakah sudah di-*check* dengan mereka siapa yang *vetted the agreement* itu. Pihak AG kah macam mana sebelum ditandatangani?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: Selamat pagi Tuan Pengerusi dan juga Yang Berbahagia Datuk. Untuk kebiasaan di kementerian, penyediaan kontrak adalah berdasarkan kepada PUU kementerian itu sendiri. Jadi, kontrak tersebut telah pun di-*vet-lah*, di *go through* sebelum ditandatangani. Jadi pada ketika itu mungkin mereka terlepas pandang bahawa *preventive maintenance* tidak dimasukkan dalam salah satu klausa dalam kontrak. Cumanya dia ada disediakan aktiviti yang—tapi tidak secara berkala dan penyelenggaraan ini dibuat apabila dapat aduan daripada kementerian.

So, dia laksanakan juga tapi bila ada keperluan dan *only* adalah aktiviti penyelenggaraan tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, kalau ada aduan apa namanya—kegagalan kah atau aduan tiadanya *preventive maintenance* ini?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Seperti yang kita paparkan tadi, terdapat tiga jenis servis daripada MyGov*Net antaranya ialah perkhidmatan bekalan—perkhidmatan pilihan. Perkhidmatan pilihan ini adalah peralatan yang seperti menyediakan *switchers, router, cable*. So penyelenggaraan itu adalah berdasarkan *equipment* tersebut bukan dari segi *network* ataupun rangkaian yang disediakan oleh perkhidmatan MyGov*Net.

Jadi penyelenggaraan pencegahan ini adalah sejauh mana GITN atau MAMPU untuk dia memeriksa *equipment* seperti *switchers, router* dan sebagainya ini adalah *up to the standard* seperti Yang Berbahagia Datuk mentioned tadi.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Jadi, maklum balas yang kita terima daripada MAMPU bertarikh 27 Ogos 2021 menyatakan bahawa MyGov*Net merupakan

perkhidmatan terurus di mana semua peralatan rangkaian adalah di bawah tanggungjawab dan hak milik kontraktor. Selain itu, ketersediaan capaian perkhidmatan adalah berdasarkan *service level guarantee* seperti yang termaktub dalam kontrak. Penyelenggaraan pencegahan juga merupakan salah satu cara kontraktor bagi memastikan *service level guarantee* dapat dicapai. Makna dia serah kepada kontraktorlah penjelasan itu. Akan tetapi sepatutnya kalau boleh kita ada mekanisme pemantauan di pihak MAMPU sebagai agensi bertanggungjawab tapi itu setakat itulah yang dibuatnya.

Saya teruskan kepada ketiga, pencapaian output perkhidmatan pilihan. Kriteria yang disebut adalah pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak. Kita dapat bahawa penemuan audit—sebab untuk makluman perkhidmatan pilihan ini terdapat berdasarkan kontrak, pihak kontraktor perlu menyediakan 16 jenis perkhidmatan pilihan dan dalam aspek relokasi pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak berkenaan seperti yang disebut dalam kriteria.

Semakan audit mendapati kawal selia padi dan beras cawangan Kota Kinabalu menggunakan teknologi IPVPN dengan saiz lebar jalur 2 *Megabytes per second*. Agensi berkenaan dijangka berpindah ke lokasi baharu pada 1 Februari 2019 dan berbincang dengan MAMPU serta ibu pejabat telah dilaksanakan bagi memindahkan peralatan MyGov*Net sedia ada ke pejabat baharu di Lintas Jaya, Kota Kinabalu. Permohonan untuk perpindahan peralatan ke lokasi baharu telah dibuat melalui sistem MyGovOSF pada 16 Januari 2019.

Berikutnya dengan itu, arahan kerja bagi penamatan talian telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 28 Januari 2019 dan telah ditamatkan oleh kontraktor pada 4 Februari 2019. Pada 4 Februari ditamatkan. Walau bagaimanapun, perpindahan ditangguhkan ke lokasi baharu kerana lokasi belum sedia sepenuhnya. Maknanya dia bagi notis untuk penamatan servis dan pindah ke tempat baharu, tetapi dia tak jadi pindah pada tarikh tersebut. Jadi, akibatnya bila kontraktor telah ditamatkan sebelum lokasi baharu itu berpindah atau digunakan, perkhidmatan MyGov*Net terputus selama 44 hari. Kontraktor hanya membekalkan teknologi ADSL berkelajuan 2 *Megabytes per second* pada 20 Mac 2019. Lewat 44 harilah.

Dalam tempoh itu tak ada perkhidmatanlah. Kesilapan daripada segi ini. Dia sudah bagi notis untuk pindah tetapi tak jadi pindah tapi dia tidak maklumkan kemudian. Jadi, kontraktor di sini pun ada juga kesilapan kontraktor. Sepatutnya kontraktor pergi ke lokasi baharu dan semak. Dia tak semak dia terus potong perkhidmatan itu. Ini pun melanggar kriteria ya. Jadi, agensi tidak mendapat perkhidmatan MyGov*Net selama 44 hari. Jadi, berdasarkan maklum balas yang kita terima daripada MAMPU, pihak

kontraktor telah membuat penamatan tujuh hari selepas tarikh *notice to commence* penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan dilaksanakan secara automatik melalui sistem.

Agensi memaklumkan perpindahan ditangguhkan setelah talian ditamatkan. Agensi pun lewat jugalah. Silap agensi juga dalam kes ini. Cuma kontraktor pun bertanggungjawab sepatutnya seperti saya katakan tadi. Patutnya dia pergi semak dulu. Kalau ikut kriteria kontrak itu, dia perlu membuat lawatan. Dia tidak membuat lawatanlah.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh tanya. Datuk, dalam kes ini boleh tanya agensi mana yang terjejas dan beberapa agensi yang kena dalam kes ini. Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Agensi kawal selia padi— sekejap. Agensi Kawal Selia Padi dan Beras cawangan Kota Kinabalu sahaja. Satu sahaja itu sahaja.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Satu sahajalah Datuk ya?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya, ya. Okey.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ini Tuan Pengerusi dan Datuk. Memang ada dalam perjanjian dalam kontrak bahawa pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak. So, *in your observation this was not done ya?*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya boleh Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya seterusnya kepada perkara keempat iaitu pencapaian output juga. Perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network*.

■1100

Kriteria menyebut bahawa berdasarkan kontrak perancangan pemasangan dan perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network* (PCN) dijadualkan pada bulan Januari sehingga September 2019. Namun, semakan audit mendapati perancangan telah dijadualkan semula antara bulan Oktober 2019 sehingga November 2020 kerana kelewatan kontraktor. *User acceptance testing* (UAT) bagi perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network* telah dilaksanakan di 57 daripada 60 buah bangunan kerajaan di Putrajaya di Blok C1, C2 dan C3 dijadualkan semula pada Januari 2021 hingga 17 Februari 2021 kerana agensi memohon untuk tangguhkan pemasangan

perkhidmatan berwayar ke hujung pelaksanaan PCNMS, *Putrajaya Campus Network Management System*.

Semakan audit selanjutnya mendapati kelewatan pemasangan perkhidmatan berwayar ini iaitu antara 38 hari sehingga 267 hari. LAD belum dikenakan kepada kontraktor sebab ini berlaku atas kesilapan kontraktorlah barang tidak sampai jadi bukan silap MAMPU ataupun kerajaan. Pihak audit juga tidak dapat menentukan jumlah LAD yang perlu dikenakan ke atas kontraktor kerana maklumat caj perkhidmatan *post-migration wired service* dan caj *pre-migration Putrajaya Campus Network wired service* tidak diberikan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kiraan kasar daripada kontrak LAD yang boleh dikenakan adalah RM143,469. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 1 November 2021, baru jugalah kita terima, LAD untuk kelewatan berwayar masih dalam semakan pihak MAMPU dan dijangka selesai bulan Disember ini. Mereka masih mengiralah sebenarnya. Jadi, dia kata Disember baru selesai.

Seterusnya pencapaian *output* juga, perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network*. Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* dijadualkan pada bulan Jun 2018 hingga Mac 2019. Akan tetapi, perancangan telah dijadualkan semula antara bulan April 2019 hingga September 2019. Lewat jugalah. Semakan audit mendapati punca penjadualan semula terhadap perancangan asal kerana kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor. Jadi, kontraktor jugalah di sini silap. Kesilapan atau kelewatan itu disebabkan oleh kontraktor.

Penjadualan semula ini menyebabkan bangunan yang lewat dibekalkan perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* perlu menggunakan rangkaian dan peralatan sedia ada yang masih beroperasi seperti biasa. Maknanya, kena pakai yang sedia ada lah. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net Bil.12 Tahun 2020, *user acceptance testing* bagi perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* telah selesai dilaksanakan pada 20 Januari 2020. Makna masih lewat lagilah ke atas 60 buah bangunan kerajaan di Putrajaya.

Hasil semakan audit terhadap *user acceptance testing* itu perkhidmatan tanpa wayar mendapati 10 buah bangunan di Putrajaya mengalami kelewatan pemasangan antara 183 hari hingga 244 hari. Anggaran audit LAD adalah sebanyak RM13,996 dan belum dikenakan lagi kepada kontraktor. Jadi, kita dapat maklum balas daripada MAMPU bahawa LAD telah dikenakan sebanyak RM75,342.32. Maknanya, jangkaan kita lebih rendahlah. Ini anggaran audit tadi, ya RM13,966 sahaja. MAMPU mengira

sendiri RM75,342.32. Nombor bayaran baucar adalah – telah dibayar pada 25 Jun 2021. Maknanya, selepas teguran audit itu mereka ambil tindakanlah.

Keenam, pencapaian *output*...

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita selalu dengarlah projek-projek ini mestilah berasaskan kepada permohonan dan juga keperluan-keperluan. Kita selalu dengar tentang projek-projek lambat ini. Kalau sudah 183 hari – sepatutnya ada pengawal-pengawal yang sentiasa melihat dan juga memantau projek-projek tersebut. Contohnya, kalau 10 atau 20 hari itu mungkin juga boleh kita terima tetapi kalau sudah sampai 183 hari, berapa ratus hari kan, itu satu perkara yang agak pelik. Mungkin *main contractor* ada juga *sub, sub* yang mungkin menyebabkan kelewatan dari segi sudut kontraktor dan sebagainya. Mungkin ada pandangan daripada Ketua Audit Negara.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Yang Berhormat, sebenarnya kebiasaan di kementerian bila ada projek dia mesti appoint *Project Manager Officer* (PMO). Kebiasaan PMO ini yang akan memantau status projek-projek bermulanya tarikh kontrak ditandatangani sehingga pelaksanaan projek tersebut. So, daripada kes ini sebenarnya kita dapat kontraktor itu yang lewat disebabkan penjadualan semula so, itu yang pihak MAMPU kenakan LAD kepada kontraktor tersebut.

PMO ada cuma, *that is why* kita tadi daripada aspek pemantauan dan pelaksanaan yang perlu diperbaiki dan dikuatkuasakanlah daripada aspek aktiviti dan pelaksanaan mereka.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dalam kes ini juga, kelewatan itu seperti yang saya sebutkan tadi adalah kerana bekalan barang tidak diterima tetapi masih kelemahan kontraktorlah maknanya. Maknanya, kalau *team* itu lebih proaktif sekurang-kurangnya lebih memberi tekanan mungkin boleh mengurangkan lagi kelewatan itulah. Peranan PMO itu penting juga daripada segi ini.

Tuan Pengerusi: Ada apa lagi? Tidak ada, sambung?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya pergi yang keenam. Masih pencapaian *output* perkhidmatan keselamatan rangkaian *Putrajaya Campus Network*.

Berdasarkan *schedule 1A* kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan perkhidmatan keselamatan rangkaian *Putrajaya Campus Network* yang terdiri daripada dua elemen iaitu infrastruktur keselamatan rangkaian berwayar dan tanpa wayar dan sistem sokongan *Putrajaya Campus Network*. Semakan audit mendapati infrastruktur untuk keselamatan rangkaian dan sistem sokongan *Putrajaya Campus Network* telah dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak. *User acceptance testing* bagi infrastruktur keselamatan telah dilaksanakan pada 23 November 2018 dan 14 Disember 2020. Manakala, *user acceptance testing* bagi sistem sokongan telah dilaksanakan pada 23

November 2018. Agensi juga telah diberikan ID untuk pencapaian ke NMS bagi pemantauan rangkaian *Putrajaya Campus Network*.

Semakan audit selanjutnya mendapati kontraktor telah melantik pihak ketiga dan telah dipersetujui oleh MAMPU bagi melaksanakan penilaian hak keselamatan ICT, *Security Posture Assessment* ke atas rangkaian MyGov*Net pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, tiada klausa kontrak berkenaan dengan pelaksanaan *due diligence* kepada pihak ketiga sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net.

■1110

Jadi, sepatutnya ada *due diligence* sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian tersebut.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 27 Ogos 2021, pelantikan pihak ketiga perlu mendapat kelulusan pihak kerajaan seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Klausa tersebut membolehkan pihak kerajaan melaksanakan *due diligence* melalui tadbir urus projek iaitu perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net. *Due diligence* kontraktor— pihak ketiga bagi penilaian tahap keselamatan dilakukan semasa kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net pada Januari 2021 dan 12 Januari 2021. Jadi, telah dilakukan.

Seterusnya...

Tuan Pengerusi: Kejap Datuk. Sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Datuk, saya ingin bertanya. Tadi di awal ada suatu pemerhatian audit bahawa klausa *on a preventive maintenance is not included, the contract. Now, you pointed out that* klausa berkenaan *due diligence* pun *not included in the contract*. Agak-agak ada lagi ke klausa-klausa yang sepatutnya dilihat perlu ada tetapi tidak ada dalam kontrak ini supaya kita dapat evaluate whether this contract is inclusive or comprehensive ataupun banyak kekurangannya.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Secara keseluruhannya, kita tengok ada kekurangan-kekurangan tertentu dari segi kontrak ini seperti yang kita jumpai yang saya sebutkan *due diligence, preventative maintenance* dan sebagainya. Akan tetapi keseluruhannya, ia tidak sangat menjelaskan perkhidmatan yang diberikanlah walaupun berlaku kelewatan dan sebagainya. Akan tetapi, secara keseluruhannya projek ini berjalan dengan baik. Maknanya output pun secara rata-ratanya kita berpuas hati.

Sebab itu seperti yang saya katakan tadi, kita tidak bawa isu-isu punitif, tidak ada secara keseluruhannya Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Maknanya ada kelemahan tetapi kelemahan-kelemahan itu secara relatifnya kecil berbanding dengan

kos projek yang RM6 bilion— RM4 bilion tambah, jadi RM6 bilion. Jadi tidak banyak secara relatifnya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sebagai tambahan soalan. *Your calculation for LAD was about RM13,000 tetapi dibayar RM75,000. Di mana discrepancy antara your calculation and lebihnya dibayar itu because saya yakin audit punya calculation is very detail— you look deep into it but dibayar lebih. Macam mana boleh jadi lima kali ganda boleh dapat?*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Audit ini sebab kita bukan *implementor*. Jadi maklumat-maklumat *detail* ini mungkin kita tidak dapat *feedback*, yang *detail*. So, berasaskan *calculation* kasar. Bila dia tidak bagi maklumat masa itu, masa kita hendak buat *report* dia tidak bagi maklumat. Jadi kita *calculate*— kita hendak tahu berapa lebih kurang. Jadi kita tahu bahawa tidak *accurate because* kalau orang tanya berapa, kita boleh agaklah. *According to our calculation sekian-sekian banyak.*

Akan tetapi sebagai *implementor*, MAMPU lebih tahu apa isu-isu yang lebih *detail*. Jadi begitulah bila kita buat audit, tidak semua maklumat kita dapat semasa kita hendak buat itu. Saya minta Dr. Aida jelaskan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Boleh bagi nama untuk tujuan *Hansard*.

Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk Ketua Audit Negara dan semua ahli mesyuarat. Saya Shakib dari Jabatan Audit Negara.

Cuma saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, untuk penilaian yang kita buat kiraan ini kita berdasarkan kontrak. Seperti yang sedia maklum bila dikenakan denda, denda ini mengikut spesifik harga mengikut setiap bangunan.

Akan tetapi, semasa kita membuat pengauditan kita mendapati pihak MAMPU masih belum bersedia untuk memberikan amaan-amaun yang sepatutnya diberikan LAD, tetapi kami mengambil kira sebagai contoh di dalam kontrak yang tertulis untuk kiraan secara setara. Maknanya satu bangunan kita ambil contoh RM80,000. Sebab itu, yang kita akan ambil secara keseluruhan. Contoh RM80,000 darab 10 macam itu. Akan tetapi, bila yang sebenar ia perlu mengikut hari dan nilai *building* itu sendiri, untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Datuk, sebelum kita sambung. Kita sudah sampai enam isu. Jumlah kita ada 13 kan, tidak silap saya. Apa yang saya nampak seperti yang dibangkitkan oleh ahli-ahli tadi. *The amount is relatively small tetapi apa yang kita nampak adalah ketidakpatuhan. I mean the lack of— apa yang kekurangan*

adalah kekurangan dari segi pemantauan, pentadbiran kontrak, kelemahan dalam segi itu.

Isu saya begini. Mungkin sekiranya Datuk daripada pengalaman Datuk, sama ada di pihak MAMPU atau JPM ini sepatutnya ada satu badan untuk *supervise* ataupun *oversee* perjalanan kontrak sepanjang masa ataupun memang tidak ada badan tersebut. So, mungkin soalan ini pun kita akan tanya kepada pihak saksi nanti tetapi saya minta pencerahan daripada Datuk terlebih dahulu.

Ya, sila Dr. Alifah.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk makluman MAMPU ada tubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan Projek di mana ia akan mengadakan mesyuarat selama empat kali setahun dan ia akan *identify* status pelaksanaan projek di peringkat kementerian. Jadi, dari aspek pemantauan saya rasa *sufficient enough*-lah dari aspek kalau MAMPU hendak tubuhkan. Sebenarnya jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ini ditubuhkan lepas audit ataupun pada permulaan projek?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Jawatankuasa ini ditubuhkan sebelum lagi kita buat pengauditan dan sebenarnya jawatankuasa ini adalah satu jawatankuasa di peringkat *high level*, di mana setiap kementerian ada wakilnya sendiri dan dahulunya— saya lupa ada nama selain— *actually* ia *rebrand*. Sebelum ini namanya jawatankuasa *something* tetapi sekarang Jawatankuasa Pemantauan Projek.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi nampaknya dengan isu-isu yang ada kan, nampaknya Jawatankuasa Pemantauan Projek ini tidak dapat berfungsi dengan baik. Itu yang apa yang saya boleh nampak. Apa pandangan daripada audit?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya rasa kalau jawatankuasa memang kalau di jawatankuasa *high level* ini, ia kena ada pula jawatankuasa bawah itu ataupun *team* yang bawah itu yang *monitor day-to-day*. Sepatutnya macam itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Kalau jawatankuasa *high level* ia buat *decision overall* sahaja.

Tuan Pengerusi: So, do they have that Datuk?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ada tak?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Boleh ulang semula, maaf.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ada *committee team*, PMO ada kan?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: PMO ada.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: *Project management office*.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Untuk setiap projek memang ditubuhkan PMO. Untuk setiap projek sama ada projek IT ataupun projek fizikal.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: PMO itu seorang sahajakah atau jawatankuasa? PMO itu?

Puan Nor Hanani binti Lias [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: Ia jawatankuasa, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ia pantau sepanjang masakah atau macam mana?

Puan Nor Hanani binti Lias: Macam mana?

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ia pantau sepanjang masakah atau ia buat laporan daripada orang tertentu lagi?

Puan Nor Hanani binti Lias: Ya, betul. Ia ada satu pasukan daripada bahagian—daripada MAMPU sendiri. Ia ada satu bahagian yang memang—saya tidak ingat berapa stafnya, ahli-ahlinya tetapi ada ramai yang bertindak untuk daripada awal projek pelaksanaan sampai pemantauan. Memang PMO itu sendiri yang akan laksanakan.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, sila.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya sambung kepada perkara yang ketujuh. Pengurusan perkhidmatan. Kita pindah kepada pengurusan perkhidmatan sekarang. Pembayaran perkhidmatan.

■1120

Kriteria adalah Arahan Perbendaharaan menetapkan pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Kontrak menetapkan kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi. Hasil analisis audit terdapat data bayaran pada tahun 2014 hingga 2020 mendapati pembayaran bagi perkhidmatan *local area network, managed switches services* di Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah bagi bulan Januari hingga Mac 2015 telah dicaj sebanyak dua kali. Pihak audit mendapati kontraktor telah mengeluarkan bil yang berbeza namun mempunyai tarikh perkhidmatan yang sama mengakibatkan bayaran lebihan sebanyak RM2,816. Bayaran dua kali.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, pengambilan dibuat secara manual menyebabkan berlaku pertindihan caj. Tindakan penambahbaikan pengambilan MyGov*Net telah dibuat dengan mewujudkan sistem pengambilan dalam MyGovOSF pada tahun 2018. Bagi

mengelakkan perkara ini berlaku, kontraktor telah membuat semakan silang setiap bulan dengan data *Service Assurance Management System* iaitu sistem yang digunakan untuk pemantauan pengoperasian perkhidmatan MyGov*Net.

Bayaran balik berjumlah RM2,816 telah dibuat pada 4 Disember 2020. Selepas itu hijaulah, sudah selesai.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Apa yang menariknya ya, pengambilan dibuat secara manual ini. *The whole project is hi-tech kind of internet-based, tiba-tiba bil manually, irony-lah. Kami from the syarikat yang— Cuma soalan saya, GITN ini GLC atau private? Enterprise, private company?*

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: GLC Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: GLC? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mana satu Datuk Wira? GITN?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Main contractor. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Main con, okay.*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Teruskan kepada yang kelapan ya. Pengurusan perkhidmatan, pembayaran cukai perkhidmatan. Arahan Perbendaharaan menyebut bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Berdasarkan kontrak, kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.

Semakan audit mendapati caj cukai perkhidmatan SST dan GST sebanyak enam peratus telah dikenakan sebanyak dua kali bagi tempoh September 2017 hingga Disember 2020 untuk perkhidmatan *point to point*. Perkara ini berlaku kerana pengambilan dikeluarkan oleh kontraktor telah mengambil kira cukai GST dan SST dalam tempoh masa yang sama. Ini menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM26,537. *Double payment* lah dua sekali, GST dan SST.

Berdasarkan maklum balas daripada MAMPU yang diterima pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, kadar harga yang digunakan dalam pengambilan adalah berdasarkan surat kadar harga yang dikemukakan oleh kontraktor kepada MAMPU. Harga perkhidmatan ketika itu tiada dalam jadual harga kontrak. Dalam surat kadar harga tersebut, turut disertakan nilai cukai kerajaan. Apabila caj pengambilan dikira, sistem sekali lagi mengenakan caj perkhidmatan enam peratus. Bayaran balik bagi pertindihan cukai ini sebanyak RM26,537 telah pun dibuat pada 4 Disember. Sudah *settle* lah.

Kesembilan, pengurusan perkhidmatan penyelarasan pembayaran. Arahan Perbendaharaan menetapkan pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan bayaran bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Penemuan audit, kita dapati terdapat kesilapan pembayaran berjumlah RM38,244. Kesilapan penyelarasan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor RM3,569. Maknanya, terkurang bayarlah ini, kena bayar balik kepada kontraktor. Ini disebabkan kaedah pengiraan, terdapat kesilapan dalam penyelarasan bagi tuntutan bayaran bulan September 2016.

Kesilapan pengiraan. Kesan lebihan, pengurangan—ada yang MAMPU terlebih bayar tadi RM38,000 itu yang terlebih bayar. Ada yang terkurang bayar RM3,569. Jadi dia kena buat *set-off, adjustment*. Pelarasan telah dibuat pada 4 Disember.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Tuan Pengerusi...

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Mengenai tuntutan ataupun daripada kontraktor kepada MAMPU lah kan? Kepada MAMPU. Cumanya, saya hendak tahu yang pertama, jawatankuasa induk itu berada di mana? Di Kuala Lumpur ataupun berpusat ataupun di tempat lokasi-lokasi projek ini dijalankan? Kalau ditengok daripada segi prosedur biasa, biasanya tuntutan-tuntutan ini cukup teliti untuk dinilai sebelum pembayaran lebihan ataupun kekurangan di situ telah pun disemak. Itu sebab saya tanya itu. Tuntutan itu berada di negeri-negeri ataupun kena hantar tuntutan tersebut kepada MAMPU sendiri ataupun sebagainya? Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Minta *team* menjawab.

Encik Mohd Shakib bin Ishak: Izinkan saya menjawab Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi setiap pengambilan yang berlaku, setiap lokasi akan dimaklumkan pengambilan itu melalui sistem. Kemudian sistem itu secara *generic* akan pergi kepada HQ yang melibatkan pegawai GITN dan MAMPU untuk dibuat pengesahan.

Walau bagaimanapun, dalam sistem hanya disemak tetapi pengiraan pengambilan dibuat secara manual seperti Yang Berhormat sedia maklum. Oleh sebab itu, apabila pihak audit telah menjalankan menggunakan *Audit Command Language* (ACL), menggunakan analisis terdapat beberapa kesalahan mengenai pengiraan yang dibuat secara manual di pihak GITN dan MAMPU. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ya, sila Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Kesepuluh ya. Masih lagi pengurusan perkhidmatan iaitu penggunaan talian. Mengikut garis panduan pengurusan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi kerajaan, penamatan atau turun taraf

perkhidmatan 1Gov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.

Penemuan audit mendapati bahawa data penggunaan rangkaian bagi tempoh Oktober 2017 sehingga Disember 2020 mendapati rangkaian MyGov*Net tidak digunakan melebihi tiga bulan berturut-turut di 61 lokasi. Namun, pihak audit mendapati pembayaran tetap juga dilakukan terhadap kontraktor berjumlah RM1.78 juta walaupun rangkaian tidak digunakan oleh pengguna. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan pihak MAMPU terhadap penggunaan rangkaian oleh agensi.

Semakan audit selanjutnya mendapati MAMPU menjalankan pemantauan terhadap penggunaan talian oleh agensi melalui *Service Assurance Management System* dan perbincangan bersama kontrak dalam mesyuarat operasi. Laporan pemantauan penggunaan rangkaian disediakan walaupun tiada tindakan diambil untuk menamatkan perkhidmatan talian berkenaan.

■1130

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 15 September 2020, tindakan telah diambil di 23 lokasi iaitu 19 lokasi telah ditamatkan talian, satu lokasi diturun taraf dan akan digunakan bila ada keperluan dan tiga lokasi telah menggunakan talian semula. *Email* peringatan telah dihantar kepada kementerian agensi berkenaan dan juga pelaksanaan penamatan dan turun taraf perkhidmatan MyGov*Net hanya boleh dilaksanakan selepas kementerian membuat permohonan di MyGovOSF. Taklimat perkhidmatan yang akan dilaksanakan dalam forum pengguna MyGov*Net. Maknanya, MAMPU menyatakan kementerian yang kena maklumkan kepada mereka. Akan tetapi, sepatutnya kalau MAMPU dah *monitor*, dia boleh tanya sebenarnya kenapa tidak gunakan berturut-turut sepatutnya macam itu. Makna dua-dua pihaklah kena bertanggungjawab. Dari segi itulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya teruskan kepada kesebelас, pengurusan perkhidmatan tahap penggunaan talian. Kita dapat bahawa kriteria tahap penggunaan— mengikut garis panduan 1Gov*Net penamatan atau turun taraf perkhidmatan 1Gov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab. Analisis audit mendapati bahawa antara bulan Oktober 2017 hingga 2020 penggunaan talian yang rendah melebihi tiga bulan berturut-turut. Antara 0.01 peratus hingga 20 peratus di 11 lokasi. Pihak MAMPU memaklumkan penggunaan talian yang rendah disebabkan oleh perkara-perkara berikut. *Nature of work* pengguna di agensi yang bekerja di luar pejabat atau bekerja di lapangan. Pengguna menggunakan perkhidmatan MyGov*Net hanya untuk mengakses aplikasi kerajaan digital seperti iGFMAS, SPP 2 dan lain-lain aplikasi apabila perlu. Terdapat masalah LAN di agensi.

Semakan audit mendapati MAMPU menjalankan pemantauan terhadap talian oleh agensi melalui *service assurance management system* dan perbincangan dengan kontraktor dalam mesyuarat operasi. Laporan pemantauan penggunaan rangkaian disediakan, namun tiada tindakan yang diambil untuk turun taraf saiz lebar jalur talian berkenaan. Jumlah pembayaran kepada kontraktor dalam tempoh tersebut adalah RM653,117. Pihak audit mendapati pembayaran tersebut tetap dilakukan mengikut kadar kontrak walaupun penggunaan adalah rendah bagi tiga bulan berturut-turut.

Jadi, tindakan telah diambil di mana 11 lokasi tersebut, sembilan lokasi telah diturun taraf kepada satu *Megabytes per second* dan penggunaan rendah di dua lokasi disebabkan oleh *on demand* ataupun *work nature*.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Jadi, pembayaran yang berjumlah RM653,117 ini adalah mengikut kontrak, kita kata *contractual* kah? Walaupun kurang penggunaan tetapi dia kena bayar jumlah yang sedemikian?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya. Maksudnya kalau ikut kontrak memang kena bayar sebab perkhidmatan diberikan. Cuma kita bila tidak digunakan, sepatutnya kita *downgrade* supaya pembayaran itu boleh dikurangkan.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Jadi, yang ini sepatutnya agensi yang berkenaan itu patut maklumkanlah kepada...

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya, betul. Akan tetapi MAMPU pun dia sudah tahu ini.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Oh, dia tahu juga.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dia sudah tahu sebab dia ada mesyuarat operasi ini. Sepatutnya dia proaktif lah juga. Bila dia tahu sepatutnya dia tanya agensi. Kenapa berlaku macam ini kan? Mungkin boleh dikurangkan atau *downgrade*.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Okey. *Thank you.* Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengurus. Tanya Datuk ya. Bagi yang inilah yang tahu tentang teknologi. Saya tidak berapa tahu. Kalau kita mempunyai sistem yang berkecanggihan tinggi ini, tidakkah ada sistem *automation*, *where any low usage for that will be automatically recorded and the billing will be*

corresponding to it? Tidaklah menunggu dimaklumkan. *Because low use* ini mana kita hendak tahu awal-awal kita akan *low use*. Penggunaan kurang ini hanya apabila tiga bulan, oh kita dapati kurang. Takkan kita hendak *project* tiga bulan akan datang kami akan kurang gunakan. Tidak boleh. Jadi, *there must be a system, where you are connected to the amount of use* dengan *the amount of billing or charging* oleh pihak ini. Kalau tidak, siapa yang kita hendak salahkan.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Bayaran itu atas perkhidmatan. Kalau dia sediakan talian itu penuh, maknanya bayaran kena buat. Dari segi itu— dari segi kontrak kan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *That's why. I'm asking if there is a system, where we can automate benda ini supaya berkait dengan amount of traffic* yang digunakan. Kalau tidak, *forever* kita tidak boleh hendak jangka.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Betul-betul Yang Berhormat. Aida jelaskan.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat. Sebenarnya MAMPU sendiri ada sistem *assurance management system* yang dikenali sebagai SAMS untuk memantau penggunaan talian dan perkara tersebut dibincangkan dalam mesyuarat operasi. Cuma, dari aspek pemantauan itu lemah. Untuk mengatakan *notification* berkenaan dengan penggunaan talian, memang ada. Ada sistem dia sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dia hendak tambah sedikit.

Encik Mohd Shakib bin Ishak: Saya mohon untuk tambahan sedikit Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi penemuan kami ini bukan sahaja tiga bulan berturut-turut. Kami mengambil kira itu adalah skop kami punya semakan tiga bulan. Walau bagaimanapun, semakan yang kami keluarkan ini adalah merangkumi tujuh bulan ke atas. Tujuh bulan sehingga 27 bulan yang mengalami penggunaan yang rendah. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, Tuan Pengerusi betullah itu. Oleh sebab itu, macam *pathologist*-lah. Dia tahu *everything* tetapi *patient* dah mati. Kita tidak boleh buat apa lagi dah. Ini yang kita— maksudnya *kind of preventive mechanism* yang ada dengan kecanggihan ini, saya yakin MAMPU sebagai agensi pemodenan ini, *they are very much in the know*. Jadi, dapatan audit ini mengejutkan jugalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, cuma sekarang sudah jam 11.37 pagi. Saya nampak slaid ada banyak lagi. Mungkin Datuk boleh *pick up* slaid yang lebih penting. Ini kerana *I think* saksi sudah ada dekat luar. 11.30 pagi. Terima kasih Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Terima kasih. Ini nombor 12 dan 13, dua lagi. Tinggal dua lagi. Saya terus kepada ini. Kriteria dari segi tempoh keseluruhan proses permohonan talian baharu, naik atau turun taraf talian sehingga dikeluarkan oleh MAMPU adalah 30 hari. Manakala ada permohonan 30 hari yang MAMPU kena luluskanlah. Kita dapat bahawa permohonan untuk talian baharu dan sebagainya melebihi tempoh 30 hari antara 31 hari hingga 2,160 hari. Makna panjanglah tempoh itu. Sepatutnya 30 hari sahaja. Jadi, ini— begitu juga dengan tempoh penamatan dan perpindahan talian kelewatan antara dua hari hingga 358 hari. Itu kelewatan. Kalau maknanya lama mengambil masa yang panjang menyebabkan perkhidmatan itu tidak boleh, rugilah. Setengah itu kita tidak dapat naik taraf ataupun turun taraf. Yakni yang ke-12.

Slaid ke-13 yang terakhir adalah perubahan teknologi rangkaian MyGov*Net. Kelewatan penamatan perkhidmatan lama dan kesannya kita dapat bahawa 122 lokasi telah dikenal pasti oleh MAMPU untuk menukar teknologi rangkaian. Walau bagaimanapun, berlaku kelewatan penamatan perkhidmatan lama menyebabkan lokasi tersebut menggunakan dua teknologi rangkaian pada masa yang sama. Dua-dua ya. Yang lama tidak tamatkan tetapi yang baharu sudah sediakan dan terpaksa bayar RM2.46 juta. Disebabkan dua teknologi. Jadi, ikut maklum balas yang kita terima bayaran balik berjumlah RM343,000 untuk 113 lokasi telah dibuat pada 12 Oktober 2020.

■1140

Pelarasan RM2.1 juta termasuk cukai perkhidmatan akan dibuat dalam tuntutan pengambilan. MAMPU akan mengambil tindakan pembetulanlah perkara ini.

Seterusnya ialah rumusan. Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa perkhidmatan MyGov*Net memuaskan dari aspek capaian kepada aplikasi kerajaan dan dalaman agensi. Maknanya keseluruhannya boleh kita kata puas hatilah keseluruhannya. Bagaimanapun, aspek pelaksanaan, pemantauan, urusan kontrak dan kawalan di peringkat MAMPU dan agensi adalah tidak memuaskan. Selain daripada itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan.

Di akhir sekali, kita syorkan tiga syor utama iaitu pengurusan kontrak perlu memihak kepada kerajaan dengan menyatakan klausa berkenaan dengan sasaran bilangan lokasi, kekerapan pelaksanaan penyelenggaraan, pencegahan dan juga had minimum saiz lebar jalur bagi semua teknologi yang diterima oleh agensi. Itu yang pertama. Kedua, memastikan pengurusan kewangan termasuk pemantauan penggunaan rangkaian adalah efektif, pembayaran selaras dengan penggunaan, mengenakan LAD bagi perkhidmatan yang lewat dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian seperti Yang Berhormat sebut tadilah. Sepatutnya

online semua, tiada manual di bawah kawalan MAMPU. Ketiga, melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketigalah, sebelum diterima atau *sign off* bagi setiap aktiviti yang berimpak tinggi atau yang melibatkan keselamatan rangkaian.

Itu sahaja pembentangan kami pada pagi ini Tuan Pengerusi PAC dan ahli-ahli. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Datuk Ketua Audit Negara. Ada apa soalan lagi? Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Datuk, *just* ini soalan mungkin AGC boleh bantu. Mana-mana perjanjian kerajaan, *after* kita *review*, *say midway* kita nampak *deficiency* ataupun kekurangan yang nyata, adakah klausa di mana kita boleh buat perjanjian tambahan ataupun *another agreement?* Boleh bantu?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memang setiap dalam perjanjian kerajaan, kita ada satu *provision* berhubung dengan pindaan kepada kontrak. *If let's say* kalau ada penambahbaikan daripada pihak kerajaan, bolehlah dipinda perjanjian itu. Akan tetapi *per as long*— sebab ia perjanjian, kita perlu ada persetujuan daripada kedua-dua pihaklah. Akan tetapi memang kita ada *that provision* yang kata *if let's say* kalau kerajaan rasa ada lagi penambahbaikan, kita boleh pinda berdasarkan persetujuan pihak-pihak.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Mungkin AGC juga boleh bagi pandangan ya. Dalam hal-hal seperti begini, sebab dia *high technology*, semua benda yang baharu, mungkin *normally* peguam-pegawai tak berapa mahirlah dengan apa-apa yang perlu dibuat dalam hal-hal seperti begini. Adakah kamu garis panduan menengok dalam hal-hal seperti beginilah?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Yang Berhormat, biasanya perkara-perkara teknikal ini kita memang *depends* kepada mereka daripada teknikallah untuk maklumkan dekat AGC, apakah yang perlu ada di dalam perjanjian. *If let's say* kalau macam teknikal kata kemungkinan ada penambahbaikan selepas ini, kita mungkin boleh *advice* yang kata kita masukkanlah peruntukan yang mana jika ada penambahbaikan, apa yang kita – hak kitalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya nak tanya AGC, dalam kontrak-kontrak sebegini, siapa yang akan draftkan kontrak ini, sama ada AGC atau bergantung kepada PUU di kementerian ataupun jabatan masing-masing?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Dia *depends* Yang Berhormat. Kalau macam penswastaan biasanya AGC yang semak dengan pihak PUU UKAS. Dia bergantung juga kepada nilai kontrak.

Tuan Pengerusi: Ada apa *guideline* tak? So *that*, kita tahu *next time* kita tengok ini lebih daripada RM1 bilion, AGC *level* mana yang akan *check* dan sebagainya.

Puan Hamizah Abd. Manaf: Biasanya penswastaanlah. Kita akan pergi kepada AGC sendiri untuk semak. Jika kontrak-kontrak itu berkaitan dengan teknikal di bawah contohnya macam pembelian barang-barang yang tidak melibatkan penswastaan, biasanya PUU kementerianlah.

Tuan Pengerusi: Okey. So, di hadapan kita ini adalah penswastaanlah?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Okey. Jika tak ada, terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Ketua Audit Negara dan juga Dr., bersama-sama dengan *team audit*. So, tanpa membuang masa, sekretariat sila uruskan supaya saksi-saksi boleh masuk. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: *Chairman. Chairman, I just want to ask. This is off topic. In our meeting here right, is there any possibility kalau kita dapatkan perkhidmatan nasihat pakar in terms of specific issues macam— Yes, I am well-verses in the IT, but more on software but not in the hardware. So, sometimes saya tengok like this issue, all of us pun not in the picture also, some of the terms, everything. Is there any possibility like macam pre-meeting, we can have some advice from...*

Tuan Pengerusi: Yes. Pre-meeting definitely yes. Okay. Saya bagi contoh *like the DBKL issue. DBKL issue, we actually called one of the lawyers who is an activist in DBKL issue to come and brief us in the proceeding. So, we actually do that. So, for any of these issues that if you feel you have anyone that can assist us in getting a better understanding over the issue, you may suggest anytime. Then, we can call them either I think it can be before or after this kind of proceeding. Okay?*

[Saksi-saksi dari Jabatan Perdana Menteri mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 23 November 2021

Bil. 10(a)/2021

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:
**Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi
Bersepadu Kerajaan**

- 1. Jabatan Perdana Menteri (JPM)**
YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]
- 2. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)**
YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail,
Ketua Pengarah

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 NOVEMBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhlil bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parliment Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkifli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parliment Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parliment Malaysia]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (samb/-)**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Hamizah Abd. Manaf [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan (MOF)

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]

YBrs. Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Puan Nor Hanani binti Lias [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Mohamad Khairol Mohamad [Penolong Kanan Rasuah]

SAKSI**Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Audit 7 (Bahagian Audit Dalam)]

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),
Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]

Encik Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT)]

Puan Zaiha binti Mat Nor [Timbalan Pengarah (Bahagian Perundingan ICT)]

Encik Aimi Fadzi bin Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]

Encik Mahathir bin Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 23 November 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.34 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Boleh sekretariat bantu Yang Berhormat Kluang sekejap? Okey. Saksi ready ya? Okey. Terima kasih dan saya memanggil mesyuarat ini ya. Salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli PAC sekalian, *ex-officio* yang ada dan juga saksi pada hari ini, Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail selaku Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Kedua-dua saksi hadir pada pagi ini adalah bagi urusan prosiding perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MYGov*Net) yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2.

■1150

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk TKSU dan Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Pengarah sebentar tadi, Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara telah pun memberikan dan memaklumkan perkara-perkara mengenai isu ini seperti yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2. Seperti yang dinyatakan dalam LKAN dan seperti yang dimaklumkan kepada pihak PAC tadi, isu ini membabitkan sejumlah 13 isu yang dibangkitkan oleh pihak audit.

Kebanyakan isu sentuh berkenaan dengan pemantauan ataupun pentadbiran kontrak dan juga kekurangan ataupun kelemahan dari segi kontrak. Mungkin dalam prosiding ini pihak Yang Berbahagia Datuk Seri dan juga pihak Yang Berbahagia Datuk boleh tumpukan lebih perhatian kepada isu-isu ini. Juga kami ada tanya satu soalan kepada pihak Ketua Audit Negara. Apakah badan pemantauan bagi projek ini? Sama ada projek ini mempunyai suatu badan ataupun jawatankuasa kecil yang memantau dari hari ke hari atau *on the day-to-day basis* berkenaan dengan perjalanan kontrak berjumlah lebih kurang RM6 bilion.

Of course, dengan kesemua perjanjian tambahan yang dimasuki dan itu sedikit sebanyak daripada apa yang dibentangkan kepada pihak kami tadi. Tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk TKSU untuk memulakan

pembentangan berhubung isu MyGov*Net ini. Sekian daripada saya. Dipersilakan Yang Berbahagia Datuk.

Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri (JPM)]: Terima kasih Tuan Pengerusi PAC. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun; Ahli-ahli PAC sekalian; serta Yang Berbahagia Datuk, Datin, tuan, puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada pihak PAC kerana memberi peluang kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri untuk membentangkan maklum balas berkenaan Laporan Ketua Audit Negara 2019 bagi aktiviti kementerian, jabatan Kerajaan Persekutuan dan badan berkanun Persekutuan. Seperti yang kita sedia maklum, laporan ini telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 28 September yang lalu. Bersama saya pada pagi ini ialah Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU; Encik Khairuddin bin Yahaya, Perunding ICT Pengurusan Rangkaian MAMPU; dan *technologist* Puan Zaiha binti Mat Nor, Pakar Rangkaian MAMPU.

Skop taklimat pada hari ini merangkumi 14 perkara iaitu latar belakang projek MyGov*Net dan 13 isu yang dibangkitkan daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2. Sebanyak 13 isu yang dibangkitkan akan diperincikan oleh pegawai saya dalam pembentangan kali ini. Untuk makluman Yang Berhormat semua, latar belakang MyGov*Net, pihak MAMPU adalah merupakan agensi pelaksana serta pentadbir konsesi jangka panjang, *long term concession* perkhidmatan MyGov*Net.

Perkhidmatan ini diurus tadbir secara berpusat oleh MAMPU. Tempoh konsesi perkhidmatan MyGov*Net adalah selama 10 tahun bermula pada 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2022. *That means* tinggal setahun lagi. Siling asal kontrak adalah sebanyak RM4.368 bilion dan seterusnya berlakunya pertambahan siling berjumlah RM1.94 bilion menjadikan jumlah keseluruhan siling yang diluluskan ialah sebanyak RM6.308 bilion. Perkhidmatan MyGov*Net dilaksanakan secara perkhidmatan terurus ataupun *management services* melalui kaedah *Build-Operate-Own* (BOO).

Modal untuk membangunkan infrastruktur telekomunikasi dikeluarkan oleh pihak kontraktor sendiri. Pihak kerajaan hanya membayar caj perkhidmatan yang digunakan. Kontraktor yang dilantik adalah melalui cara rundingan terus iaitu syarikat GITN Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada klausa kontrak konsesi, terdapat dua jenis caj iaitu caj berulang tahunan dan caj sekali. Caj sekali adalah terpakai untuk keperluan

pemasangan kabel di peringkat awal, manakala caj berulang dibayar secara bulanan tetapi bergantung pada jenis perkhidmatan yang dilanggan di lokasi.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Yang Berhormat Datuk, hendak tahu penjelasan BOO ini *Build-Own-Operate* kah, *Build-Operate-Own*?

Datuk Mohammad bin Ismail: *Build-Operate-Own*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Itu di slaid Datuk ditulis *Build-Own-Operate*.

Datuk Mohammad bin Ismail: *Build-Own-Operate*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Lain itu.

Datuk Mohammad bin Ismail: Oh ya. *Build-Own-Operate*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Build-Own-Operate* kah because tadi pagi disebut sebagai *Build-Operate-Own* oleh LKAN.

Datuk Mohammad bin Ismail: *Build-Operate-Own* (BOO). Minta maaf ya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: So, yang *own* ini Datuk, *own* ini adalah dimiliki oleh siapa *eventually*? Kerajaan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)]: Tuan Pengerusi, konsep BOO maknanya aset *belong to company*, GITN ialah 100% *owned by* Telekom Malaysia. Dia ada GITN, dia buat sistem, dia beli dia punya *equipment and then they own the system*. Makna *government* sewa sahaja.

Datuk Mohammad bin Ismail: Okey.

Tuan Pengerusi: So Datuk, saya juga hendak tanya okey so *the whole build, operate and own* ini jumlah kontrak dia— nilai kontrak 6.3 bilion. Sama ada ia termasuk fi perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam skrin ini, fi secara bulanan dan juga *one-off charges*.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Termasuk semua Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Termasuk?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Termasuk semua.

Tuan Pengerusi: Okey. Ya sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kita biasa dengan BOT lah *Build-Own-Transfer* ya. Jadi, milik MAMPU lah kemudianya. Tapi ini *BOO remains with GITN*. So, by the end of the terms 2022, what happen to the whole system?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Dia untuk makluman Yang Berhormat dia BOT ini kita pakai untuk *highway* sebab *highway* biasa kalau 10 tahun, *highway* itu masih lagi boleh digunakan. Jadi, macam banyak di KL, *Build-Operate-Transfer* bila *concession* habis kita *transfer* kepada rakyat. Tapi dalam sistem, teknologi dia, bila 10 tahun ini dia

after five years dia buat sekali teknologi *refreshment*. Bila masuk tahun ke-10 itu, *value* sudah tidak ada dah, sistem sudah berubah Yang Berhormat. Jadi, kita *government decide* ada *time* maknanya kita tak milik aset itu. *And then* bila konsesi hendak habis *next year*, kita akan buka tender baharu *and then* kita— sistem kita akan minta— vendor akan *propose the new system*-lah. *The best technology* yang ada dekat dunia sekarang ini.

Datuk Mohammad bin Ismail: So, saya boleh teruskan Tuan Pengurus. Okey. Berdasarkan kepada klausula kontrak konsesi, terdapat dua jenis caj iaitu caj berulang tahunan dan caj sekali. Caj sekali adalah terpakai untuk keperluan pemasangan kabel, manakala caj berulang dibayar secara bulanan tetapi bergantung pada jenis perkhidmatan yang dilanggan di lokasi. Caj ini adalah berbeza mengikut teknologi sama ada *internet protocol*, *virtual private network*, *Asymmetric digital subscriber line*, *mobile* atau *cellular*, atau *very small aperture terminal* atau satelit, serta kapasiti lebar jalur atau kelajuan internet. Sebagai contoh, kadar caj tahunan untuk kelajuan 10 *Megabytes per second* adalah sebanyak RM39,900 dengan jaminan tahap perkhidmatan atau servis *level guarantee* pada tahap 99.7 peratus yang menggunakan infrastruktur *fiber optic technology*.

Jika agensi menggunakan perkhidmatan pilihan, caj berulang adalah bergantung pada perkhidmatan yang diberikan. Contohnya caj perkhidmatan terurus *firewall* jenis A adalah RM3,500 untuk satu unit. Caj hanya akan mula dikenakan kepada pihak kerajaan apabila perkhidmatan mula digunakan dan caj dihentikan apabila perkhidmatan ditamatkan. Caj ini merupakan caj perkhidmatan terurus atau *managed services*.

Mengenai penubuhan *Government Integrated Telecommunications Network* (GITN), Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 Oktober 1995 telah bersetuju supaya satu infrastruktur rangkaian telekomunikasi yang bersepadu dan selamat untuk kegunaan sektor awam diwujudkan dan dilaksanakan secara penswastaan.

■1200

Susulan keputusan tersebut, Syarikat GITN Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 13 Mac 1996 untuk melaksanakan Projek Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (EG*Net). Syarikat GITN Sdn. Bhd. (GSB) dimiliki oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Telekom Malaysia Berhad.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan telah meneruskan inisiatif berkonsultasi infrastruktur ICT dengan mewujudkan perkhidmatan guna sama ICT untuk sektor awam. Langkah penyediaan perkhidmatan ICT secara bersepadu dan guna sama atau *shared and consolidated services* ditadbirkan secara berpusat (*centralised*) telah dapat memenuhi matlamat mengoptimumkan sumber kewangan dan sumber

manusia. Pendekatan ini juga telah terbukti dapat meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan keselamatan siber dan penyeragaman tahap perkhidmatan.

Berdasarkan faktor-faktor ini, kerajaan telah bersetuju memperluaskan perkhidmatan rangkaian ICT bersepadu sektor awam secara lebih menyeluruh meliputi perkhidmatan internet, *intranet agency* dan EG*Net yang kini dikenali sebagai MyGov*Net. Susulan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Februari 2012, telah bersetuju ke atas cadangan penswastaan melalui kaedah *Build-Operate-Own* secara rundingan terus dengan tempoh konsesi selama 10 tahun.

Perolehan perkhidmatan MyGov*Net diuruskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Dengan izin, Tuan Pengerusi penjelasan seterusnya mengenai perkhidmatan MyGov*Net akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk Mohammad. Dipersilakan Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Mohammad. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Pengerusi: Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, maaf. Sebelum Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail sambung boleh saya tanya satu soalan kepada Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Boleh.

Tuan Pengerusi: So, kontrak ini akan berakhir pada tahun 2022 yang mana adalah tahun depanlah.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Di bawah perjanjian, sama ada ia ada menyatakan apa-apa klausa berkenaan dengan lanjutan kontrak tersebut?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak ada *but— so, maybe later* saksi kena berikan keterangan kepada pihak PAC. *What is next?* Jika tidak ada lanjutan, *so what is next for this project?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tuan Pengerusi hendak saya jawab sekarang ke *later*?

Tuan Pengerusi: Boleh. Sila.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Saya sudah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz isu kontrak MyGov*Net ini, Tuan Pengerusi. Oleh sebab dulu isu yang *concern* daripada pihak sayalah. Saya pun bekas Pegawai Kementerian Kewangan Yang Berhormat.

Saya melihat di situ cara *governance* tadbir urus projek ini, dia dilantik secara *direct negotiation*, rundingan terus. Makna, masa dilantik dahulu kita tidak ada *price competition* jadi kita melihat di situ— kita sudah tahu, *what is the right price for government* untuk projek ini. Jadi, saya bekas Pegawai MOF, Yang Berhormat saya bukan *champion direct negotiation*. *Discuss* dengan Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, bincang dengan dia, kita *open tender*. Ramai lagi *players* di luar sana yang boleh buat servis macam ini.

Macam Telekom Malaysia, ia tidak rugi Tuan Pengerusi sebab infra telekomunikasi negara ini *belongs to Telekom Malaysia*. Siapa yang dapat pun projek itu nanti, Telekom Malaysia *still* dapat *business*. Jadi, kami sedang *prepare* sekarang ini daripada segi kontrak, *bill and quantity*, kita akan tengok *the best business model, the best technical model* untuk *government*-lah. *Lesson learnt*, kita belajar daripada projek ini Tuan Pengerusi banyak membantu *government* untuk kita *move forward*, kita buat yang terbaik untuk ada *value for money for the government*.

Tuan Pengerusi: So, Datuk Seri Dr. Yusof untuk syarikat GITN Sdn. Bhd. (GSB) ini mula-mulanya sebelum MyGov*Net, pelaksanaan perkhidmatan EG*Net pun daripada syarikat yang sama, bukan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Asalnya ia *joint venture* (JV) dengan PNB.

Tuan Pengerusi: JV dengan PNB?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Selepas itu, *I rasa, this is my opinion*, Tuan Pengerusi mungkin PNB *core business* ia bukan *telecommunication*. Mungkin ia *negotiate among the two companies and then gives 100 percent to Telekom Malaysia*. *Now, GITN is 100 percent owned by Telekom Malaysia*.

Tuan Pengerusi: Okey, tetapi untuk EG*Net dan MyGov*Net, dua-dua di *handled* oleh GSB?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, GITN.

Tuan Pengerusi: Okey, soalan saya sekiranya kita hendak lantik satu kontraktor baharu pada tahun depan selepas projek ini siap. Apa yang terjadi dengan kesemua *software* dan *hardware* yang telah pun dibina dalam...

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Obsolete*?

Tuan Pengerusi: ...Dalam projek ini? *This project costs around RM6 billion so I am sure they will have the system. The software is there, the hardware is there* dan dengan konsep BOO tadi, *so the new company may not be able to take over* bukan. So, apakah pandangan Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail dalam isu ini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ia tengok nanti, Tuan Pengerusi. Kalau *the new party* masuk nanti, mungkin ia boleh *discuss* dengan GITN sama ada ia hendak *leverage on the existing asset* ataupun ia hendak *purchase new asset, new technology*.

Itu terpulang kepada *business consideration* dia Tuan Pengerusi. Apa yang penting untuk kerajaan kita tidak hendak sistem *internet di office* kerajaan terganggu. Terganggu dan terputus. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: So, what is the level of satisfaction on this MyGov*Net?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Level of satisfaction*, Tuan Pengerusi kalau dalam— okeylah *I move to my*— Tuan Pengerusi, sepanjang sembilan tahun dalam kontrak Tuan Pengerusi ia ada *service level guarantee* (SLG) untuk projek ini. Ikut *agreement*— mengikut ISO, Tuan Pengerusi *agreement* yang kita *sign* dengan GITN. kita kena capai 99.5 peratus *service level guarantee*. Akan tetapi dalam sembilan tahun projek ini berjalan, Tuan Pengerusi kita capai 99.9 peratus, *above service level guarantee*. On top of that juga Tuan Pengerusi, kita ada satu lagi indeks kepuasan pengguna.

Mengikut *Global Benchmarking Tool* (GBT), indeks kepuasan pengguna adalah 84 peratus. Akan tetapi projek MyGov*Net ini kita capai 92 peratus, Tuan Pengerusi. Jadi, sebab itu saya kata bagi kami di MAMPU – ya lah projek besar. Projek kita berada di seluruh negara, 27 buah kementerian dan ada juga di kedutaan kita di luar negeri. Teguran audit itu kami sangat menghargainya tetapi kami melihat lebih kepada *operational*. Isu-isu *fundamental*, bagi kami, kami melihat bukanlah satu isu yang serius berbanding dengan projek-projek yang lain, Tuan Pengerusi. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih Datuk Seri Dr. Yusof. Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: *Thank you Chairman.* Sebagai bekas pengguna MyGov*Net, *I personally feel that* MyGov*Net merupakan satu aplikasi yang baik. Permasalahan besar— saya menggunakan MyGov*Net ini di tiga peringkat. Di peringkat daerah, ibu pejabat negeri dan di peringkat Putrajaya ketika berada di Jabatan Hal Ehwal Khas.

Pandangan saya, di peringkat ibu pejabat tidak ada mempunyai masalah. Masalah yang terbesar adalah penggunaan *bandwidth* itu, kuota yang telah diagihkan oleh MAMPU kepada jabatan-jabatan. Pihak yang paling terkesan adalah di peringkat ibu pejabat negeri dan juga di daerah-daerah terutama sekali di daerah-daerah kecil ataupun di bahagian-bahagian...

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Boleh saya tahu di jabatan mana, Yang Berhormat?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Bagi saya untuk di negeri Sarawak. Kalau saya dulu saya pernah berada di Miri dan saya tahu MAMPU telah mengagihkan kuota-kuota di setiap jabatan dan juga bagi kami penggunaan tinggi perkhidmatan internet kami terpaksa *subscribe to Unifi just to solve our problem* kerana ketika itu

MAMPU hanya membekalkan lebih kurang empat Megabytes. Tidak sesuai untuk sebuah bandar raya. Begitu juga *complaint* daripada jabatan-jabatan lain seperti pendidikan, JPN.

Apa yang saya perasan berkenaan tentang *hardware* yang diguna pakai mungkin kontraktor tidak begitu ambil berat. Tiada kesamaan berkenaan *hardware*. *Means that*, mungkin di bahagian Miri ia pasang guna TP-Link *brand*. Di ibu pejabat, ia *use much better like Huawei something like that*. So, di situ yang saya lihat ada unsur-unsur ketirisanlah. Memang ada perbezaan dan mungkin juga ada kemungkinan sekiranya kontrak ini dibuka semula, adakah pihak kerajaan ataupun MAMPU menggunakan *not single provider, service provider*. *I agree*, TM memang akan dapat keuntungan daripada pembekal.

■1210

Akan tetapi apa saya lihat terdapat servis-servis seperti satelit, servis-servis ADSL yang masih dapat diguna pakai di kawasan luar bandar. *We cannot put only one contractor to provide the service*. Memang ia akan buat *markup*. *So, better can we do some decentralise* untuk mengagihkan— kalau di satelit, *we choose the best satellite features*. Kalau ia masih menggunakan kemampuan untuk membekalkan empat kepada 10 Mbps, *let this company to provide*. Kalau *mobile*, *let Digi, Maxis and Celcom* yang *provide*. *Not* dia ambil servis ini selepas itu ia *markup*, *then* bagi lagi servis. *Then* dia tidak akan dapat buat *maintenance*.

Masalah MyGov*Net ini *maintenance*. *The call centre* kalau kita hendak *troubleshoot* itu, *it takes very long time especially* kalau di daerah-daerah luar. Ia hanya akan datang— kalau macam dekat Sarawak, *it's only go to the Kuching and the Kuching* ia akan cari *where is the contractor* yang akan dapat *troubleshoot*. *This is from my own experience*.

Kalau di peringkat yang lebih besar, kalau di Kuala Lumpur *I think mostly* ia punya *troubleshoot* adalah keberkesanan berkenaan tentang kuota yang diagihkan. *The speed-lah* yang paling penting bagi ibu pejabat. Itu pandangan saya.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Saya ada perunding teknikal di sini, Yang Berhormat. Dia pakar yang telekomunikasi punya *network* ini. Encik Khairuddin. Saya minta Encik Khairuddin jawab, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh. Sila bagi nama penuh dan juga jawatan ya.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Khairuddin bin Yahya, perunding ICT MAMPU.

Encik Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri. Yang

Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC yang lain dan Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail.

Izinkan saya untuk menjawab soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertama ialah pada sebelum tahun 2020 memang kita punya *entry point* ialah *bandwidth*-nya ialah empat *Megabytes per second* tetapi selepas tahun 2020 kita telah tingkatkan setiap *bandwidth* minimum ialah 10 *Megabytes per second*. Itu pertama.

Kedua ialah kita pun boleh meningkatkan *bandwidth* tersebut jika diperlukan oleh agensi-agensi tersebut. Sebagai contohnya dasar tadi ialah ada isu-isu yang hendak disegerakan, ada kita menawarkan perkhidmatan *bandwidth on demand*. Maknanya kalau kita hendak pakai 100 Mbps dalam masa tersebut, kita boleh pertingkatkan 100 Mbps, lepas itu kita turunkan balik kepada 10 Mbps. Itu satu, perkhidmatan *bandwidth on demand* kita tawarkan.

Satu lagi yang berkaitan dengan VSAT. VSAT memang pihak Telekom di GITN memang dia mencari produk yang paling sesuai untuk digunakan dalam MyGov*Net. Pada dahulu kita menggunakan dua teknologi sama ada C-Band atau Ku-Band. Sebab Ku-Band ini tidak sesuai sebab ia hujan. Bila hujan ia rosak, tidak boleh digunakan. Jadi kita—dalam kontrak MyGov*Net kita menawarkan kalau kita tidak dapat *fiber*, kita akan menawarkan *next best technology*.

Sekarang ini, kita telah banyak menukar perkhidmatan VSAT itu kepada 4G. So, sekarang ini kebanyakan *sites* yang dulunya VSAT, sekarang ini sudah ditukarkan kepada 4G. Jadi, sebenarnya kita dapat memberi keselesaan kepada pengguna. Jadi, kita tidak ada isu tentang kurangnya *bandwidth*, kita boleh atasilah. Kita ada *fiber* yang boleh menawarkan perkhidmatan kepada 10 Mbps sehingga 100 Mbps dan yang diperlukan oleh agensi.

Berkaitan dengan *support*. Di Sarawak itu, sebenarnya ia punya—ada empat di Kuching, Miri, Bintulu dan Sibu. Ada empat sebenarnya pusat dia punya *centre*-lah. *Anything* pasukan GSB akan datang kepada *sites* tersebut sebenarnya.

Sebab kita pun memang pegang SLG, dia tidak boleh *down* pun sebenarnya. Kalau kita kata tadi 99.7, ia tidak boleh *down* 4 jam 25 minit dalam satu bulan. Kalau lebih daripada 2 jam 45 minit, kalau lebih daripada itu, kita akan denda dia. Kita memang pegang pada SLG kita. Sebab itu macam keseluruhan tadi macam Datuk Dr. Yusuf bagi tahu tadi, SLG kita tidak mencapai sampai 99.9 sebab daripada 11,000 talian yang kita bekalkan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Okey. Yang Berhormat, selain daripada kepuasan SLG dan kepuasan pengguna. Projek ini juga telah menjayakan

pembangunan modal insan negara yang mana seramai— daripada projek ini kita dapat melatih lebih 470 orang pegawai dalam bidang ICT di mana 176 orang telah ditauliahkan persijilan profesional dalam bidang rangkaian ICT. Kita juga mendapat pengiktirafan persijilan ISO di peringkat global yang mana daripada segi *security operation centre* yang ditempatkan di Cyberjaya untuk pemantauan ketersediaan prestasi dan keselamatan rangkaian.

Ketiganya, kita mendapat *top five champion WSIS Prizes 2020* di mana *World Summit Information Society*. Kita telah mendapat tempat *top five* dan projek MyGov*Net juga menyokong agenda pendigitalan sektor awam negara termasuklah aplikasi sistem-sistem yang dibangunkan di jabatan kerajaan seperti iGFMAS iaitu sistem kewangan di Akauntan Negara, ePerolehan di Kementerian Kewangan, HRMIS, e-Kehakiman, e-Syariah, mySIKAP JPJ, myIDENTITY JPN, myIMMs di Jabatan Imigresen dan banyak lagi. Dengan MyGov*Net inilah ia akan *support* sistem pembangunan IT di jabatan kerajaan untuk memudahkan urusan kerja penjawat awam dan untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Seterusnya Yang Berhormat kita ada 13 penemuan audit daripada laporan audit yang telah dibentangkan di Parlimen. Bagi kami 10 perkara kami telah diambil tindakan. Cuma ada tiga perkara lagi yang sedang dalam tindakan di pihak kami dengan Jabatan Audit Negara. Jadi berdasarkan...

Tuan Pengerusi: So, 10 telah diambil tindakan ya?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya. Bagi kami dalam *dashboard consider* sudah hijau Yang Berhormat, yang 10 itu. Cuma ada tiga lagi yang akan Encik Khairuddin *present* nanti the *detail* itu macam mana kita hendak atasi yang tiga itu nanti.

Berdasarkan pada penemuan audit mengenai bayaran yang tidak teratur (*improper payment*), penyelarasannya kami telah buat pada tahun 2020 dan berterusan. Nasib baiknya Yang Berhormat *because* kontrak ini masih ada. Jadi penyelarasannya masih dibuat lagi. *Any extra payment* itu kita akan kontra dengan *next payment*. Itu tidak berlaku pembaziran kepada kerajaan. Kita akan *deduct* daripada *next payment*.

Jadi saya minta Encik Khairuddin untuk memberi penjelasan terperinci terhadap 13 teguran Jabatan Audit Negara tadi Yang Berhormat untuk kefahaman kita bersama. Sila Encik Khairuddin.

Encik Khairuddin bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU; Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan,

Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Datuk dan Datin; tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Bagi isu yang pertama, pencapaian output penyampaian *deliverables* rangkaian kawasan luas *service level guarantee*. Dari latar belakangnya berdasarkan klausa perjanjian konsesi kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan SLG yang telah ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan utama dan perkhidmatan pilihan adalah tersedia. Pihak kerajaan berhak menuntut rebat sekiranya kontrak gagal mencapai *uptime* dan SLG yang telah ditetapkan.

Analisis audit mendapati dua aduan tidak mencapai SLG dan melebihi *downtime* tetapi tidak diterima rebat berjumlah RM254. Isu ini berlaku disebabkan kesilapan semasa mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019 yang mana terdapat tiket aduan yang berstatus selesai dan ditutup pada bulan berikutnya.

So, sebagai tindakan. Pelarasan rebat telah selesai dilaksanakan bagi mengelak isu ini berulang. Pihak kontraktor telah melaksanakan penambahbaikan kepada konfigurasi dan skrip pada sistem pemantauan MyGov*Net.

Sebagai hala tujuanya. Dengan penambahbaikan kepada skrip sistem, tindakan ini telah berjaya mengelakkan kesilapan yang sama berulang. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian sejak 2013. Isu ini adalah isu terpencil dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Bagi isu yang kedua. Pencapaian output— pencapaian *deliverables* rangkaian kawasan luas penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*). Sebagai latar belakang. Perkhidmatan MyGov*Net merupakan perkhidmatan terurus (*managed services*) di mana semua peralatan MyGov*Net di lokasi adalah hak milik kontraktor. Oleh yang demikian, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan ketersediaan peralatan untuk menjamin perkhidmatan yang diberi mencapai SLG yang ditetapkan.

■1220

Sekiranya berlaku kerosakan, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menggantikan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pihak audit mendapati jadual bilangan lokasi dan mekanisme pemantauan untuk penyelenggaraan pencegahan, *preventive* ke atas peralatan milik kontraktor tidak dinyatakan secara khusus dalam kontrak. Laporan secara berkala juga tidak disediakan dan hanya dikemukakan apabila kerja penyelenggaraan pencegahan dilaksanakan. Penyelenggaraan pencegahan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 dibuat secara manual dan laporan pemantauan disediakan dalam bentuk salinan borang pengesahan kerja.

So, sebagai tindakan, walaupun jadual dan bilangan lokasi untuk penyelenggaraan pencegahan ke atas peralatan milik kontraktor tidak dinyatakan secara khusus dalam kontrak, namun penyelenggaraan pencegahan untuk kesemua lokasi telah dilaksanakan secara berfasa iaitu fasa pertama pada tahun 2014 sehingga 2016, fasa kedua pada tahun 2017 hingga 2018 dan fasa ketiga pada tahun 2019 hingga 2021.

Mengenai mekanisme pemantauan. Bermula pada tahun 2016, pemantauan dan pelaporan aktiviti penyelenggaraan pencegahan telah ditambah baik dengan menggunakan sistem. Sebagai hala tuju, klausa berkaitan kekerapan dan jadual penyelenggaraan pencegahan boleh dimasukkan dalam kontrak yang akan datang. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diteliti supaya tidak memberi implikasi kos kewangan kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi: Okey. Dalam isu ini, saya nampak hala tuju. Memang pandangan daripada audit diambil kira. Datuk, itu sebabnya tadi saya pun tanya sama ada kontrak ini akan dilanjutkan atau suatu kontrak baharu akan diberikan kepada syarikat-syarikat lain ataupun syarikat ini. Ini kerana sekiranya ada kontrak lanjutan, so kita boleh menggunakan peluang tersebut untuk memasukkan klausa-klausa *to talk terms to them, negotiate* dengan mereka masuk rundingan dengan pihak syarikat yang bertanggungjawab.

Akan tetapi, memang saya difahamkan, *likely there will be an open tender, I think it is a very good progress* dan kita akan tengok bagaimana selepas ini. Terima kasih.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Okey, terima kasih. Bagi isu ketiga, pencapaian *output*— penyampaian di lokasi...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Minta maaf, sebelum itu. Kita tadi ada bertanya di peringkat awal pagi tadi mengenai kontrak ini hendak habis tahun depan, *end of the year*. Ada setahun— sebulan lagi. Adakah kemungkinan membuat tambahan kepada perjanjian sedia ada. kalau ada *outstanding things* yang *missed in the original contract*. Adakah ruang diberikan dalam kontrak sebegini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Boleh Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Boleh?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Kita akan bincangkan dengan *company*, mana-mana teguran ataupun penambahbaikan kita akan bincang dengan *company* lah. *So far*, sudah banyak kali sudah kita buat perjanjian tambahan *because* proses pembelajaran yang kita lakukan dalam projek ini kita buat penambahbaikan, sentiasa ada penambahbaikan. Jadi kalau ada keperluan kita akan berbincang dengan *company* lah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, terima kasih. *Something* yang sangat *notable* ini apabila kita dimaklumkan awal tadi *reporting, billing* dibuat secara *manual in a system* yang secanggih ini kan. Jadi, sewajarnya ia perlu di *rectify* lah melalui perjanjian, pembetulan tambahan atau macam mana.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya telah dibuat Yang Berhormat itu. Dalam laporan ini, *feedback* daripada MAMPU mengatakan yang manual itu semua sudah kita tukar kepada sistem sekarang. Semua sudah dalam sistem *online*.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Okey bagi isu ketiga, pertambahan *output*, penyampaian *deliverables* memang antara pilihan selain latar belakangnya berdasarkan klausa perjanjian konsesi, salah satu perkhidmatan pilihan adalah penempatan semula peralatan, *relocation*. Adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memberi maklumat yang tepat mengenai sebarang perubahan kepada lokasi peralatan atau pejabat.

Pihak audit mendapati kontraktor telah menamatkan talian tanpa membuat tinjauan tapak di lokasi baharu terlebih dahulu menyebabkan agensi terlibat tidak dipasang dengan perkhidmatan MyGov*Net selama 44 hari. Berdasarkan semakan, penamatan talian dibuat berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) di mana kontraktor membuat penamatan talian tujuh hari selepas tarikh arahan penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan penamatan tersebut dilaksanakan secara automatik melalui sistem.

Penamatan ini mengambil kira tarikh jangkaan perpindahan yang telah dimaklumkan semasa permohonan direkodkan oleh pihak agensi. Walau bagaimanapun, hanya setelah talian ditamatkan barulah pihak agensi memaklumkan perpindahan lokasi pejabat ditangguhkan. So, sebagai tindakan, talian telah dipasang semula setelah agensi memaklumkan penangguhan perpindahan lokasi pejabat. So sebagai *way forward* kita, isu ini berlaku disebabkan agensi tidak jelas mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan.

Bagi memastikan agensi faham mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan, pihak MAMPU menggiatkan program pengurusan perubahan di mana pihak agensi dimaklumkan mengenai proses dan tatacara perkhidmatan MyGov*Net melalui hebahan e-mel, portal MyGov*Net dan forum pengguna yang diadakan di setiap zon utara, selatan, timur, barat, tengah, Sabah dan Sarawak. Isu ini juga adalah satu isu terpencil dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Boleh sambung? Isu keempat, pencapaian *output*. Pencapaian *deliverables* perkhidmatan terurus rangkaian Kampus Putrajaya, *Putrajaya Campus Network (PCN)* *managed services*, perkhidmatan berwayar (PCN).

So, sebagai latar belakang, berdasarkan klausula perjanjian konsesi, perancangan pemasangan perkhidmatan berwayar, *wired services* PCN dijadualkan pada Januari 2019 hingga September 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sebenar adalah bermula pada Oktober 2019 hingga Februari 2021. Kelewatan adalah disebabkan oleh kontraktor sendiri dan ada juga kelewatan yang disebabkan oleh permintaan penjadualan semula daripada pihak agensi yang terlibat.

Semakan audit mendapati kelewatan pemasangan perkhidmatan berwayar (PCN) adalah antara 38 hingga 267 hari. Walau bagaimanapun, ganti rugi tertentu yang ditetapkan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) belum dikenakan kepada kontraktor. LAD bagi perkhidmatan berwayar masih dalam semakan dan akan diselesaikan pada Disember 2021 sebagai tindakan kita. So, semakan terperinci perlu dilaksanakan kepada semua peralatan berwayar bagi mengelakkan sebarang kesilapan pengiraan LAD. Semakan terperinci yang melibatkan 2,688 *switches* di 63 buah bangunan masih dilaksanakan kepada semua peralatan berwayar bagi mengelakkan sebarang kesilapan pengiraan LAD.

Sehingga kini, sebanyak 42 buah bangunan yang melibatkan 412 *switches* telah selesai semakan akhir dan pengiraan berkenaan LAD. Anggaran jumlah keseluruhan LAD adalah sebanyak RM44,880.45.

Sebagai hala tuju, pengiraan LAD secara automatik akan dilaksanakan dalam kontrak akan datang. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui mesyuarat status pelaksanaan dan mesyuarat status pengoperasian. Pengesahan LAD adalah menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam jawatankuasa teknikal dan mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU MyGov*Net sejak tahun 2013.

Saya sambung kepada isu kelima. Pencapaian output, penyampaian *deliverables*, perkhidmatan terurus rangkaian Kampus Putrajaya (PCN) *managed services*, perkhidmatan tanpa wayar PCN (PCN Wi-Fi). Latar belakangnya, semakan audit terhadap *User Acceptance Testing* (UAT) bagi perkhidmatan tanpa wayar, *wireless* PCN mendapati 10 buah bangunan di Putrajaya mengalami kelewatan pemasangan antara 183 hingga 244 hari. Walau bagaimanapun, LAD belum dikenakan kepada kontraktor.

Berdasarkan maklumat caj perkhidmatan tanpa wayar PCN, *wireless service charges*, anggaran kiraan LAD yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM13,996. Pelaksanaan perkhidmatan tanpa wayar dilaksanakan secara berperingkat mengikut bangunan. Kelewatan pemasangan berlaku sekitar bulan Julai 2019 dan selesai sepenuhnya pada April 2021. Walaupun berlaku kelewatan, pengguna PCN masih

dapat membuat capaian internet dan lain-lain aplikasi kerajaan menggunakan infrastruktur dan rangkaian sedia ada.

Sebagai tindakan, LAD bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN telah diperakui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 9 Jun 2021 dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU pada 10 Jun 2021.

■1230

Jumlah sebenar LAD yang telah dikenakan setelah semakan terperinci adalah sebanyak RM75,342.32. Bilangan peralatan yang terlibat adalah 2,930 *access points* di 10 bangunan. Sebagai hala tuju, pengiraan LAD secara automatik akan dilaksanakan dalam kontrak akan datang. Kedua, pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian. Pengesahan LAD adalah menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa PEMANDU MyGov*Net sejak 2013 lagi.

So, isu yang keenam...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, ada pertanyaan pagi tadi pun mengenai jawatankuasa-jawatankuasa dan juga pasukan projek ini. Jawatankuasa yang ada ini teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal dan juga Jawatankuasa PEMANDU. Semua di MAMPU kah atau di kementerian mana-mana dan yang seterusnya, pasukan projek itu. Ia *physically* di mana beradanya dan siapa nama. *Is it an individual or a team?* Terima kasih.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ahli Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU projek terdiri daripada wakil daripada MAMPU, MOF, UKAS, MCMC sebagai *telecommunication regulator* di Malaysia dan KKMM. Juga Jawatankuasa Teknikal pula terdiri daripada agensi pengguna utama perkhidmatan MyGov*Net iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Isu yang sama berkenaan dengan jawatankuasa ini. Kedua-dua jawatankuasa ini ditubuhkan dari *day one* kah atau ditubuhkan di pertengahan apabila projek jalan— sudah hampir jalan setengah?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Dia memang kita tubuhkan daripada *day one* lagi dan memang termaktub dalam kontrak dan kita mematuhi arahan pengurusan projek yang dikeluarkan oleh MAMPU iaitu PPrISA.

Tuan Pengerusi: Okey. Balik kepada soalan yang saya bangkitkan pada mula-mula prosiding— pada permulaan prosiding ini. Apakah jawatankuasa yang akan *supervise* perjalanan kontrak ini atau perjalanan projek ini dalam *on the day-to-day basis*? So, mungkin Jawatankuasa PEMANDU itu lebih *high level*. Akan tetapi apa yang

saya nyatakan adalah sama ada *you all* ada satu jawatankuasa, *sub-committee* yang *monitor* betul-betul setiap perjalanan, setiap isu yang bangkit atas dasar harian.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, yang itu kita ada jawatankuasa mesyuarat iaitu Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian, di bawah *team* projek. Di bawah Jawatankuasa Teknikal ada pasukan projek yang akan memantau *detail* semua operasi harian.

Tuan Pengerusi: So, berapa kerap jawatankuasa kecil ini bermesyuarat?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Sebulan sekali secara rasmi dan *on call basis* pun ada kalau ada yang kritikal.

Tuan Pengerusi: Okey, so soalan lanjut saya. Untuk jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini bermesyuarat sebulan sekali tetapi kita masih nampak ada banyak isulah. Katakan isu kecil pun bukan kecil. Bagi audit ia merupakan pencapaian dan juga pematuhan. Kenapa isu sebegini masih berlaku? Katakan ada LAD isu yang tidak *claim* walaupun amaun dia kecil. So, jawatankuasa kecil itu sepatutnya mempunyai satu tanggungjawab memainkan peranan untuk memastikan kelancaran kontrak ini. So, apa pandangan daripada saksi?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Pertama ialah segi pasukan projek itu sendiri. Sebagai contoh ialah dari segi pengiraan caj itu memang kita pada awalnya kita membuat secara manual. So, dari segi kepakaran— kebanyakan pasukan projek ialah terdiri daripada pasukan IT. So, kita memang kena belajar tentang kewangan juga di situ. So, mungkin ada sedikit kelemahan dekat situ tetapi sebabkan manual masa dahulu tetapi sekarang bila kita dah masuk dalam sistem, benda itu sudah *insya-Allah* sudah dapat diselesaikan. Kita *improve*-kan sedikit demi sedikit proses kerja kita. So, bila kita menghadapi masalah dan kita akan *improve*-kan lagi. So, sentiasa *improve*. Memang sentiasa berlaku dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi: Boleh saksi memberikan— lepas ini. Selepas prosiding ini, berikan kepada sekretariat satu carta organisasi berkenaan dengan semua jawatankuasa yang ada. Kita hendak *check*. Kita hendak semak di manakah berlakunya masalah. Ini kerana 13 isu yang dibangkitkan oleh audit— bagi kamilah, pengalaman kami 13 isu dalam satu kes adalah banyak tahu. Banyak. So, *normally audit will pick up like five to six isu*. Akan tetapi sini untuk projek ini 13 dan apa yang kami nampak *of course* belum nampak lagi ada apa-apa *punitive issue*. Akan tetapi adalah bagaimana kita hendak memastikan kontrak apabila— masa perjalanan kontrak itu adalah lancar dan tidak ada isu-isu audit yang dibangkit. So, itu pandangan daripada saya. Mungkin saya jemput saksi untuk teruskan.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Tuan Pengerusi, pasukan-pasukan yang kita tubuhkan ini sebenarnya memang kita akan *revisit* sebenarnya. Kita memang buat

review dan perbincangan dengan pihak kontraktor. Sebenarnya isu-isu dan masalah sentiasa *in our radar*. Sebenarnya dalam radar kita. Kalau ada, kita atasi dan juga kita *improve-kan* sistem-sistem yang diperlukan. Sebagai contoh katakan dahulu secara manual, kita akan *automate-kan* dia. Semua benda akan kita *automate-kan* dan kita letak jangka masa di situ.

So, pada contohnya tentang pemantauan dahulu secara manual, kita ambil masa untuk sistem itu dibangunkan dan kita pantau, kita pastikan sistem itu dibangunkanlah. Jadi, pasukan projek memang *detail* benda itu semua. Jadi, kalau ada isu-isu begini, kita yang— diambil oleh pihak audit ini atau *findings* oleh audit ini, kita akan lihat supaya perkara-perkara ini tidak akan berulang lagi. Itu yang kita usahakan supaya semua akan jadi *automate*. Pemantauan adalah secara *automate* dan juga kita akan respon segera. Itu tindakan yang dibuat oleh pihak pasukan projek dan perkara ini dimaklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan juga dimaklumkan dalam Jawatankuasa PEMANDU. *The way forward* apa yang kita telah laksanakan.

So, penambahbaikan sentiasa berlakulah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, Terima kasih. Sila sambung isu enam.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, isu enam ialah pencapaian output. Penyampaian secara *deliverables* perkhidmatan terurus Rangkaian Kampus Putrajaya (*PCN managed services*) perkhidmatan keselamatan rangkaian PCN. Sebagai latar belakang. Semakan audit mendapati pihak kontraktor telah melantik pihak ketiga dan telah dipersetujui oleh MAMPU bagi melaksanakan penyeliaan tahap keselamatan *ICT Security Posture Assessment* ke atas rangkaian MyGov*Net pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, tiada klausa kontrak berkenaan pelaksanaan *due diligence* kepada pihak ketiga sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net. Sebagai tindakan kita, sebenarnya pelantikan pihak ketiga telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada pihak kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU.

So, sebagai hala tuju. Pelaksanaan perkhidmatan MyGov*Net dipantau melalui struktur tadbir urus iaitu mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU dan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal. Ahli mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU projek terdiri daripada yang disebutkan tadi ialah daripada MAMPU, MOF, UKAS, MCMC dan juga daripada KKMM dan ahli mesyuarat Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada agensi pengguna MyGov*Net iaitu Kementerian Kesihatan, KDN, Kementerian Luar Negeri dan Pejabat Ketua Pendaftar Persekutuan. Jadi, isu ini telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit sendiri, Jabatan Audit Negara. Memang kita dah memang buat *due diligence* sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan untuk isu ini? Okey, jika tiada, kita beredar ke soalan seterusnya.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, isu ketujuh ialah pengurusan perbelanjaan kontrak pembayaran perkhidmatan. Latar belakangnya, analisis audit terhadap data bayaran pada tahun 2014 hingga tahun 2020 mendapati pembayaran bagi perkhidmatan *local area network managed services* di Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah bagi bulan Januari hingga Mac 2019 telah dicaj sebanyak dua kali. Pihak audit mendapati kontraktor telah mengeluarkan bil yang berbeza, namun mempunyai tarikh perkhidmatan yang sama mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM2,816.

■1240

So, sebagai tindakan, bayaran balik berjumlah RM2,816 telah dibuat pada 4 Disember 2020 dan tindakan penambahbaikan kepada pengebilan MyGov*Net telah dibuat dengan mewujudkan sistem pengebilan dalam sistem MyGovOSF pada tahun 2018. Bagi mengelakkan daripada berulang, kontraktor membuat semakan silang setiap bulan dengan data daripada sistem pemantauan pengoperasian MyGov*Net. Sebagai hala tujunya, mewujudkan pasukan semakan pengebilan yang akan menyemak butiran perkhidmatan setiap bulan dengan memastikan pengebilan teratur mengikut SOP yang telah ditambah baik. Selain itu, pengauditan *quality assurance* secara berkala setiap bulan turut dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Isu ini adalah terkawal dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Saya sambung kepada isu kelapan, pengurusan perbelanjaan kontrak pembayaran cukai perkhidmatan SST, GST. Sebagai latar belakang dia, caj cukai perkhidmatan SST atau GST sebanyak enam peratus telah dikenakan sebanyak dua kali bagi tempoh September 2017 hingga Disember 2020 untuk perkhidmatan talian *point-to-point*. Sebagai tindakan, bayaran balik bagi pertindihan caj cukai perkhidmatan tersebut berjumlah RM26,537 telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020. So sebagai hala tujunya, di masa hadapan, pihak kontraktor perlu mengemukakan surat kadar harga tanpa menyatakan cukai perkhidmatan. Seterusnya, cukai perkhidmatan tersebut akan dikira secara automatik melalui sistem pengebilan. Isu ini juga adalah terkawal dan telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Saya sambung kepada isu kesembilan, pengurusan perbelanjaan kontrak pelarasan pembayaran. Sebagai latar belakang dia, data bayaran tahun 2014 sehingga tahun 2020 mendapati terdapat kesilapan dalam pelarasan bagi tuntutan bayaran bulan September 2016 yang menyebabkan MAMPU terlebih bayar sejumlah RM38,244. Data bayaran tahun 2015, 2016 dan 2019 mendapati terdapat kesilapan kaedah pengiraan pengebilan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor berjumlah RM3,569.

So, sebagai tindakan dia, isu ini adalah disebabkan kaedah pengiraan pengebilan yang melibatkan bilangan pengiraan hari. MAMPU telah menambah baik kaedah pengiraan pengebilan bagi mengelakkan isu ini berulang. Pelarasan pembayaran telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020. Sebagai hala tuju dia, SOP pengebilan ditambah baik dengan menggunakan kaedah pengiraan baharu yang sesuai dan mengambil kira semua situasi pelaksanaan pemasangan talian. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui mesyuarat status pelaksanaan dan mesyuarat status pengoperasian. Isu ini juga telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Kalau tak ada apa, saya pindah kepada isu kesepuluh.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Okey. Isu kesepuluh, pengurusan perbelanjaan kontrak penggunaan talian. Berdasarkan klausa perjanjian konsesi, fi perkhidmatan dibayar secara bulanan mengikut jenis perkhidmatan yang dibekalkan di lokasi. Caj bulanan adalah secara tetap mengikut saiz kapasiti jalur lebar. Caj tersebut adalah caj minimum seperti dalam jadual harga yang termaktub dalam perjanjian konsesi. Model perkhidmatan sebegini adalah sama seperti yang dikenakan oleh *internet service provider* yang lain seperti *Unifi, Celcom, Digi* dan *Maxis*.

Semakan audit terdapat data penggunaan rangkaian bagi tempoh Oktober 2011 sehingga Disember 2020, mendapati rangkaian MyGov*Net tidak digunakan melebihi tiga bulan berturut-turut di 61 lokasi. Pembayaran tetap juga dilakukan terhadap kontraktor berjumlah RM1.78 juta walaupun rangkaian tidak digunakan oleh pengguna di lokasi. So sebagai tindakan, sepetimana sedia maklum, sejak negara dilanda wabak pandemik COVID-19, pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Perkhidmatan awam turut terkesan dengan arahan untuk bekerja dari rumah supaya sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas. Oleh yang demikian, talian dibekalkan di pejabat kerajaan tidak digunakan. Ini merupakan salah satu sebab kenapa talian tidak digunakan.

So, status dan tindakan bagi 61 talian adalah seperti berikut. Sebanyak 30 lokasi telah ditamatkan perkhidmatan, dua lokasi telah diturunkan taraf kelajuan dan 29 lokasi telah beroperasi semula.

Tuan Pengerusi: Okey. Sebentar, saya nak tanya kepada pihak audit, sini saya nampak isu dan tindakan. Salah satu tindakan ataupun justifikasi yang diberikan oleh pihak MAMPU adalah isu PKP. Saya nak tanya, 61 lokasi yang rangkaian MyGov*Net tidak digunakan untuk tiga bulan berturut-turut ini, 61 lokasi, berapa lokasi yang melibatkan tempoh PKP?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Yang Berhormat, kami semak data dahulu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Nanti bagi kepada pihak PAC ya. Terima kasih. Okey, sila sambung sesi.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, berdasarkan klausula perjanjian konsesi, pihak MAMPU boleh membuat penamatkan atau turun taraf talian dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan dan permohonan dari agensi. Aktiviti ini dilaksanakan secara berterusan seperti mana bermula pada tahun 2013 sehingga November 2021, sebanyak 5,009 lokasi ditamatkan perkhidmatan dan 1,792 lokasi talian telah diturun taraf kelajuan. Untuk konteks, sebanyak 466 lokasi telah ditamatkan perkhidmatan sejak Mac 2020 sehingga Oktober 2021.

Tuan Pengerusi: Berapa lokasi telah ditamatkan perkhidmatan? Lima ribu...

Encik Khairuddin bin Yahaya: 5,009 lokasi ditamatkan perkhidmatan.

Tuan Pengerusi: 5,009?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, ditamatkan. Lokasi yang lain?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Diturun taraf.

Tuan Pengerusi: Turun taraf?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ya. Satu ribu...

Tuan Pengerusi: Berapa?

Encik Khairuddin bin Yahaya: 1,792 lokasi talian telah diturun taraf.

Tuan Pengerusi: Satu ribu?

Encik Khairuddin bin Yahaya: 1,792.

Tuan Pengerusi: 1,792?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya nak tanya, apabila pihak MAMPU menamatkan perkhidmatan di lebih daripada 5,000 lokasi itu, sama ada ia membabitkan apa-apa *compensation* ataupun pembayaran kepada pihak konsesi?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Di dalam kontrak kita, kita meletak syarat di mana setiap lokasi yang dimohon oleh agensi, pihak kontraktor perlu memasang talian dan kita perlulah melanggan sekurang-kurangnya minimum satu tahun. Jika lebih daripada satu tahun, kalau kita nak tamatkan perkhidmatan tersebut, kita tidak dikenakan apa-apa penalti. Itu satu. Satu lagi, kita pun pernah buat *negotiation* juga di mana pusat... [Disampuk] Kem Khidmat Negara PLKN telah ditutupkan dan tidak cukup setahun, tetapi kita *negotiated* dan tak perlu bayaranlah. JASA pun macam itu juga, dia tak sampai setahun. Kita pun *negotiated* supaya ditamatkanlah.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Okey, sila sambung.

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Saya nak tanya soalan, *Chairman*.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Sekiranya ditamatkan talian, apakah bentuk talian yang dia orang pakai selepas tamat itu? Juga, yang diturunkan kelajuan, adakah dari sudut *operation* itu, adakah jabatan-jabatan itu mengguna pakai tak MyGov*Net ini?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Dia tutup pejabat yang itu.

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Dia tutup pejabat? Oh, okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Banyak kes tutuplah macam Pusat Latihan Khidmat Negara itu, dia memang tutupkan ataupun dia berpindah.

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Tak. Kalau macam 1,792 turun talian, 5,900 ditamatkan itu, 509 talian itu maksudnya pejabat semua?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Dia pejabat yang *relocation*. Maknanya kalau kita nak *relocate*, kita tamatkan talian tersebut dan kita *relocate* pada tempat lain.

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, kita kena tamatkan talian tersebut...

Tuan Lukanismen bin Awang Sauni: Tamatkan? Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ya. So, ada yang pindah masuk dalam bangunan konsolidasi, macam itulah. Akan tetapi kita tetap menamatkanlah. Kalau yang tak menggunakan talian, sebab kita memberi perkhidmatan talian ini bergantung kepada permohonan agensi. Bila agensi ini kata dia hendak gunakan aplikasi A, B, C, D macam itu, dia memerlukan— Dia kata ada berapa keperluan, katakan dia nak memerlukan 50 Mbps talian.

■1250

Akan tetapi pada hakikatnya, mungkin pada waktu ketika tersebut hanya aplikasi A dan B sahaja berjalan. Aplikasi tak berjalan yang perkhidmatan itu dia maknanya *bandwidth* itu kurang, kita akan turun tarafkan. Jadi kita memberi kepercayaan kepada agensi untuk memaklumkan kepada kita. Kita pantau dan kita tanya dia kenapa tak digunakan begitulah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, sekiranya tidak ditamatkan perbelanjaan adalah banyaklah dalam RM20 juta kalau kita tak tamatkan talian-talian tersebutlah. Sebagai hala tuju, pihak MAMPU meneliti dan mengkaji kesesuaian caj bayaran berdasarkan model penggunaan *Pay-Per-Use* dalam kontrak yang akan datanglah. So *maybe* kalau kita hendak cara kita yang lebih baik, mungkin kita jadikan ia macam elektrik itu. Bila pakai, baru bayar kan. Jadi dia ada caj yang *entry point* tapi bila pakai lebih dia kena bayarlah, itu *Pay-Per-Use*. So, model ini tengah di dalam kajianlah oleh

pihak MAMPU sama ada benda ini ada kesesuaian ataupun praktikal ke tak praktikal di negara kita lahir.

Okey kalau tidak ada apa saya masukkan isu 11. Pengurusan perbelanjaan kontrak tahap penggunaan talian. Analisis audit bagi tempoh bulan Oktober 2017 hingga Disember 2020 mendapati penggunaan talian yang rendah melebihi tiga bulan berturut-turut iaitu antara 0.01 peratus hingga 20 peratus di 11 lokasi.

Jumlah pembayaran kepada kontraktor dari Oktober 2017 hingga Disember 2017 adalah sebanyak RM653,117. Pihak audit mendapati pembayaran ini tetap dilakukan mengikut kadar kontrak walaupun penggunaan adalah rendah bagi tiga bulan berturut-turut. Sebagai tindakan, antara justifikasi daripada agensi tersebut penggunaan rendah adalah disebabkan oleh cara norma kerja agensi yang menggunakan talian apabila perlu sahaja. Selain itu, MAMPU mengeluarkan *email* notifikasi pengguna rendah dan mendapatkan justifikasi daripada agensi berkenaan.

Hasil pemantauan dan semakan tindakan menurun taraf talian dan kelajuan internet dilaksanakan mengikut keperluan. Sebab bila agensi memohon talian, kita nilai, kita bagi talian dia sekali. Kalau katakan agensi itu aplikasi dia masih lambat terlewat untuk dibangunkan, kita sebagai penyedia *infrastructure* sudah ada situ. Jadi kita akan pantau yang itulah. So, biasanya sebab masalah agensi yang aplikasinya mungkin lewat untuk *di-roll out*-kanlah.

Sebagai hala tuju. Untuk isu ini, pihak MAMPU juga meneliti dan mengkaji kesesuaian caj bayaran berdasarkan model penggunaan *Pay-Per-Use* dalam konteks yang akan datang tadi seperti yang dimaklumkan tadi. Selain itu, bagi menaikkan penggunaan talian yang dibekalkan, agensi adalah digalakkan untuk membangunkan aplikasi atau kandungan *content*, tidak hanya fokus kepada aplikasi utama kerajaan seperti ePerolehan, iGFMAS, HRMIS dan lain-lain sahaja. So, kita galakkan sebagai contoh kalau dia menggunakan video *conferencing* sekurang-kurangnya satu pengguna VC memerlukan 4 *Megabytes per second*. So, sudah boleh kita beri justifikasi untuk bekalkan 10 Mbps. Itu sebagai contoh.

So, kalau tak ada apa persoalan saya sambung kepada isu ke-12.

Tuan Pengerusi: Ya sila.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Pemantauan perkhidmatan MyGov*Net, tempoh kelulusan oleh MAMPU. Sebagai latar belakang. Analisis audit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, mendapati *Notice to Commence* (NTC) bagi 1,509 permohonan pemasangan talian baharu dan naik taraf atau turun taraf, talian dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari iaitu antara 31 hingga 2,165 hari. Okey, pihak audit mendapati SOP bagi penamatan dan perpindahan talian ada disediakan. Namun, tempoh proses kelulusan permohonan tidak dinyatakan. Analisis audit mendapati

tempoh masa NTC dikeluarkan bagi permohonan penamatan dan perpindahan talian adalah antara 2 hingga 358 hari. Okey.

So sebagai tindakan, tempoh proses kelulusan permohonan tidak dinyatakan di dalam SOP. Tempoh masa tidak ditetapkan— kita tidak ditetapkan dalam pengeluaran NTC adalah atas faktor seperti berikut:

- (i) agensi dibenarkan untuk membuat permohonan awal sekiranya maklumat telah tersedia, namun bergantung kepada ketersediaan lokasi (*site preparation*) dari segi ketersediaan ruang peralatan, bekalan kuasa elektrik dan lain-lain; dan
- (ii) permohonan yang diluluskan dan NTC yang dikeluarkan akan disesuaikan dengan situasi sebenar dan permohonan yang dikemukakan oleh agensi tidak lengkap. Isu dia ya. Pasukan projek perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada kontraktor dan juga agensi sebelum permohonan diluluskan dan NTC dikeluarkan.

Walau bagaimanapun SOP permohonan telah ditambah baik dengan memasukkan bilangan hari bagi proses kelulusan dan pengeluaran NTC. Sebagai hala tuju. Dengan penambahbaikan kepada SOP, terdapat kawalan kepada tempoh kelulusan oleh pihak MAMPU. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian. Isu telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengurus, boleh saya bertanya atau boleh saya katakan bahawa SOP ini adalah berkaitan dengan isi dalam kontraklah kan?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Ada dalam kontrak.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kalau SOP tak ada itu, ertinya tidak ada dalam kontrak.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Permohonan tak ada. NTC ada dalam kontrak.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: So, *the idea is...*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi isunya kalau tak ada dalam kontrak itu, adakah kerana di awal projek ini kita masih belum mengetahui apa yang akan berlaku tempoh-tempoh ini kerana— macam tidak ada tempoh percubaan kah atau macam mana.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Bukan. Disebabkan ialah *the idea* kenapa kita loose-kan di peringkat tersebut ialah kita memberi ruang kepada agensi untuk sebagai

contoh agensi A dia hendak berpindah ke lokasi B. Dia cakap sahaja hendak berpindah kan. Dia beritahu kepada kita, dia sudah buat permohonan sudah tapi dia tak pindah lagi. Akan tetapi dengan memaklumkan kepada kita, memberi peluang kepada kita untuk menyelidik kawasan B itu daripada segi *readiness, infrastructure* ada atau tidak ada. Adakah elektrik ada atau tidak ada. So, sebenarnya bila dia sudah *confirm* berpindah, barulah kita keluarkan NTC macam itu.

Kalau dia *confirm* dia kata dia hendak berpindah, baru kita keluarkan NTC. Itu yang kita gunakanlah tapi kadang-kadang agensi apabila dia buat perpindahan, proses perolehan dia orang itu memang kadang-kadang tertangguh. Jadi itu yang isunya dekat situ sebenarnya. Kekangan kepada agensi, bukan isu kepada kita. Kita hanya bagi ruang kepada agensi supaya bila dia pindah pada lokasi B itu, *network* sudah ada sudah. Kita sudah buat siasatan awal lagi. Sebab itu kenapa tempoh itu kita tak sekatakanlah. Tapi tindakan akan datang itu, kita bagi agensi tempoh. Kalau dia tak buat apa-apa, kita *drop-kan* sahaja permohonan dia. Tidak dikira sebagai bilangan hari dipohon. Itu cara kitalah bekerja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Khairuddin bin Yahaya: Okey, kalau tak ada saya sambung ke isu yang terakhir isu ke-13. Pemantauan perkhidmatan MyGov*Net, perubahan teknologi rangkaian perkhidmatan MyGov*Net. Sebagai latar belakang. Pihak MAMPU sentiasa melaksanakan pemantauan bagi lokasi-lokasi yang menggunakan perkhidmatan *reset*. Sekiranya lokasi tersebut tersedia dengan teknologi yang lebih baik, pihak MAMPU mengambil inisiatif untuk menukar teknologi perkhidmatan kepada teknologi yang lebih efisien dan kos efektif. So, analisa audit terdapat keseluruhan lokasi berjumlah 10,493 pada tahun 2020, mendapati 122 lokasi telah dikenal pasti oleh pihak MAMPU untuk pertukaran teknologi perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, berlaku kelewatan penamatan perkhidmatan lama menyebabkan lokasi tersebut menggunakan dua jenis teknologi perkhidmatan pada masa yang sama dengan lebihan bayaran berjumlah RM2.46 juta. So, semakan audit selanjutnya mendapati, tiada data penggunaan rangkaian kepada teknologi lama selepas tarikh UAT rangkaian teknologi baharu.

So, sebagai tindakan, pihak MAMPU telah membangunkan prosedur operasi standard, pertukaran teknologi pada Januari 2021 supaya tiada pertindihan di dalam caj berlaku di masa akan datang. Seterusnya, tindakan pelarasan keseluruhan sebanyak RM2.49 juta termasuk cukai perkhidmatan untuk semua 122 lokasi telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2020 dan 31 Mei 2021.

■1300

Sebagai hala tujunya, dengan adanya SOP ini pertindihan dalam caj untuk dua teknologi berbeza bagi lokasi yang sama telah dapat dielakkan. Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh pasukan projek melalui mesyuarat status pelaksanaan dan mesyuarat status pengoperasian. Isu telah selesai di peringkat Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara. Kalau tidak ada apa, dengan izin Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sebelum itu, apa maksud pelarasan bayaran berjumlah *RM2.49 million* ini telah dilaksanakan?

Encik Khairuddin bin Yahaya: Syarikat kontraktor telah membayar balik pada kerajaanlah maksudnya. Ia tidak ambil sebab kita kena faham, bila kita menukar teknologi daripada VSAT kepada contohnya kepada 4G ataupun kabel— *fibre* so kita mesti ada tempoh kestabilan talian tersebut. Ini supaya *anything happens* pada talian baharu kita boleh *revert* balik kepada teknologi lama. Memang ada dua teknologi pada satu buah tempat satu ketika itu tetapi mungkin kesilapan kita pengebilan itu sahajalah kita terlebih dua. Akan tetapi, benda ini telah diselaraskanlah.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Saya ada sedikit soalan. Boleh pulang ke slaid isu ke-11 itu? Ini kerana dalam slaid itu katanya hala tuju hendak menggalakkan agensi kerajaan membangunkan aplikasi atau kandungan yang lebih banyak untuk *fully utilise service* ini tetapi, bagi saya masalahnya kita ada pelbagai aplikasi dan banyak kandungan bukan? Akan tetapi, bagi pengguna masalahnya nampaknya tidak tahu hendak cari mana.

Contohnya, kita tahu apabila kita ada masalah sekarang ramai pengguna internet akan tahu okey pergi Google search tetapi bagi selesaikan masalah tertentu atau cari maklumat tertentu bagi kerajaan kita hendak cari dari mana? Access dari mana? Hendak cari satu kementerian ke satu kementerian. Jadi, tidak ada satu *entry point*. Adakah MAMPU boleh memainkan peranan untuk— bukan *synchronise* tetapi macam ada satu *entry point*. Ini supaya bukan sahaja pengguna dalam kerajaan tapi juga rakyat biasa apabila access kepada perkhidmatan kerajaan dapat cari servis ataupun kandungan yang mereka mahu cari di tempat yang sesuai. Kalau tidak kita macam masuk ke dalam *ocean* untuk cari benda sahajalah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Yang Berhormat, boleh saya jawab yang itu?

Puan Wong Shu Qi: Ya.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Memang MAMPU sudah bangunkan *phase 1*, kita panggil *government portal*, *government GOS gateway*, *single gateway* untuk

government. Makna, bila *user* datang untuk access semua *information government* kita boleh pergi kepada *government GOS gateway* itu jadi semua ada di situ, boleh *link* kepada semua kementerian dan jabatan, Yang Berhormat. *Phase 1* kita sudah siap dan sekarang kita go for *second phase* untuk kita tambah baik lagi. Kita akan guna *the new technology AI* semua sekali, IoT semua dalam *government portal* itu nanti. Ada, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi: Bagaimana dengan *applications* pula? Ini kerana sekarang dalam *handphone* saya pun sekurang-kurangnya ada 10 *applications* kerajaan [*Ketawa*]. Setiap agensi akan— itulah digalakkan untuk membangunkan aplikasi jadi setiap tahun kita ada banyak aplikasi yang baharu.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Itu Yang Berhormat dalam MyDIGITAL yang dilancarkan pada tahun baru ini oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Kelapan, memang ada satu inisiatif dipanggil *super apps*. Sekarang MCMC telah mengeluarkan *questionnaire* baru ini. Saya ingat Yang Berhormat pun ada terima. Apa yang aspirasi rakyat kepada *super apps national* ini.

Jadi, MCMC sekarang ini, saya ingat semalam saya terima notis daripada *one of the companies*, ia kata MCMC minta ia *present* ia punya *proposal super apps national*. Nanti dalam *super apps* nanti kita boleh dapat semualah untuk negara kita. Dalam pembangunan oleh MCMC di bawah inisiatif MyDIGITAL.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Selepas itu Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti ada soalan hendak tanya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ada dinyatakan dalam slaid yang ke— isu 11 juga ya. Aplikasi utama kerajaan menggunakan sistem ini yang disebut iGFMAS, HRMIS semua itu, *forgive my ignorance*.

Salah satu aplikasi yang penting, *application* yang *controversial* juga 1BestariNet. Ada ke ruang kalau kita boleh *integrate* benda ini dalam satu sistem yang sama kerana masing-masing menelan belanja yang besar. Bagaimanakah pandangan MAMPU?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 1BestariNet telah tamat Yang Berhormat dalam tahun— Encik Khairuddin bila kita tamatkan 1BestariNet? Tahun 2019. Sekarang ini untuk kita sambung *internet* ke sekolah-sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada 10,000 buah sekolah kita gunakan sistem interim dengan *all telcos* yang ada because of ia punya interim ini dipanggil *best effort basis*. Ia tidak satu macam— SLG macam Gov*Net ini, Yang Berhormat.

Macam Gov*Net ini, kita punya SLG, 99.9 peratus tetapi yang kita buat sekarang ini secara interim dengan *all telcos* ini *best effort basis*. Kalau cuaca tidak elok, *internet*

hilang. Kalau ada hujan sedikit, *internet hilang connection*. Akan tetapi, sekarang ini MAMPU telah diminta oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencadangkan satu sistem, yang mana holistik *solution* untuk sambungkan *internet* kepada sekolah-sekolah. MAMPU pun telah membuat pembentangan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan perkara ini kami telah cadangkan. Kami ambil model Gov*Net ini Yang Berhormat untuk kita *apply* ke sekolah-sekolah untuk 500,000 orang cikgu, 5 juta orang murid, dan 10,000 buah sekolah termasuk Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat.

Perkara ini telah kami bentangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan dalam masa terdekat saya ingat akan dibentangkan kepada Kabinet untuk dapat ulasan daripada agensi pusat dan *insya-Allah* di sekolah kita nanti akan ada sistem Gov*Net yang sama macam yang ada di jabatan kerajaan nanti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: *Chairman*. Satu cadangan yang baik sekiranya sekolah dapat di *integrated under MyGov*Net*. Seperti yang saya nyatakan tadi saya adalah *user* sebelum ini walaupun demikian sudah hampir tiga tahun tidak lihat MyGov*Net ini.

Apa yang saya ingin tanyakan, adakah *contents* yang berada di bawah MyGov*Net seperti HRMIS, iGFMAS, ePerolehan, ePenyata sudah mencapai tahap *stability*? *What I meant like* tidak ada lagi *bugs* yang menjelaskan prestasi apabila kita *log in* kepada semua aplikasi di bawah MyGov*Net ini. Seperti sebelum ini, pengalaman saya untuk masuk HRMIS kadang-kadang bila kita *click next* ia hilang. *Sometimes* ia keluar *error* semua itu.

Saya hendak tahu, selepas fasa yang baharu ini nanti, adakah aplikasi-aplikasi ini akan lebih mudah diakses melalui *mobile*? Itu yang saya ingin tahu.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: HRMIS memang di bawah *new serie* ini, Yang Berhormat. Memang boleh *access through mobile*. Sistem-sistem yang lain semua kebanyakannya kita boleh *access through mobile*.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Satu lagi, adakah semua *contents* ini adalah sebahagian daripada peruntukan yang telah diperuntukkan untuk program MyGov*Net ini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak, tidak Yang Berhormat. Peruntukan MyGov*Net ini untuk rangkaian sahaja. Sistem-sistem dalam kementerian itu masing-masing kementerian yang akan bangunkan untuk *target group* masing-masing.

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Seri Dr. Yusof, tadi, saya dengar satu soalan daripada Yang Berhormat Lumut berkenaan dengan 1BestariNet yang dalam siasatan kita jugalah. Belum lagi selesai prosiding kami.

Saya hendak tanya kepada pihak Datuk Seri, apakah peranan MAMPU? Sama ada MAMPU ada memainkan apa-apa peranan untuk *monitor* dan *supervise* projek seperti 1BestariNet yang telah pun tamat. Kita tahu tamat. Gagal dan tamat.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Pengalaman saya, Yang Berhormat. 1BestariNet sudah lama sistem ini. Ia ada *phase 1*, *phase 2* semua sekali dan *governance audit* pun sudah dibuat. Memang daripada segi tadbir urusnya memang banyak yang tidak betul, Yang Berhormat. Cuma setahun pengalaman saya di MAMPU, kami terlibat daripada segi menasihati daripada segi teknologi dan permohonan sistem. Daripada segi *policy*, *decision*, *business model* itu di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

■1310

Jadi peringkat *policy decision* MAMPU tidak terlibat Yang Berhormat. Kami terlibat dari segi memberi khidmat nasihat *on technical* sahaja.

Tuan Pengerusi: So, nasihat pada ketika itu *feasible* kah atau tidak *feasible*?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Saya tidak berani komen Yang Berhormat sebab benda itu sudah lepas, saya ingat. Memang laporan audit kita dapat bahawa tadbir urus 1BestariNet merugikan kerajaan yang mana sistem yang dibangunkan menyusahkan guru, yang *Frog system* itu dan menyusahkan dan membebankan murid. Sebab itu kami— dalam masa pembentangan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, *lesson learnt* daripada 1BestariNet kami cadangkan kita— vendor yang akan masuk nanti, satu, dia sediakan talian. Kedua, dia sediakan juga kepada sistem pengurusan guru, murid dan *career development* untuk murid itu. Macam sekarang ini mereka bangunkan sistem DELIMA Yang Berhormat, ganti kepada *Frog* di bawah 1BestariNet. Sekarang ini Kementerian Pendidikan bersama *Google* mereka sedang bangunkan DELIMA.

Insya-Allah dalam perbincangan kami dengan pihak Kementerian Pendidikan, kita boleh *leverage* DELIMA itu dalam sistem *School/Net* itu nanti yang akan dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Seri satu lagi. Now, kita memang faham peranan yang dimainkan oleh MAMPU sebagai satu *expert ICT* bagi kerajaan. So, kita pun nampak ada banyak kes perolehan daripada kerajaan yang melibatkan ICT yang ada masalah. Apa pandangan daripada Datuk Seri dan sama ada pihak MAMPU bersedia sekiranya pada masa depan kesemua perolehan daripada kerajaan khasnya berkenaan dengan isu ICT ataupun perolehan ICT ini haruslah mendapat *clearance* ataupun sijil daripada MAMPU terlebih dahulu ataupun MAMPU perlulah untuk membuat kajian *at least* benda itu *feasible* dan sebagainya baru agensi-agensi lain

boleh masuk untuk membuat perolehan tersebut. Apakah pandangan daripada Datuk Seri?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat di bawah MyDIGITAL juga Yang Berhormat ada satu inisiatif yang MAMPU jadi *champion* di bawah kluster *government* yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN untuk menjadikan MAMPU jabatan teknik kepada kerajaan untuk ICT.

Macam juga JKR. JKR jabatan teknik kepada kerajaan untuk pembinaan struktur bangunan dan jalan. JPS untuk sistem air. MAMPU, kerajaan telah bersetuju untuk jadikan jabatan teknik kerajaan. Sebab sebelum ini Yang Berhormat, kami di MAMPU masa kementerian *submit budget* kepada EPU, *submit budget* kepada MOF, kami tidak terlibat. Dari segi keperluan sistem yang hendak dibangunkan oleh kementerian kami tidak terlibat. Kami terlibat bila sistem itu hendak di tender, baru MAMPU dipanggil untuk melihat dari segi sistem.

Akan tetapi dari segi keperluan sistem, ada *duplication* dengan jabatan lain, kami tidak terlibat. Akan tetapi dalam di bawah jabatan teknik yang kami sedang buat *preparation* sekarang ini untuk kami bentangkan kepada *high level government officer* ini, kami minta kuasa itu diberi kepada MAMPU. Masa di peringkat *initiation order project* itu MAMPU sudah terlibat Yang Berhormat. Sebab kita tidak hendak projek yang dibina nanti ada *vendor driven*. Ia tidak ada *value for money* kepada rakyat. Kita ada *duplication* antara kementerian-kementerian. Jadi, MAMPU akan jadi *focal point* untuk semua projek ICT kerajaan lepas ini, Yang Berhormat.

Tuan Penggerusi: Ini merupakan status terkini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tuan Penggerusi.

Tuan Penggerusi: Sila.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: Saya hendak *confirmation*. Maksud Datuk Seri, projek DELIMA ini MAMPU terlibat daripada awal lagi?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: DELIMA di kementerian. Ya, kita terlibat. Kita membantu kementerian juga. *Lesson learnt* kita belajar dulu *the Frog* punya sistem itu. MAMPU terlibat juga dengan *Google*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Penggerusi.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat telah diluluskan di peringkat jawatankuasa— ada dua *governance* untuk pelaksanaan projek ICT di sektor awam, Yang Berhormat. Pertama, syarat sekarang ini sudah diketatkan atas arahan MOF dan EPU. Ia perlu melepassi jawatankuasa ICT kementerian. Selepas dia melepassi jawatankuasa ICT kementerian, dia akan pergi ke MAMPU dipanggil

Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA). Selepas dapat kelulusan JTISA, baru projek itu boleh dilaksanakan untuk pengeluaran tender.

Akan tetapi di bawah jabatan teknik nanti, kita minta kuasa MAMPU tadi dari segi projek *initiation* itu, MAMPU sudah terlibat daripada awal projek itu untuk— yang bercambah itu kita minta kuasa MAMPU untuk menasihati kementerian di peringkat awal lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Tuan Pengerusi, sedikit tambahan. Soalan saya berkaitan. Dilihat dalam pelan atau bajet untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan beberapa hari lepas kami diberi taklimat oleh kementerian. Projek untuk 2022 agak besar termasuk yang disebut program inisiatif pendidikan ke sekolah-sekolah, RM700 juta yang akan diperuntukkan. Katanya diagihkan kepada 630 buah sekolah untuk dilihat macam hendak membaik pulih kegagalan 1BestariNet ini.

Jadi, adakah pihak MAMPU sendiri terlibat secara langsung dalam pelan kepada program ini? Juga kalau keseluruhan itu juga dalam Pelan Talian Digital Malaysia yang dibuat oleh KKMM itu juga saya lihat sangat perlu difokus bagaimana pelancaran dan juga ketelusan kita katakan dalam projek digital ini. Biar tidak berlaku apa-apa lagi isu yang kita bincang sebelum ini, 1BestariNet dan sebagainya. Jadi, bagaimana MAMPU lihat untuk membantu khususnya KKMM ini untuk selesaikan masalah ini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Memang dalam skop kami, Yang Berhormat. Semasa pembentangan MAMPU kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, MAMPU cadangkan kita panggil *Request for Proposal* (RFP). Jadi, kita *open* kepada cadangan daripada pihak *telco player* di Malaysia ini mengambil kira semua kemudahan yang ada. Kemudahan yang disediakan oleh KKMM. Kemudahan yang disediakan oleh JENDELA di bawah MCMC. Kemudahan 5G yang disediakan oleh Digital Nasional Berhad. Semua kita ambil kira.

Jadi kita melihat di situ, *the best system* untuk negara untuk sistem pendidikan kita dan kita tidak mahu nanti sistem pendidikan kita ada *duplication* dan vendor mengambil kesempatan atas inisiatif kerajaan. *Insya-Allah* diambil kira, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Datuk Seri, saya balik kepada soalan awal saya tadi berkenaan dengan sama ada kontrak ini akan disambung kah tidak. Nombor satu, sama ada Datuk Seri mempunyai apa-apa makluman yang mana pada mula-mula pelantikan syarikat konsesi ini untuk melaksanakan projek MyGov*Net pada tahun 2013, apakah justifikasi yang digunakan oleh kerajaan untuk membuat satu rundingan terus? Itu satu.

Nombor dua. Keseluruhan projek ini memakan satu kos RM6 bilion. Itu satu kos yang amat besar dan digunakan kontraknya dari tahun 2013 sampai 2021 untuk lapan tahun sahaja. Tahun 2022 untuk sembilan tahun— 10 tahunlah. RM6 bilion dan

selepas itu jika ada lantikan baharu untuk mana-mana syarikat, *what happened to this RM6 billion investment* yang telah pun kita belanja dalam 10 tahun ini. *That is my concern* iaitu berkenaan dengan *software, hardware*. Sekiranya syarikat konsesi ini masih memegang di bawah konsep BOO, kesemua milikan *software, hardware* itu, *at the end of the day* syarikat baharu yang mendapat tender, mereka terpaksa untuk mengambil alih dengan satu kos yang tinggi *and that would actually double the price of*— *I mean* ia akan menambah kepada harga yang akan dibayar oleh kerajaan nanti.

So, itulah kemosykilan dan kebimbangan yang saya ada. Apa yang akan berlaku *after 2022?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelaksanaan MyGov*Net ini adalah secara sewaan. Maknanya *equipment* disediakan oleh pihak GITN dan *government* membayar sewa mengikut penggunaan. Itu sahaja konsepnya, Yang Berhormat.

■1320

Jadi, daripada segi— bagi sayalah dengan RM6 bilion bayaran dibuat oleh kerajaan dan pihak syarikat pun sudah *recoup* balik dia punya *investment and based on my engagement* dengan syarikat semasa kita hendak tambah bajet dia tidak cukup RM1.9 bilion itu, *I* sudah go *through cash flow* dia Yang Berhormat, memang *I* nampak *double charge* kepada *government*. Sebab apa *I* kata *double charge* Yang Berhormat, *because GITN is 100 percent owned by Telekom*. GITN dia *leverage on Telekom* punya *infra and* di situ Telekom sudah dapat *profit.. Then GITN charge another margin lagi* kepada *government and then on top of that* Telekom dapat dividen lagi daripada GITN. Jadi saya nampak di situ memang *very lucrative business* lah *for Telekom* dengan projek ini.

Cuma tinggal lagi *soalan* concern Yang Berhormat tadi daripada segi *hardware* yang telah dibelanjakan oleh pihak Telekom. Itu sudah bagi konsep BOO ini Yang Berhormat, itu adalah aset GITN dan bagi kami, itu terpulang kepada mereka dan mereka berhak untuk masuk tender selepas ini Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: So, soalan pertama saya *on the* rundingan terus sama ada Datuk Seri mengetahui apakah justifikasi.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Itu saya tidak ada *info* Yang Berhormat semasa itu. Saya tidak terlibat.

Tuan Pengerusi: MOF ada *info* tidak? Berkenaan dengan pelantikan syarikat konsesi ini pada tahun 2013 secara rundingan terus.

Puan Azreen binti Awang: Okey Yang Berhormat. Untuk tujuan penyemakan *company* ini, saya kena semaklah sebab bahagian yang bertanggungjawab bahagian perolehan kerajaan.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Bukan. Bahagian SID.

Puan Azreen binti Awang: Okey, SID.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Bahagian pelaburan.

Puan Azreen binti Awang: Bahagian pelaburan. Saya akan semak dan bagi input kepada sekretariat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila secepat mungkin ya. Okey Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Kluang?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Just lanjutan kepada *Chairman* punya question tadi. *Along the way* kontrak ini ada pertambahan *50 percent* daripada original cost katanya *from four to six*, apakah komponen utama pertambahan kos itu, adakah bertambahnya agensi atau apa dia?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ia macam ini Yang Berhormat, semasa asalnya kalau saya tengok *history* apabila saya tengok balik *Cabinet Paper* semasa dia dapat kos RM4 bilion daripada Kabinet itu, asalnya memang *paper* Jemaah Menteri dikemukakan pada tahun 2013 itu kosnya RM6 bilion. Akan tetapi disebabkan oleh *government* ada *constraint* kewangan semasa itu, *government* luluskan dahulu RM4.3 bilion. Jadi memang betullah. Makna anggaran yang dibuat oleh teknikal dengan *financial team* untuk projek ini memang betul. Kos projek adalah RM6 bilion.

Jadi apabila masuk tahun kelapan, bajet tidak cukup itu betullah. Maknanya memang berdasarkan skop asal, kadar caj yang asal juga jadi kita minta *additional cost* itu *because government* pada masa itu dia macam ada lulus setakat lebih kurang 70 peratus daripada anggaran asal.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan ada berkaitan dengan soalan terlebih dahulu juga, yang ditanyakan oleh Tuan Pengerusi tadi iaitu pada permulaan projek ini, adakah MAMPU merancang untuk masukkan sekolah, semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan ke dalam servis ini? Dalam rancangan asal MAMPU, agensi kerajaan mana yang seharusnya mendapat servis ini yang dimasukkan dan pihak mana yang tidak dimasukkan ke dalam projek ini sebenarnya kerana nampaknya sekolah tidak dimasukkan, jadi ada agensi yang lain yang tidak dimasukkan lagi atau tidak? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, memang daripada segi original punya perancangan projek ini memang tidak termasuk sekolah. Untuk projek ini *and then* kita masukkan keseluruhan kementerian di Putrajaya, 27 kementerian dan juga kedutaan kita, pengembangan selepas itu kedutaan di luar negeri. Baru-baru ini semasa kami minta kelulusan bajet RM1.9 bilion daripada Kabinet, kami minta tambahkan juga kerajaan tempatan PBT sebab ada rungutan daripada *business* mengatakan bahawa kelulusan di PBT adalah perlahan, *slow because* tidak ada

internet. Jadi dengan projek RM1.9 bilion yang kita minta tambahan daripada Kabinet, kita masukkan juga PBT, Yang Berhormat.

Tuan Penggerusi: Okey, ada yang lain? Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Jadi, agensi seperti balai polis, hospital semua ada di bawah kan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Termasuk semua Yang Berhormat. Polis dia ada sistem dia sendiri dengan tentera, Yang Berhormat. Polis dan tentera ada sistem internet mereka sendiri. Mungkin *because of* faktor keselamatan, dia tidak hendak termasuk dalam inilah tetapi memenuhi *government* punya prosedur daripada segi sijil ISO, sekuriti memang MyGov*Net ini ada ciri-ciri keselamatan mereka ambil kira, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sebagai ini – oleh sebab ada berbangkit begini. Saya ingin bertanyakan, Kementerian Kesihatan dia ada HMIS dia tetapi ia belum *fully develop*. Adakah dalam hal ini, MAMPU meminta Kementerian Kesihatan supaya sediakan cepat dan masuk ke dalam sistem ini sebab apa ya lah daripada segi kerahsiaan, saya rasa kita punya sistem ini mestilah ada satu cara untuk mengelakkan maklumat-maklumat yang *confidential* daripada bocor termasuk HMIS itu jugalah.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: HMIS/EMR Yang Berhormat, *electronic medical report* pun termasuk dalam sistem ini. Sistem internet kita *ready* Yang Berhormat cumanya, kadang-kadang sistem yang dicadangkan kepada kementerian kadang-kadang macam uCustoms lah Yang Berhormat. Macam uCustoms, ia punya ideanya *proposal* itu cantik tetapi apabila *when it comes to implementation*, dia beli *hardware* sahaja, sistem tidak siap. Jadi sama juga macam EMR ini memang kita nampak. Memang kita mengambil pengajaran daripada kegagalan sistem yang lepas memang HMIS dan EMR ini menjadi tumpuan dan MAMPU terlibat dalam *team* itu Yang Berhormat. Kita *leverage on* internet yang kita ada inilah.

Satu lagi untuk makluman. Saya ingat Yang Berhormat Dr. Hatta tahu lah. Masalahnya sebelum ini, setiap hospital yang dibina itu Yang Berhormat, IT system itu pakej dalam *project cost*. Serdang sistem lain, KL sistem lain jadi ia tidak *integrated*. Jadi, sekarang ini *that's why* itulah sekarang ini MAMPU terlibat dengan *team* Kementerian Kesihatan untuk kita *merge*. Kemudian ada *additional cost* kepada *government* lah.

Jadi itu kita beritahu kepada Kementerian Kesihatan, kalau boleh kita pakai *one system* sahaja, senang kita *integrate*. Makna apabila macam di Australia, kita pergi *private clinic*, kita pergi ke *government clinic*, rekod kita semua sudah ada dalam itu.

Macam sekarang ini, kalau Yang Berhormat pergi ke Selayang, normal *checkup* dekat Selayang lepas itu pergi ke Serdang, rekod Yang Berhormat tidak ada.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya. Jadi itulah cabarannya Yang Berhormat apabila melaksanakan *IT system* ini dalam keadaan sekarang ini memang cukup mencabar.

Tuan Pengerusi: Datuk Seri, tadi saya *Google*, ia ada satu program di bawah nama MyGovUC di mana ada satu *software* dipanggil *IceWarp* yang dikhususkan untuk *video call*. Akan tetapi difahamkan sekarang banyak tidak menggunakan *IceWarp* tetapi pakailah *Zoom* macam orang biasa. So, kenapakah *IceWarp* tidak dipromosikan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Yang Berhormat, memang ini projek MAMPU Yang Berhormat. Ini sistem e-mel dekat *office kerajaan* sekarang ini dan satu lagi ia punya sistem *video conferencing* (VC). Memang di bawah *IceWarp* ada komponen utamanya sistem e-mel dan juga sistem VC. Soalan Yang Berhormat, kenapa penggunaan *IceWarp* ini kurang berbanding dengan *Zoom*, berbanding dengan *Google Meet* dan berbanding dengan Cisco Webex. Pemilihan teknologi Yang Berhormat, sekarang ini projek ini memang di bawah kawalan MAMPU.

Sekarang ini kami telah *discuss* dengan vendor iaitu syarikat PERNEC, anak syarikat PNB untuk kita berbincang dengan pihak PERNEC untuk bertukar ke *other solutions*. Sebab *solution* *IceWarp* ini tidak stabil. Jadi sekarang *lesson learnt* sudah setahun kami dengan *IceWarp* ini memang kita nampak tidak stabil. Di bawah kontrak, kita minta dia *propose to other solutions* dan perkara ini telah dibentangkan di *tender board* JPM. Kita minta *company* untuk bertukar dan *insya-Allah* kalau tidak ada apa-apa halangan Yang Berhormat, *by end of December* nanti kita akan mendapat *new system e-mel* untuk *government*.

Tuan Pengerusi: So, *IceWarp* sistem ini diguna pakai sejak bila Datuk Seri?

■1330

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Early 2021* Yang Berhormat. Sebelum ini kita pakai *Microsoft*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Bila kita buat tender, *Microsoft* kalah dari segi harga berbanding dengan *IceWarp*. Jadi, faktor bajet. Dari segi teknologi *of course* *Microsoft* *the best* tetapi *Microsoft* ini mahal. Jadi, kita— *IceWarp* ini memang banyak dipakai di dunia Yang Berhormat tetapi kita pun tidak tahu kenapa bila sampai ke Malaysia dia ada masalah.

Tuan Pengerusi: So, *that means* dia baru mula awal tahun inilah. Berapakah kos yang terlibat?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Total projek *RM260 million* Yang Berhormat, yang total projek untuk tiga tahun.

Tuan Pengerusi: *216 or...*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *260.*

Tuan Pengerusi: *260.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya. Akan tetapi kita baru bayar dekat dia baru RM50 juta untuk tempoh setahun ini. Ada *balance* lagi. *And then*, kita buat syarat kepada pihak PERNEC untuk *you change to the new solution without any additional cost* pada *government*. Itu tanggungjawab *you because you* tidak capai *you* punya *service level* yang *government* minta. *And then*, kita minta *you* tukar pada *solution* lain iaitu ada di bawah kontrak, *existing contract* Yang Berhormat. Kami sedang berurusan dengan PERNEC untuk kita tukar pada *new system* sekarang.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada hendak sambung lagi Datuk Seri? / *I think* ada dua slaid *conclusion* kan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk hala tuju Yang Berhormat, kalau kita *lesson learnt* daripada pengalaman sembilan tahun kita *through Gov*Net* dengan GITN ini. Satunya untuk LAD tadi kita akan *go for automation*. Makna tidak ada manual lagi dan juga isu-isu yang lain.

Kedua, memang kita akan tambah baik lagi kontrak ini yang 2.0 nanti, *especially* dari segi *mode of payment*, Yang Berhormat. Macam sekarang ini kita *fixed*. Macam kita bayar internet kita dekat rumah, Yang Berhormat. *You guna kah, you tidak guna kah, you* bayar *RM200 per month*. Akan tetapi untuk *Gov*Net* yang 2.0 nanti, kita akan mencadangkan kepada *government* kita pakai *new model Pay-Per-Use*. Macam bila kita guna air dan *electricity* dekat rumah kita ada meter Yang Berhormat. Jadi, kita akan bayar dia berdasarkan penggunaan dia. Jadi, tidak timbul teguran audit yang mana kita membazir. Jabatan kita guna untuk jabatan 100 Mbps, dia guna *only 50 Mbps*. Tidak timbul dah isu itu nanti. Dengan *Pay-Per-Use* nanti kita akan laksanakan macam bayaran berdasarkan penggunaan dan kita akan tambah baik dari segi *business*, teknikal nanti Yang Berhormat untuk *Gov*Net* 2.0 nanti. *Insya-Allah*.

Tuan Pengerusi: Okey. Ahli-ahli semua. Ada soalan lanjut daripada ahli-ahli sekalian? Okey. Tidak ada ya. Okey. Jika tiada, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk dan Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. yang telah pun memberikan penjelasan ke pihak PAC dan PAC akan berbincang dan sekiranya tidak ada saksi lain, maka kita akan adakan proses penyediaan laporan kita yang dipanggil *housekeeping*. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua ahli-ahli dan juga *ex-officio* yang hadir pada hari ini. Pagi esok, kita ada satu prosiding baharu MM2H. Okey, MM2H. Di bawah siapa ya? KPCT ya?

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]: Jabatan Imigresen dan juga MOTAC.

Tuan Pengerusi: Okey, MOTAC dan Jabatan Imigresen dan saya pohon kehadiran Ahli-ahli semua. Okey, pada hari Khamis kita akan sambung *housekeeping* semalam iaitu isu pembayaran zakat dan sebagainya. Okey. So, terima kasih dan makanan disediakan di luar. Boleh ambil. Saksi dan *ex-officio* semua boleh ambil. Terima kasih. *Thank you.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Semua Ahli PAC.

Datuk Mohammad bin Ismail: Terima kasih semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.34 tengah hari]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN

MyGOV*NET
Connected Government

**Jabatan Perdana Menteri
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

Tarikh : 23 November 2021 (Selasa) | Masa : 10.30 pagi



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



ISI KANDUNGAN



- 1. LATAR BELAKANG & OBJEKTIF PROJEK**
- 2. SKOP PERKHIDMATAN**
- 3. OBJEKTIF & SKOP PENGAUDITAN**
- 4. ISU AUDIT**
 - a. *Services Level Guarantee*
 - b. Penyenggaraan Pencegahan
 - c. Perkhidmatan Pilihan
 - d. Perkhidmatan Berwayar PCN
 - e. Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN
 - f. Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN
 - g. Pembayaran Perkhidmatan
- 5. RUMUSAN**
- 6. SYOR AUDIT**



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



1. LATAR BELAKANG & OBJEKTIF PROJEK

LATAR BELAKANG

- Rangkaian telekomunikasi Kerajaan diuruskan secara berpusat.
- Infrastruktur khusus hubungkan agensi-agensi Kerajaan.
- Kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net (sejak 1999)
- Rundingan terus – GITN Sdn. Bhd.
- Tempoh: 10 tahun (01.01.2013 – 31.12.2022)
- Kos Asal: **RM4.368 bilion**
- Pertambahan kos: **RM1.940 bilion**
- Kos keseluruhan: **RM6.308 bilion**
- Bayaran: **RM4.758 bilion** (sehingga Disember 2020)

OBJEKTIF

- Mewujudkan satu (1) infrastruktur rangkaian telekomunikasi ICT bersepadu Kerajaan yang selamat khusus untuk sektor awam dan diuruskan secara berpusat.
- Menyediakan satu platform kepada agensi-agensi Kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi Kerajaan yang dibangunkan secara elektronik, aplikasi dalaman agensi (intranet agensi) dan capaian internet.






PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



2. SKOP PERKHIDMATAN





PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



3. OBJEKTIF & SKOP PENGAUDITAN

OBJEKTIF

Menilai sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaannya.

02

BIDANG UTAMA AUDIT

1. Prestasi Perkhidmatan
2. Pengurusan Perkhidmatan

01

TEMPOH

- 2013 – 2020

03

PRESTASI PERKHIDMATAN

1. Pencapaian Output
 - Penyampaian *deliverables*
2. Pencapaian Keberhasilan (Outcome)
 - Penilaian Perkhidmatan

SKOP

04

PENGURUSAN PERKHIDMATAN

1. Pengurusan Kewangan
2. Pemantauan Perkhidmatan



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

1. PENCAPAIAN OUTPUT

- *Service Level Guarantee (SLG)* [Perenggan 5.1.1.1. (iv)]



KRITERIA

- Pihak kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan SLG yang telah ditetapkan.
- Pihak Kerajaan berhak menuntut rebat sekiranya kontraktor gagal mencapai *downtime* dan SLG yang telah ditetapkan.



PENEMUAN AUDIT

- Dua aduan tidak mencapai SLG, melebihi *downtime*. Rebat tidak diterima RM254.
- Tempoh *downtime* dibenarkan : 2 jam 17 minit.
- *Downtime* sebenar: 7 jam 53 minit dan 11 jam 16 minit.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Kesilapan mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019.
- Bayaran balik pada 4 Disember 2020.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

2. PENCAPAIAN OUTPUT

- Penyenggaraan Pencegahan [Perenggan 5.1.1.1. (v)]



KRITERIA

- Pihak kontraktor perlu melaksanakan aktiviti penyenggaraan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya gangguan sumber tenaga yang melibatkan IP *network* serta peralatan rangkaian.



PENEMUAN AUDIT

- Mekanisma pemantauan penyenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak.
- Laporan secara berkala tidak disediakan.
- Status pemantauan penyenggaraan pencegahan tahun 2014 hingga 2016 tidak dapat disahkan.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Penyenggaraan pencegahan merupakan kaedah bagi memastikan SLG dapat dicapai.
- Semua peralatan rangkaian MyGov*Net dan penyenggaraan pencegahan di bawah tanggungjawab kontraktor.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

3. PENCAPAIAN OUTPUT

- Perkhidmatan Pilihan [Perenggan 5.1.1.2.]



KRITERIA

- Pihak kontraktor membuat lawatan untuk mengenal lokasi fizikal ketersediaan tapak. perlu tapak pasti dan



PENEMUAN AUDIT

- Kontraktor menamatkan talian tanpa membuat tinjauan di lokasi.
- Kesan: agensi tidak mendapat perkhidmatan MyGov*Net 44 hari.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Kontraktor menamat talian tujuh hari selepas tarikh penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan dilaksanakan secara automatik melalui sistem.
- Agensi memaklumkan perpindahan ditangguhkan setelah talian ditamatkan.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

4. PENCAPAIAN OUTPUT

- Perkhidmatan Berwayar PCN [Perenggan 5.1.1.4.(a)]



KRITERIA

- Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan berwayar PCN dijadualkan pada bulan Januari hingga September 2019.



PENEMUAN AUDIT

- Kelewatan pemasangan.
- LAD belum dikenakan kepada kontraktor.
- Anggaran kiraan LAD: RM143,469.
- Sebab: kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.



**RINGKASAN
MAKLUM BALAS
AGD**

- LAD kelewatan perkhidmatan berwayar masih dalam semakan pihak MAMPU dijangka selesai pada Disember 2021.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

5. PENCAPAIAN OUTPUT

- Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN [Perenggan 5.1.1.4.(b)]




KRITERIA

- Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan tanpa wayar PCN dijadualkan pada bulan Jun 2018 hingga Mac 2019.



PENEMUAN AUDIT

- 10 bangunan Kerajaan mengalami kelewatan pemasangan.
- LAD belum dikenakan. Anggaran LAD: RM13,996.
- Sebab: kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.
- Kesan: agensi lambat dapat menggunakan perkhidmatan.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- LAD bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN MS berjumlah RM75,342.32 dibayar pada 25 Jun 2021.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

6. PENCAPAIAN OUTPUT

- Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN [Perenggan 5.1.1.4.(c)]



KRITERIA

- Kontraktor hendaklah membekalkan Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN yang terdiri daripada dua elemen iaitu infra keselamatan rangkaian (berwayar dan tanpa wayar) dan sistem sokongan PCN.



PENEMUAN AUDIT

- Kontraktor melantik pihak ketiga untuk laksanakan Penilaian Tahap Keselamatan ICT.
- Tiada klausa kontrak berkenaan *due diligence* sebelum penerimaan pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian MyGov*Net.



**RINGKASAN
MAKLUM BALAS
AGD**

- *Due diligence* lantikan kontraktor pihak ketiga bagi Penilaian Tahap Keselamatan ICT dilakukan semasa Mesyuarat JKT dan JKP Bil. 1/2021 pada 11 Januari 2021 dan 12 Januari 2021.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

7. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

○ Pembayaran Perkhidmatan [Perenggan 5.2.2.(a)]




KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.
- Kontrak menetapkan Kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.



PENEMUAN AUDIT

- Pembayaran perkhidmatan *Local Area Network - Managed Switch Services* dicaj dua kali.
- Kesan: lebihan bayaran RM2,816.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Pengambilan dibuat secara manual menyebabkan berlaku pertindihan caj.
- Bayaran balik RM2,816 dibuat pada 4 Disember 2020.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

8. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

○ Pembayaran Cukai Perkhidmatan [Perenggan 5.2.2.(b)]




KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.
- Berdasarkan kontrak para 12.4.1 menetapkan Kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.



PENEMUAN AUDIT

- Caj cukai perkhidmatan (SST/GST) dikenakan dua kali.
- Sebab: pengebilan mengambil kira perukaian GST dan SST dalam tempoh masa yang sama.
- Kesan: lebihan bayaran berjumlah RM26,537.



**RINGKASAN
MAKLUM BALAS
AGD**

- Caj cukai perkhidmatan 6.0% di kenakan pada kadar harga pengebilan dan sistem.
- Bayaran balik RM26,537 dibuat pada 4 Disember 2020.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

9. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

○ Pelarasan Pembayaran [Perenggan 5.2.2.(c)]




KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.



PENEMUAN AUDIT

- Kesilapan pelarasan bayaran berjumlah RM38,244.
- Kesilapan pelarasan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor berjumlah RM3,569.
- Sebab: kesilapan kaedah pengiraan.
- Kesan: lebihan dan kurangan bayaran/pelarasan.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- MAMPU telah menambahbaik formula pengebilan bagi mengelakkan kesilapan berulang.
- Bayaran balik bagi kesilapan pelarasan telah dibuat pada 4 Disember 2020.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

10. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

○ Penggunaan Talian [Perenggan 5.2.2.(d)]



KRITERIA

- Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net), penamatan atau turun taraf perkhidmatan boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.



PENEMUAN AUDIT

- Rangkaian tidak digunakan melebihi tiga bulan.
- Pembayaran berjumlah RM1.78 juta.
- Sebab: kurang pemantauan daripada MAMPU.
- Kesan: pembaziran sumber kewangan Kerajaan.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Tindakan yang telah diambil bagi 23 lokasi:
 - a. 19 lokasi telah ditamatkan talian;
 - b. satu lokasi telah dituruntaraf dan akan digunakan bila ada keperluan; dan
 - c. tiga lokasi telah menggunakan talian semula.
- Emel peringatan telah dihantar kepada Kementerian/Agenzi berkenaan.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

11. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

○ Tahap Penggunaan Talian [Perenggan 5.2.2.(e)]



KRITERIA

- Garis Panduan Perkhidmatan Telekomunikasi Kerajaan penamatan atau turun taraf perkhidmatan dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan rendah tanpa munasabah. Pengurusan Rangkaian Bersepadu (1Gov*Net), boleh sebab yang

PENEMUAN AUDIT

- Penggunaan talian rendah melebihi tiga bulan.
- Jumlah pembayaran sebanyak RM653,117.00.
- Sebab: kurang pemantauan daripada MAMPU.
- Kesan: pembaziran sumber kewangan Kerajaan.



RINGKASAN
MAKLUM
BALAS AGD



Tindakan yang telah diambil bagi 11 lokasi:
a. sembilan lokasi telah diturun taraf kepada 1Mbps;
b. penggunaan rendah di dua lokasi disebabkan oleh *on demand* (work nature).
MAMPU mengeluarkan emel notifikasi penggunaan rendah dan dapatkan justifikasi dari agensi. Lawatan inspektorat turut dilaksanakan.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

12. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- Tempoh Kelulusan Oleh MAMPU [Perenggan 5.2.3.(a)]



KRITERIA

- Tempoh keseluruhan proses permohonan talian baharu, naik/turun taraf talian agensi sehingga NTC dikeluarkan kepada kontraktor adalah selama 30 hari bergantung kepada kompleksiti permohonan.



PENEMUAN AUDIT

- NTC bagi permohonan talian baharu dan naik/turun taraf talian melebihi tempoh 30 hari.
- Tempoh proses kelulusan permohonan penamatan dan perpindahan talian tidak dinyatakan dalam SOP.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Tempoh masa tidak ditetapkan dalam mengeluarkan NTC:
 - a. agensi dibenarkan untuk membuat permohonan awal sekiranya maklumat telah tersedia.
 - b. NTC dikeluarkan oleh pihak Pasukan Projek akan disesuaikan dengan situasi sebenar.
- SOP permohonan telah ditambah baik dengan memasukkan bilangan hari bagi proses kelulusan dan pengeluaran NTC.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



4. ISU AUDIT

13. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- Perubahan Teknologi Rangkaian MyGov*Net [Perenggan 5.2.3.(b)]

PENEMUAN AUDIT

- Kelewatan penamatan perkhidmatan lama.
- Kesan: 122 lokasi menggunakan dua jenis teknologi rangkaian. Lebihan bayaran RM2.46 juta.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Bayaran balik berjumlah RM343,386.57 (113 lokasi) dibuat pada 12 Oktober 2020.
- Pelarasan RM2,150,098.28 (termasuk cukai perkhidmatan) akan dibuat dalam tuntutan pengebilan.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



5. RUMUSAN

Perkhidmatan MyGov*Net:


- Memuaskan dari aspek capaian kepada aplikasi Kerajaan dan dalaman agensi.
- Tidak memuaskan dari aspek pelaksanaan, pemantauan, pengurusan kontrak, kawalan di peringkat MAMPU dan agensi.
- Terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan.



PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



6. SYOR AUDIT



01

Pengurusan kontrak memihak kepada Kerajaan.

02

Pengurusan kewangan dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian di bawah kawalan MAMPU.

03

Melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketiga.



SEKIAN
TERIMA KASIH



MAMPU

PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-14 BIL. 10(A) TAHUN 2021

**PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN
LKAN 2019 Siri 2 – Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan
Berkanun Persekutuan**



LATAR BELAKANG

- 1 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - RANGKAIAN KAWASAN LUAS-SERVICE LEVEL GUARANTEE (SLG)**
- 2 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - RANGKAIAN KAWASAN LUAS-PENYENGGARAAN PENCEGAHAN**
- 3 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN PILIHAN**
- 4 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN BERWAYAR PCN**
- 5 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN TANPA WAYAR PCN (PCN WIFI)**



- 6 PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN KESELAMATAN RANGKAIAN PCN**
- 7 PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PEMBAYARAN PERKHIDMATAN**
- 8 PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST/GST)**
- 9 PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PELARASAN PEMBAYARAN**
- 10 PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PENGGUNAAN TALIAN**
- 11 PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - TAHAP PENGGUNAAN TALIAN**
- 12 PEMANTAUAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET - TEMPOH KELULUSAN OLEH MAMPU**
- 13 PEMANTAUAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET - PERUBAHAN TEKNOLOGI RANGKAIAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET**



LATAR BELAKANG

FAKTA UTAMA PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN

1 Januari 2013

- Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan mula digunakan

RM6.308 Bilion

- Nilai kontrak bagi tempoh konsesi tahun 2013 hingga 2022

Kontraktor

- *Service provider* yang dilantik secara rundingan terus melalui kaedah *Build-Own-Operate* (BOO)

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Peruntukan

Agensi Kerajaan Persekutuan

Fi Perkhidmatan

Agenzi pelaksana perkhidmatan

- Kontrak asal: RM4.368 bilion
- Pertambahan kos kontrak: RM1.940 bilion
- Rangkaian Kawasan Luas (Wide Area Network) di seluruh Malaysia
- Rangkaian Kampus Putrajaya (Putrajaya Campus Network) di Putrajaya dan Cyberjaya
- Pembayaran secara bulanan mengikut jenis perkhidmatan yang dilanggan oleh agensi
- Pembayaran kadar harga caj sekali (one time charge) bagi kerja-kerja yang dilaksanakan



PENUBUHAN GITN

MAMPU
mengenal pasti
keperluan untuk
GITN

MOU Kajian
Kebolehlaksanaan
oleh Kerajaan, TM
dan PNB

Kajian Kebolehlaksanaan telah
diaudit oleh Price Waterhouse
Associates (PWC)

April 1995

Kajian Kebolehlaksanaan telah
disahkan oleh panel
Pembangunan Perkhidmatan
Awam

Oktober 1995

GITN telah diluluskan
oleh Kabinet Malaysia

1992

1993-1994

1995

1996

13 Mac 1996

29 Februari 2012

Kabinet bersetuju dengan
pelaksanaan 1Gov*Net
(MyGov*Net) dengan GSB
melalui Kaedah *Build-Operate-*
Own (BOO)

1999 – 2012

Pelaksanaan
Perkhidmatan EG*Net



8 Februari 2002

TM telah mengambil alih
keseluruhan ekuiti syarikat GSB

2013 – 2022

Pelaksanaan
Perkhidmatan MyGov*Net



PERKHIDMATAN PILIHAN

- ❖ 15,951 Iesen Content Filtering
- ❖ 86 Firewall
- ❖ 6 IPS
- ❖ 227 WAN Encryption
- ❖ 8 BMT Optimization
- ❖ 863 Managed LAN Switch
- ❖ 2 Point-to-Point Services
- ❖ 14 Remote Access Services
- ❖ 2 DOME

- ❖ NOC
- ❖ SOC
- ❖ HELPDESK

PERKHIDMATAN UTAMA

MyGov*Net.WAN

- ❖ 11,356 lokasi Agensi Kerajaan.
- ❖ 27 Kementerian dan 201 Agensi termasuk di bandar dan luar bandar bagi menyokong perkhidmatan dalam talian Kerajaan.



MyGov*Net.PCN

Rangkaian kampus persendirian yang khusus dan selamat di Putrajaya menghubungkan lebih daripada 50,000 pengguna di 95 Agensi dan 73 bangunan (2,688 Switches dan 2,849 Access Point)

MyGov*Net.Global



Perkhidmatan Rangkaian Persendirian Kerajaan yang khusus dan selamat di 34 lokasi di luar negara.

MyGov*Net.PDSA

Menyediakan perkhidmatan rangkaian untuk menghubungkan 4 Pusat Data Sektor Awam (PDSA) – Kulim, Bandar Enstek, Cyberjaya dan Putrajaya



ISU 1 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - RANGKAIAN KAWASAN LUAS - SERVICE LEVEL GUARANTEE (SLG)



ISU:

- Analisis Audit selanjutnya mendapati **dua aduan yang tidak mencapai SLG dan melebihi downtime tetapi tidak diterima rebat** berjumlah RM254.
- Berlaku kesilapan semasa mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019 di mana terdapat tiket berstatus selesai dan ditutup pada bulan berikutnya.



TINDAKAN

- Pelarasan rebat telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net Bil. 11/2020 pada 4 Disember 2020.
- Bermula November 2020 script pengiraan SLG pada Sistem Pemantauan Perkhidmatan MyGov*Net telah ditambahbaik dengan membaca laporan secara terus daripada tiket yang telah direkod melalui Meja Bantuan.



HALA TUJU

- Dengan penambahbaikan kepada script sistem, tindakan ini telah berjaya mengelakkan kesilapan berulang.
- Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh Pasukan Projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian sejak 2013.



ISU 2 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - RANGKAIAN KAWASAN LUAS - PENYENGGARAAN PENCEGAHAN



ISU:

- Jadual, bilangan lokasi dan mekanisma pemantauan untuk **penyenggaraan pencegahan** tidak dinyatakan secara khusus dalam kontrak. Laporan secara berkala juga tidak disediakan dan hanya dikemukakan apabila penyenggaraan pencegahan dilaksanakan.
- Penyenggaraan pencegahan bagi tempoh 2014 hingga 2016 dibuat secara manual dan laporan pemantauan disediakan dalam bentuk salinan borang.



TINDAKAN

- Aktiviti penyenggaraan pencegahan dilaksanakan secara berfasa iaitu fasa pertama (tahun 2014 hingga 2016), fasa kedua (tahun 2017 hingga 2018) dan Fasa Ketiga (tahun 2019 hingga 2021).
- Bermula pada tahun 2016, pemantauan dan pelaporan aktiviti penyenggaraan pencegahan telah ditambahbaik dengan menggunakan sistem.



HALA TUJU

- Klausu berkaitan kekerapan dan jadual penyenggaraan pencegahan boleh dimasukkan ke dalam kontrak akan datang. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diteliti supaya tidak memberi implikasi kewangan kepada pihak Kerajaan.



ISU 3 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN PILIHAN



ISU:

- Kontraktor telah menamatkan talian tanpa membuat tinjauan tapak di lokasi baharu terlebih dahulu menyebabkan agensi terlibat tidak dipasang dengan perkhidmatan MyGov*Net selama 44 hari.**



TINDAKAN

- Talian telah dipasang semula setelah agensi memaklumkan penangguhan perpindahan.



HALA TUJU

- Isu ini berlaku disebabkan agensi tidak jelas mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan.
- Bagi memastikan agensi faham mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penerima perkhidmatan, agensi dimaklumkan mengenai proses dan SOP perkhidmatan melalui hebahan emel dan Forum Pengguna yang diadakan di setiap zon.



ISU 4 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN BERWAYAR PCN



ISU:

- Semakan Audit mendapati kelewatan pemasangan perkhidmatan berwayar PCN adalah antara 38 hingga 267 hari. Walau bagaimanapun, LAD belum dikenakan kepada kontraktor.



TINDAKAN

- LAD bagi perkhidmatan berwayar masih dalam semakan dan akan diselesaikan pada Disember 2021.
- Semakan terperinci yang melibatkan 63 bangunan (2,688 switches) masih dilaksanakan bagi mengelakkan kesilapan pengiraan.
- 42 bangunan (412 switches) selesai pengiraan. Anggaran jumlah keseluruhan LAD adalah RM44,885.45.



HALA TUJU

- Pengiraan LAD dilaksanakan secara automatik dalam kontrak akan datang.
- Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh Pasukan Projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.
- Pengesahan LAD adalah menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net sejak 2013.



ISU 5 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN TANPA WAYAR PCN (PCN WIFI)



ISU:

- Semakan Audit terhadap UAT bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN mendapati 10 bangunan di Putrajaya mengalami **kelewatan pemasangan** antara **183 hingga 244 hari**. Walau bagaimanapun **LAD belum dikenakan** kepada kontraktor. Berdasarkan maklumat caj perkhidmatan tanpa wayar PCN, anggaran kiraan LAD yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM13,996.



TINDAKAN

- LAD bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN telah diperaku dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 9 Jun 2021 dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net pada 10 Jun 2021.
- Jumlah sebenar LAD yang dikenakan adalah sebanyak RM75,342.32 melibatkan 2,933 AP di 10 bangunan.



HALA TUJU

- Pengiraan LAD dilaksanakan secara automatik dalam kontrak akan datang.
- Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh Pasukan Projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.
- Pengesahan LAD adalah menjadi agenda tetap dan dilaksanakan setiap bulan dalam Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net sejak 2013.



ISU 6 : PENCAPAIAN OUTPUT : PENYAMPAIAN DELIVERABLES - PERKHIDMATAN TERURUS RANGKAIAN KAMPUS PUTRAJAYA (PCN MANAGED SERVICES) - PERKHIDMATAN KESELAMATAN RANGKAIAN PCN



ISU:

- Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah melantik pihak ketiga dan telah dipersetujui oleh MAMPU bagi melaksanakan Penilaian Tahap Keselamatan ICT (SPA) ke atas rangkaian MyGov*Net pada tahun 2021.
- Walau bagaimanapun, **tiada klausa kontrak berkenaan pelaksanaan *due diligence*** kepada pihak ketiga sebelum penerimaan pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian MyGov*Net.



TINDAKAN

- Pelantikan pihak ketiga telah mendapatkan perakuan dan kelulusan dari pihak Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal MyGov*Net



HALA TUJU

- Pelaksanaan perkhidmatan MyGov*Net dipantau melalui struktur tadbir urus iaitu Mesyuarat JK Pemandu dan Mesyuarat JK Teknikal.
- Ahli JKP terdiri daripada wakil daripada MAMPU, MOF, UKAS, MCMC dan KKMM.
- Ahli JKT terdiri daripada wakil agensi sebagai pengguna utama perkhidmatan MyGov*Net iaitu Kementerian Kesihatan, KDN, Kementerian Luar Negeri dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.



ISU 7 : PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PEMBAYARAN PERKHIDMATAN



ISU:

- Analisis Audit terhadap data bayaran bagi 2014 hingga 2020 mendapati pembayaran bagi perkhidmatan Local Area Network – Managed Switch Services di Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah bagi bulan Jan hingga Mac 2015 telah **dicaj sebanyak 2 kali.**
- Pihak Audit mendapati kontraktor telah mengeluarkan bil yang berbeza namun mempunyai tarikh perkhidmatan yang sama mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM2,816.



TINDAKAN

- Bayaran balik berjumlah RM2,816 telah dibuat pada 4 Disember 2020.
- Tindakan penambahbaikan kepada pengebilan MyGov*Net telah dibuat dengan mewujudkan sistem pengebilan di dalam sistem MyGovServ pada tahun 2018.
- Bagi mengelakkan daripada berulang, kontraktor membuat semakan silang setiap bulan dengan data dari Sistem pemantauan pengoperasian MyGov*Net.



HALA TUJU

- Mewujudkan pasukan semakan pengebilan yang akan menyemak butiran perkhidmatan setiap bulan dengan memastikan pengebilan teratur mengikut SOP yang telah ditambah baik.
- Pengauditan *Quality Assurance* secara berkala setiap bulan dilaksanakan oleh kontraktor.



ISU 8 : PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST/GST)



ISU:

- **Caj cukai perkhidmatan (SST/GST) sebanyak 6% telah dikenakan sebanyak dua kali bagi tempoh September 2017 hingga Disember 2020 untuk perkhidmatan talian *Point to Point*.**



TINDAKAN

- Bayaran balik bagi pertindihan caj cukai berjumlah RM26,537 telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020.



HALA TUJU

- Mengeluarkan caj cukai perkhidmatan (SST/GST) dari surat kadar harga.
- Cukai perkhidmatan (SST/GST) akan dikira secara automatik melalui sistem.



ISU 9 : PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PELARASAN PEMBAYARAN



ISU:

- Data bayaran tahun 2014 hingga 2020 mendapati terdapat **kesilapan dalam pelarasan** bagi tuntutan bayaran bulan September 2016 yang menyebabkan MAMPU telah terlebih bayar sejumlah RM38,244.
- Data bayaran tahun 2015, 2016 dan 2019 mendapati terdapat **kesilapan kaedah pengiraan pengebilan** mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor berjumlah RM3,569.



TINDAKAN

- MAMPU telah menambahbaik kaedah pengiraan pengebilan bagi mengelakkan isu ini berulang.
- Pelarasan pembayaran telah dilaksanakan pada 4 Disember 2020



HALA TUJU

- SOP pengebilan ditambah baik dengan menggunakan kaedah pengiraan baru yang sesuai dan mengambil kira semua situasi pelaksanaan.
- Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh Pasukan Projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.



ISU 10 : PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - PENGGUNAAN TALIAN



ISU:

- Data penggunaan rangkaian bagi tempoh Oktober 2017 hingga Disember 2020, mendapati **rangkaian MyGov*Net tidak digunakan melebihi tiga bulan berturut-turut di 61 lokasi.**
- Pembayaran tetap juga dilakukan terhadap kontraktor berjumlah RM1.78 juta walaupun rangkaian tidak digunakan oleh pengguna.



TINDAKAN

- Negara dilanda wabak pandemik COVID19, pihak Kerajaan telah mengeluarkan arahan PKP. Perkhidmatan Awam turut terkesan dengan arahan untuk BDR supaya sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas. Oleh yang demikian, talian yang dibekalkan di pejabat Kerajaan tidak digunakan
- Status dan tindakan bagi 61 talian adalah:
 - i. 30 lokasi ditamatkan talian;
 - ii. 2 lokasi dituruntaraf kelajuan; dan
 - iii. 29 lokasi beroperasi semula.



HALA TUJU

- Pihak MAMPU meneliti dan mengkaji kesesuaian caj bayaran berdasarkan penggunaan (*Pay-Per-Use*) dalam kontrak yang akan datang.



ISU 11 : PENGURUSAN PERBELANJAAN KONTRAK - TAHAP PENGGUNAAN TALIAN



ISU:

- Analisis Audit bagi tempoh Oktober 2017 hingga Disember 2020, mendapati **penggunaan talian yang rendah melebihi tiga bulan berturut-turut** iaitu antara 0.01% hingga 20.0% di **11 lokasi**.
- Jumlah pembayaran kepada kontraktor dari Oktober 2017 hingga Disember 2017 adalah RM653,117.00. Pihak Audit mendapati pembayaran ini tetap dilakukan mengikut kadar kontrak walaupun penggunaan adalah rendah bagi tiga bulan berturut-turut.



TINDAKAN

- Antara justifikasi daripada Agensi terlibat, penggunaan rendah adalah disebabkan oleh cara norma kerja agensi yang hanya menggunakan talian apabila perlu sahaja.
- MAMPU mengeluarkan emel notifikasi penggunaan rendah dan mendapatkan justifikasi dari agensi berkenaan
- Hasil pemantauan dan semakan, tindakan menurun taraf talian dilaksanakan mengikut keperluan.



HALA TUJU

- Pihak MAMPU sedang meneliti caj bayaran berdasarkan penggunaan (*Pay-Per-Use*) dalam kontrak yang akan datang.
- Bagi menaikkan penggunaan talian yang dibekalkan, agensi adalah digalakkan untuk membangunkan aplikasi atau kandungan (*content*). Tidak hanya fokus kepada aplikasi utama Kerajaan seperti ePerolehan, iGFMAS, HRMIS dan lain-lain.



ISU 12 : PEMANTAUAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET - TEMPOH KELULUSAN OLEH MAMPU



ISU:

- Analisis Audit bagi 2017 - 2020 mendapati, NTC bagi 1,509 permohonan pemasangan talian baharu & naik/turun taraf talian dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari iaitu antara 31 - 2,165 hari.
- SOP penamatan & perpindahan talian ada disediakan namun tempoh proses kelulusan permohonan tidak dinyatakan. Audit mendapati, tempoh masa NTC dikeluarkan bagi permohonan penamatan & perpindahan talian adalah antara 2 - 358 hari.



TINDAKAN

- SOP permohonan telah ditambah baik dengan memasukkan bilangan hari bagi proses kelulusan dan pengeluaran NTC.



HALA TUJU

- Dengan adanya SOP ini, terdapat kawalan kepada tempoh kelulusan oleh pihak MAMPU.
- Pemantauan berterusan setiap bulan dilakukan oleh Pasukan Projek melalui Mesyuarat Status Pelaksanaan dan Mesyuarat Status Pengoperasian.



ISU 13 : PEMANTAUAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET - PERUBAHAN TEKNOLOGI RANGKAIAN PERKHIDMATAN MYGOV*NET



ISU:

- Analisis Audit terhadap keseluruhan 10,493 lokasi pada Dis 2020 mendapati 122 lokasi telah dikenal pasti oleh pihak MAMPU untuk pertukaran teknologi rangkaian. Walau bagaimanapun, **berlaku kelewatan penamatan perkhidmatan lama** menyebabkan lokasi tersebut menggunakan 2 jenis teknologi rangkaian pada masa yang sama dengan **lebihan bayaran berjumlah RM2.46 juta**.
- Tiada data penggunaan rangkaian bagi teknologi lama selepas UAT rangkaian teknologi baru.



TINDAKAN

- SOP Pertukaran Teknologi telah dibangunkan pada Januari 2021 supaya tiada pertindihan pengebilan berlaku di masa akan datang.
- Pelarasan bayaran berjumlah **RM2.49 juta** telah dilaksanakan.



HALA TUJU

- Dengan adanya SOP ini, pertindihan dalam caj untuk dua teknologi berbeza bagi lokasi yang sama telah dapat dielakkan.
- Pemantauan berterusan dilakukan oleh Pasukan Projek dengan melaksanakan Mesyuarat Status dan Operasi secara bulanan.



SYOR AUDIT

- 1.** Memastikan pengurusan kontrak memihak kepada Kerajaan dengan menyatakan klausa berkenaan sasaran bilangan lokasi bagi pemasangan rangkaian, kekerapan pelaksanaan penyenggaraan pencegahan dan had minimum saiz lebar jalur bagi semua teknologi yang diterima oleh agensi;
- 2.** Memastikan pengurusan kewangan, termasuk pemantauan penggunaan rangkaian adalah efektif, pembayaran selaras dengan penggunaan, mengenakan LAD bagi perkhidmatan yang lewat disediakan dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian di bawah kawalan MAMPU; dan
- 3.** Melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketiga sebelum diterima/sign off bagi setiap aktiviti yang berimpak tinggi atau yang melibatkan keselamatan rangkaian.



KESIMPULAN DAN HALA TUJU

- 1.** Tiga belas (13) isu yang ditemui - sepuluh (10) telah berjaya diselesaikan dan tiga (3) isu masih dalam tindakan dan perhatian;
- 2.** Kebanyakan isu tersebut merupakan isu operasi harian projek dan adalah dalam kawalan pihak MAMPU. Pihak MAMPU akan terus membuat pemantauan agar isu tersebut tidak berulang; dan
- 3.** Pihak MAMPU akan meneliti cadangan caj yang berasaskan kepada penggunaan atau "*Pay-Per-Use*". Analisis faedah dan kos perlu dikaji memandangkan kaedah caj sebegini tidak digunakan untuk talian yang berasaskan kepada kapasiti lebar jalur yang tetap atau *fixed line network*.



MAMPU



SEKIAN

TERIMA KASIH

GAMBAR PROSIDING

